



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT
*HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KELIMA
*Fifth Parliament***

**PENGGAL PERTAMA
*First Session***

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5099]

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 5166]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Rumah Kediaman Pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu [Ruangan 5222]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**
- Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. Q.K.L.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,**
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, **DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, **DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).**
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, **TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, **TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, **TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, **TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).**
- .. **TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).**
- .. **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**
- .. **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).**
- .. **TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).**
- .. **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).**
- .. **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).**
- .. **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).**
- .. **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).**
- .. **TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).**
- .. **TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).**
- .. **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).**
- .. **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).**
- .. **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- .. **TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).**
- .. **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- .. **TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).**
- .. **TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).**

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23hb Mac, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PROJEK HYDRO-ELEKTRIK
DI PELAGUS

1. **Tuan Bujang bin Haji Ulls** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan meneruskan cadangannya bagi mengadakan projek hydro-elektrik di Pelagus, Sarawak dan jika ya, nyatakan:

- (a) langkah-langkah yang sedang diambil terhadap melaksanakan projek tersebut; dan
- (b) bilangan orang-orang yang terlibat dan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan bahawa hal-hal kebajikan orang-orang ini akan dipelihara sepenuhnya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan memanglah untuk meneruskan cadangan bagi mengadakan projek hydro-elektrik di Pelagus di negeri Sarawak.

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada setakat ini cadangan ini adalah di peringkat kajian. Satu kajian kemungkinan ke atas projek ini (*feasibility study*) akan dijalankan dengan bantuan kewangan Kerajaan Jerman dan kajian ini dijangka akan dimulakan pada pertengahan tahun ini. Kajian Kemungkinan ini juga akan meliputi kajian membawa kuasa itu ke Semenanjung Malaysia.

- (b) Jumlah penduduk yang akan terlibat adalah dianggarkan lebih kurang 6,000 orang. Sekiranya projek ini dilaksanakan, sudah tentu satu Jawatankuasa akan ditubuhkan untuk menguruskan hal-hal kebajikan penduduk yang akan terlibat.

Tuan Bujang bin Haji Ulls: Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab-sebab yang spesifik termasuk sebab-sebab ekonomi, fizikal dan sosial yang mendorong pihak Kerajaan memilih Pelagus sebagai projek untuk *feasibility study* ini.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, keadaan di Pelagus nampaknya sesuai untuk dijalankan projek hydro dan mengikut siasatan pertama (*pre-feasibility study*) keadaan di sana dapat membuatkan sampai 1,400 megawatt power potential dan ini jika dilaksanakan tentulah memberi kuasa elektrik yang akan diguna bukan sahaja di negeri Sarawak termasuk juga di Semenanjung (Peninsular) Malaysia.

SELECTIVE MANAGEMENT
SYSTEM

2. **Tuan Ismail bin Sald** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapa buahkah syarikat membalak di Semenanjung Malaysia yang mengamalkan penebang hutan mengikut "Selective Management System" dan jumlah keluasan hutan yang terlibat:
- (b) sejauh manakah sistem ini didapati berkesan, praktikal dan berjaya dan sejauh manakah peranan yang dimaikan oleh Jabatan Hutan supaya sistem ini dipatuhi oleh syarikat-syarikat membalak yang berkenaan; dan
- (c) adakah Kementerian ini bercadang hendak menjadikan sistem ini sebagai salah satu dari Dasar Perhutanan Negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Speaker,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat lima buah syarikat Kompleks Perkayuan yang sedang mengamalkan penerbangan hutan mengikut "Selective Management System". Luas keseluruhan kawasan perjanjian yang terlibat bagi syarikat-syarikat tersebut berjumlah 719,000 ekar. Syarikat-syarikat dan luas kawasan perjanjian yang diperuntukkan adalah seperti berikut:

(i) Syarikat Jengka Sdn. Bhd.	300,000 ekar
(ii) Syarikat Lesong Timber Product Sdn. Bhd.	139,000 "
(iii) Besut Tsuda Industries Sdn. Bhd.	50,000 "
(iv) Pesama Timber Corporation	50,000 "
(v) Great Eastern Mills Bhd.	180,000 "

(b) Sistem ini memerlukan sesebuah syarikat yang mempunyai kawasan perjanjian itu menjalankan beberapa langkah yang tertentu, termasuklah menjalankan inventori terhadap sumber-jaya hutan dalam kawasan perjanjian dan mengadakan satu jadual serta melaksanakan pengurusan dan pembangunan (penghutan semula) sumberjaya hutan tersebut.

"Selective Management System" ini telah mula digunakan dalam tahun 1973 dan kajian awal menunjukkan bahawa sistem ini adalah berkesan, praktikal dan boleh dilaksanakan dengan berjaya sekiranya syarikat-syarikat ini menjalankan inventori dengan betul iaitu dengan hanya menebang pokok-pokok mengikut ukuran yang ditentukan sahaja dan menjalankan penerbangan dengan betul supaya pokok-pokok kecil tidak akan dirosakkan semasa penebangan.

Dalam hal ini Jabatan Perhutanan adalah bertanggungjawab untuk memastikan syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat berkenaan adalah dipatuhi dengan mengadakan "spot-checks" ke atas inventori yang dijalankan mengadakan pemeriksaan ke atas pokok-pokok yang ditanda untuk ditebang bagi menentukan bahawa pokok-pokok ini adalah mengikut ukuran seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan dan juga membantu syarikat-syarikat dengan

memberikan nasihat berkenaan dengan cara penebangan yang baik.

Di samping ini, jika sekiranya didapati bahawa syarikat-syarikat ini tiada mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, tindakan boleh diambil untuk membatalkan perjanjian mereka.

(c) "Selective Management System" adalah satu sistem atau teknik pengurusan hutan dan sistem ini akan dilaksanakan di semua kawasan membalak dalam Hutan Simpan Kekal dan Jabatan Perhutanan sedang mengadakan rancangan-rancangan bagi maksud itu.

TALIPINGGANG KELEDAR

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) jenis-jenis dan cap-cap berbagai Tali-pinggang Keledar yang telah diluluskan untuk kegunaan orang ramai;
- (ii) adakah Kerajaan akan menimbang mengecualikan pemandu-pemandu daripada menggunakan talipinggang keledar di dalam kawasan bandaraya dan hanya membuatnya wajib bagi perjalanan jauh yang mesti menggunakan talipinggang keledar;
- (iii) adakah Kerajaan akan mengecualikan pemandu-pemandu teksi di dalam kawasan bandaraya daripada menggunakan talipinggang keledar; dan
- (iv) adakah Kerajaan akan menimbang mengecualikan pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang wanita daripada menggunakan talipinggang di bahagian dada mereka dan hanya diperlukan menggunakan talipinggang mereka.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Telk): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan (i) ialah taraf-taraf talipinggang keledar yang telah diluluskan oleh Kerajaan untuk kegunaan orang ramai adalah seperti berikut:

- (a) MS 6.3 Tahun 1972
- (b) MS 6.29 Tahun 1978
- (c) BS AU 160a Tahun 1971
- (d) BS 3254

- (e) ECE Regulation No.16
- (f) JIS D4604 Tahun 1975
- (g) Federal Motor Vehicles Safety Specifications (FMVSS) Standard No. 208 Occupant Crash Protection.
- (h) Australian Design Rules (ADR) 4, 4A, 4B, 4C.

Berkenaan dengan soalan (ii) dan (iii), saya ingin tegaskan bahawa perkara ini adalah kajian yang terakhir dan Kementerian bercadang membuat satu pengumuman tidak lama lagi.

Soalan (iv), Kementerian saya tidak dapat bersetuju mereka itu diberikan pengecualian.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini sehingga hari ini berapakah rayuan yang telah dibuat oleh pemandu-pemandu teksi kepada pihak yang berkenaan dengan tujuan supaya mereka dikesualikan menggunakan talipinggang keledar dan jika rayuan ini ada dibuat, apakah tindakan yang akan diambil?

Dr Goh Cheng Telk: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah menerima beberapa rayuan daripada Persatuan-persatuan Pemandu Teksi dan perkara ini seperti saya sebutkan tadi adalah dalam kajian terakhir dan Kementerian bercadang membuat satu pengumuman tidak lama lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, sungguhpun ada 8 jenis cap talipinggang keledar diluluskan, tetapi apakah sebabnya ketika Undang-undang ini dikuatkuasakan hanya satu cap iaitu Britax sahaja untuk monopoli pasaran di Malaysia sehingga harga dinaikkan dengan sangat tinggi?

Dr Goh Cheng Telk: Tuan Yang di-Pertua, soal monopoli tidak timbul dan kalau ada aduan yang tepat mengenai kenaikan harga yang tidak betul, sila kemukakan untuk siasatan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Sebenarnya pada tahun ini saya ada membuat satu surat rasmi kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tentang aduan-aduan dari orang ramai yang berkaitan dengan monopoli Britax dengan harga-harga yang

sangat tinggi untuk memaksa pengguna-pengguna membeli cap itu sahaja, yang lain-lain tidak dapat dijumpai di pasaran Malaysia. Apakah tindakan yang sudah diambil atas surat aduan saya itu?

Dr Goh Cheng Telk: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah meluluskan beberapa jenis talipinggang keledar untuk dijual dalam pasaran dan soal monopoli tidak timbul sama sekali. Saya tidak sedar jenis-jenis lain tidak didapati dalam pasaran.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, jika seorang budak duduk di hadapan kenakah menggunakan talipinggang keledar?

Dr Goh Cheng Telk: Tuan Yang di-Pertua, sesiapa pun yang duduk di tempat duduk hadapan haruslah memakai talipinggang keledar dan kalau ada kanak-kanak lebih elok ditempatkan di belakang.

BAGGAGE X-RAY SISTEM DI SUBANG

4. **Tuan A.K. Alluddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir** (*di bawah S. O. 24(2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian ini akan memperbaiki Bilik Mengambil Barang-barang (Baggage Collecting Room) dan juga pejabat Pemeriksa Kastam di Lapanganterbang Antarabangsa Subang bagi memberi kemudahan kepada penumpang-penumpang yang datang ke Kuala Lumpur oleh kerana ianya sekarang kecil dan sesak; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau akan mengadakan Baggage X'ray System di Lapanganterbang Antarabangsa Subang tahun ini; jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan (a) Kementerian telahpun mengambil tindakan bagi memperbesarkan Bilik Mengambil Barang-barang (Baggage Collecting Room) dan juga tempat pemeriksaan Kastam di Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Kerja-kerja ini dijangka siap pada akhir bulan ini.

Berkenaan dengan soalan (b) Baggage X-ray Machine telahpun dipasang dan sedang diguna di Lapanganterbang Antarabangsa Subang.

TOPI KELEDAR BAGI PEMANDU MOTOSIKAL

5. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak pelaksanaan undang-undang memerlukan pemandu-pemandu motosikal memakai topi keledar, sama ada kadar kemalangan telah turun di kalangan pemandu-pemandu motosikal.

Kawasan	Sebelum undang-undang 15-2-74 - 31-12-74	Selepas undang-undang 15-2-75 - 31-12-75
	Mati	Mati
1. Kuala Lumpur	68	58
2. Petaling Jaya	23	7
3. Ipoh	33	28
4. Georgetown	33	15
Jumlah ..	168	108

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan memakai topi keledar ini lebih banyak berlaku kemalangan kerana mereka yang memakai topi keledar itu tidak mendengar kereta yang datang daripada belakang? (*Ketawa*).

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, itu pendapat Ahli Yang Berhormat dan Kementerian saya tidak terima pendapat itu.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita pernah dengar ada juga orang mengatakan alang-alang kita hidup susah ataupun hidup segan, mati tidak mahu, lebih baik kita mati terus. Jadi, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dan menjelaskan berapakah agaknya mereka yang mendapat kemalangan tetapi oleh kerana kepalanya tidak pecah dan tidak mati, dibahagian lain teruk dan cedera, berapakah orang agaknya dalam tahun 1978 yang mendapat kesan buruk seperti itu?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan bahawa undang-undang memerlukan pemandu-pemandu motosikal memakai topi keledar tidak dapat mengurangkan jumlah kemalangan jalanraya. Tujuan undang-undang itu ialah sebagai salah satu langkah bagi mengurangkan kematian dan kecederaan parah di kalangan penunggang dan penumpang motosikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perangkaan berikut menunjukkan pengurangan sebanyak 35% kadar kematian bagi kawasan-kawasan pelaksanaan peringkat pertama undang-undang topi keledar:

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berkehendakkan notis.

Tuan Hashim bin Endut: Soalan tambahan. Tujuan memakai topi keledar kepada penunggang motosikal kerana hendak menyelamatkan kalau accident takut mati. Adakah Timbalan Menteri terfikir bahawa di jalan-jalan kecil seperti State road juga berlaku kemalangan, tetapi mengapakah topi keledar tidak dipaksa atau dimestikan di tempat-tempat lain daripada Federal road?

Tuan Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya melaksanakan undang-undang ini secara berperingkat dan pada masa ini di peringkat yang meliputi kawasan-kawasan jalan-jalan Persekutuan sahaja yang terlibat.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik yang diberi baru-baru ini menunjukkan kemalangan yang telah berlaku di bandar-bandar sahaja. Apakah kedudukannya di luar bandar?

Tuan Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh secara bertulis menghantar statistik tambahan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu yang baik.

KECURIAN TENAGA LETRIK

6. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan nama-nama kilang dan hotel yang telah menyalurkan secara haram tenaga letrik dalam tahun 1977 dan 1978 dan memandangkan kekurangan bekalan tenaga letrik nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mencegah kecurian selanjutnya tenaga letrik dan mengapakah dakwaan tidak dibuat di mahkamah.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa nama-nama kilang dan hotel-hotel yang terlibat dalam penyaluran secara haram tenaga letrik masih dirahsiakan kerana kes-kes ini sedang dalam penyiasatan. Jumlah penyaluran tenaga letrik secara haram oleh kilang-kilang dan hotel-hotel pada tahun 1977 dan 1978 yang dapat dikesan adalah seperti berikut:

	1977	1978
Bilangan kilang terlibat	3	3
Yunit terlibat ..	577,154	1,249,262
Kerugian hasil ..	\$61,270	\$150,424
Bilangan hotel terlibat	2	3
Yunit terlibat ..	92,483	543,853
Kerugian hasil ..	\$11,074	\$32,435

Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil oleh LLN bagi mencegah kecurian tenaga letrik:

(a) Mematri jangka tenaga dengan menggunakan matri jenis baru supaya mudah dikesan jangka tenaga yang telah dibuka bagi mengurangkan bacaannya. Matri jenis ini banyak digunakan di Amerika Syarikat.

(b) Mengarahkan kakitangan LLN supaya lebih berhati-hati terhadap perbezaan yang besar dalam bacaan jangka bulanan dan memeriksa jangka tenaga untuk memastikan jangka tenaga itu tidak disuk.

(c) Meletakkan papan jangka di tempat yang terdedah supaya pengusikan jangka tidak dapat dibuat dengan sewenang-wenangnya.

(d) Memberi publisiti yang luas di surat-surat khabar mengenai kes-kes pencurian tenaga letrik supaya orang lain akan takut untuk melakukan kecurian ini.

Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah kes-kes yang telah didakwa ke mahkamah sejak 1972 sehingga Mac, 1979 adalah sebanyak 171 kes. LLN telah dan akan terus mengambil tindakan untuk mendakwa di mahkamah tetapi kejayaan di dalam pendakwaan ini bergantung kepada penyiasatan atau pre-trial preparation yang rapi dan lengkap di mana ini semua akan mengambil masa yang agak lama.

AJARAN KRIPTO—PENGLIBATAN PENUNTUT UNIVERSITI KEBANGSAAN

7. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini seramai 60 orang penuntut dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah dibuang kerana penglibatan mereka dalam ajaran kripto (atau ajaran yang menerima wahyu dari Isa-Al-Masih). Berapa banyak penuntut-penuntut lain yang terlibat dan terpengaruh dengan ajaran ini dan apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang adanya penuntut-penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia yang terlibat dalam ajaran "kripto", tetapi jumlahnya 2 orang sahaja dan tidak 60 orang seperti yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Ajaran "kripto" ialah suatu ajaran salah di sisi Islam yang percayakan bahawa zat Allah berada di dalam diri seseorang, dan melalui Isa-Al-Masih telah menurunkan wahyu

sebagai "kripto" kepada seorang yang bernama Mokhtar bin Hassan yang telah menyampaikan kepada mereka. Penganutnya kepada "kripto" yang berbahasa Inggeris lebih daripada Al-Quran, malah mereka membelakangkan Al-Quran, dan mereka juga memutar-belitkan ayat-ayat Al-Quran sesuai dengan "kripto" walaupun bertentangan dengan tafsiran Al-Quran.

Kedua pelajar ini bukan saja menganuti tetapi telah bergiat untuk menyebarkan ajaran tersebut dan kegiatan mereka ini telah menimbulkan kegelisahan di antara pelajar-pelajar dan hampir mencetuskan pergaduhan antara mereka dengan pelajar-pelajar yang beragama Islam.

Mereka telah dibicarakan oleh pihak berkuasa tatatertib pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia dan didapati salah dan dihukum dengan penyingkiran daripada Universiti. Salah seorang daripada pelajar itu telahpun merayu kepada saya, selaku Menteri Pelajaran, dan saya telah memutuskan bahawa jika ia sanggup bertaubat secara Islam maka saya sanggup meringankan hukumannya daripada penyingkiran kepada hanya penggantungan selama satu penggal akademik bermula dari tarikh kes itu. Sehingga kini pelajar tersebut belum lagi menyambut keputusan saya secara positif. Ini bermakna kedua-dua pelajar itu, iaitu bersama dengan seorang pelajar yang tidak merayu, telah tersingkir.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan para pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi dan di sekolah-sekolah supaya mereka berhati-hati atas apa juga ajaran yang salah di sisi Uqama Islam. Sebagai Menteri Pelajaran, saya telah mengarahkan pihak berkuasa di institusi-institusi pelajaran tinggi dan sekolah-sekolah supaya tidak teragak-agak mengambil apa juga tindakan untuk mengelakkan daripada terjadi perkara yang tidak diinginkan seperti ini.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, setelah dua orang penuntut itu disingkirkan daripada universiti berkenaan apakah penuntut-penuntut itu dapat dikesan masih lagi cuba mempengaruhi kawan-kawan penuntut yang lain dan apakah pihak Kerajaan dapat mengesan yang mereka itu dapat

mempengaruhi ahli masyarakat selain daripada penuntut universiti.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kedudukan pada masa ini berhubung dengan pengaruh mereka di peringkat universiti saya berpuas hati bahawa pengaruh mereka tidak merebak, malahan setelah kedua-dua mereka itu disingkirkan masalah ini tidak timbul langsung. Dari segi pengaruh mereka ke atas masyarakat, wallahu alam, saya berdoa bahawa mereka tidak berpengaruh. Walau macam mana pun, saya tidak dapat menjawab sama ada mereka telah mengambil apa-apa tindakan yang lanjut.

PROJEK PEMBANGUNAN— KELEWATAN

8. Tuan Hashim bin Endut minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalan, sekolah, klinik dll., di daerah-daerah pedalaman negara ini tidak siap lagi sehingga sekarang walaupun peruntukan berjuta-juta ringgit telah diluluskan, dan jika ya, sama ada kelambatan ini disebabkan oleh kekurangan pegawai teknik atau ketidak kecekapan menyusun kerja mereka atau tidak ada kontraktor-kontraktor cekap; nyatakan bagaimanakah masalah ini boleh diatasi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada berlaku kelambatan dalam menguruskan pembinaan beberapa projek-projek pembangunan. Faktor-faktor utama yang menyebabkan kelambatan menyiapkan projek-projek ialah (i) kekurangan kakitangan, (ii) masalah-masalah mendapatkan tanah yang kerap kali melibatkan pemindahan setinggan-setinggan; dan (iii) masalah pemborong-pemborong gagal menyiapkan kerja-kerja mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Mengenai masalah kakitangan, Kerajaan adalah mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah itu dengan cara menambah bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan dan juga mengisi jawatan-jawatan

kosong. Kedudukan kakitangan ini adalah di kaji dari semasa ke semasa untuk menentukan bilangan itu mencukupi bagi melaksanakan projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian saya. Adalah perlu juga dinyatakan di sini calon-calon bagi setengah-setengah jawatan seperti akitek dan pembantu teknik masih belum mencukupi.

Selain daripada itu tindakan juga telah diambil untuk memberi setengah-setengah kerja kepada Jurutera-jurutera Perunding untuk menguruskannya.

Mengenai pengambilan tanah, tindakan-tindakan yang sesuai adalah diambil menyegerakan tindakan pengambilan tanah tetapi masalah setinggian-setinggian yang perlu dipindahkan di setengah-setengah projek adalah satu daripada masalah-masalah besar yang sering dihadapi oleh Kementerian saya dan mengambil masa yang agak lama untuk menguruskannya. Di sini adalah diharapkan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu Kementerian saya untuk mengatasi kedua-dua masalah tersebut.

Kelambatan menyiapkan projek-projek juga adalah disebabkan pemborong-pemborong mengambil masa yang panjang, lebih lama daripada jadual yang telah ditetapkan untuk menyiapkan projek-projek. Setengah daripada projek-projek itu juga telah gagal disiapkan oleh pemborong-pemborong. Antara sebab-sebab besar yang menyebabkan kelengahan itu ialah pemborong kurang mempunyai kemampuan dari segi kewangan ataupun lemah dari segi kemahiran teknikal. Seperti dinyatakan di Dewan ini semalam Kementerian saya telah mengambil langkah untuk meninggikan pengetahuan teknikal di kalangan pemborong-pemborong, dengan mengadakan beberapa kursus latihan percuma di seluruh negara. Bagi mengatasi masalah kekurangan modal di kalangan pemborong-pemborong, Kerajaan telah membuat keputusan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1979 membenarkan pemborong-pemborong mendapat wang pendahuluan sebanyak 15% daripada harga kontrak terakluk kepada had maksima \$1.5 juta dengan syarat mendapat jaminan bank.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah-masalah

yang disebutkan yang mengakibatkan ke-lambatan atau tidak dapat dijalankan projek-projek yang telah diluluskan itu, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada satu projek di jalan besar Keluang, projek ini telah dilulus dan dijalankan pada....

Tuan Yang di-Pertua: Di jalan besar mana?

Tuan Chan Teck Chan: Jalan Yap Toh Sa, di daerah Keluang, Johor.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Keluang, bolehlah.

Tuan Chan Teck Chan: Projek ini telah diluluskan dan dijalankan pada waktu pilihanraya umum tahun lepas. Bila keputusan pilihanraya diumumkan di mana calon Barisan Nasional telah tewas maka projek ini terus akan diberhentikan dan trektor-trektor pun telah ditarik balik sehingga sekarang projek ini belum lagi disiapkan, maka apakah sebabnya. Adakah ini masalah politik dan apakah tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan lain. Ahli Yang Berhormat dari Keluang pun sudah membangkitkan perkara ini di dalam persidangan yang lepas.

Tuan Muhyuddin bin Haji Mohamed Yasin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa satu daripada masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong ialah oleh sebab bekalan bahan-binaan yang terhad dan bukan sahaja terhad, ada kalanya tidak ada langsung bekalan bahan binaan seperti besi dan simen dan sekiranya ada juga bahan-bahan tersebut dijual dengan harga yang mahal. Jika sedar, apakah tindakan Kementerianya yang sedang atau akan diambil bagi menentukan pertamanya bahan binaan ini disediakan dengan secukup-cukupnya dan keduanya, bagi menentukan supaya harga bahan-bahan binaan ini tidak naik melambung sehingga menyebabkan sebahagian daripada kontraktor-kontraktor menghadapi kerugian yang besar.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar atas masalah itu. Kementerian saya sedar berhubung dengan

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian berkenaan dengan masalah ini. Saya harap di masa akan datang boleh diselesaikan.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam telah menyebutkan tiga faktor yang menyebabkan kelambatan pelaksanaan projek-projek bangunan oleh Kementerian yang berkenaan, pertama ialah kerana sukar mendapatkan tanah, kekurangan kakitangan dan juga pemborong yang gagal. Tetapi ada setengah-setengah projek terutama sekali di kawasan saya, tanah sudah diambil tetapi tender belum dikeluarkan untuk melaksanakannya walaupun projek itu sudah lama diluluskan. Kalau hendak nama projek-projek itu saya boleh sebutkan. Apakah sebabnya?

Tuan Willian Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa sedar apa Yang Berhormat telah katakan mengenai projek-projek itu tetapi kebiasaannya jika tanah sudah disediakan tetapi tender belum lagi dipanggil, saya fikir masalahnya ialah pelan belum lagi disiapkan, sebab itu kadangkala sesuatu projek itu terpaksa dipinda dari semasa ke semasa, itulah sebabnya tender belum lagi dipanggil.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamad Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu memandangkan beberapa projek JKR di kawasan saya iaitu satu kawasan yang menjadi kawasan penyokong Kerajaan, banyak sekali projek-perojek yang tidak dilaksanakan. Jadi, saya ingin bertanya sama ada berlaku sabotaj dalam Jabatan Kerja Raya (JKR) sendiri mengenai projek-projek kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Puan Chow Poh Kheng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sedar bahawa ada banyak kontraktor lari sebelum habis kerja kontraknya. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan di atas kontraktor-kontraktor ini?

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu telah dijawab semalam.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terkejut di atas jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kerana lambatnya projek ini disebabkan pelan lambat disiapkan. Saya hendak bertanya untuk dibuat oleh Kementerian. Katalah hendak buat sebuah hospital, sebab saya biasa dengan hal hospital, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kita buat pelan dahulukah apabila hendak buat hospital atau tanah dahulu?

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, sebelum pelan dapat dibuat mestilah mendapatkan tanah dahulu dan tanah ini terpaksa dikaji sama ada sesuai atau tidak sesuai bagi projek yang dikehendaki dan sesudah dibuat kajian tinggi rendah tanah, ada berbatu atau tidak berbatu dan sebagainya baharulah dapat disediakan pelan.

PENDATANG HARAM

9. **Tuan Shamsuri bin Md. Salleh** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa salah satu sebab pendatang-pendatang haram datang ke Malaysia ialah kurang kawalan di perairan kita dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan mengenai perkara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, kenyataan dan keterangan berkenaan dengan perkara ini sudah saya sebutkan dengan panjang lebar pada 19hb Mac, 1979.

RUMAH HARGA MURAH

10. **Tuan V. David** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan beberapa banyakkah bilangan rumah harga murah yang akan disediakan untuk orang ramai bagi tahun 1979. Beberapa banyakkah permohonan yang sedang menunggu dewasa ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1979, Dewan Bandaraya akan menyiapkan sebanyak 2,838 unit rumah harga murah. Permohonan yang sedang menunggu dewasa ini ialah sebanyak 21,280 sehingga akhir Februari, 1979.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Ada juga kita dengar dalam Dewan ini beratus-ratus rumah panjang akan dibina dalam tahun 1979. Bolehkah beritahu Dewan ini kawasan mana rumah-rumah ini dibina dalam tahun 1979?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Saya minta notis, Tuan Yang di-Pertua.

BAS SEKOLAH

11. **Tuan Ibrahim bin Muhamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa telah menjadi kebiasaan dan dasar syarikat-syarikat atau kompeni-kompeni Bas menjadikan bas-bas lama, buruk dan tidak berguna sebagai Bas Sekolah dan mengisinya dengan murid-murid yang lebih daripada hadnya, yang sudah tentu mendatangkan bahaya yang tinggi kepada murid-murid, jika ya, sama ada Kementerian bercadang mengenakan had umur dan keadaan bas yang baik, bagi Bas Sekolah tersebut, sebelum dibenar membaharui permit dan cukai jalannya dan sekiranya peraturan seperti itu telahpun dikenakan, apakah langkah-langkah dan tindakan tegas Kementerian guna mengelakkan perkara tersebut daripada berlaku dengan berleluasan.

Dr Goh Cheng Telk: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada syarikat-syarikat bas yang telah diberi lesen perangkutan (comprehensive licence) yang membenarkan mereka menjalankan perkhidmatan bas sekolah dengan menggunakan bas yang lama, tetapi tidaklah benar bahawa bas-bas itu buruk dan telah dikondemkan. Kebenaran menggunakan bas-bas yang lama ini yang umurnya biasanya dalam 12-18 tahun adalah dibuat di atas sebab-sebab dan syarat-syarat di bawah ini:

- (i) Syarikat-syarikat bas ini diberi kebenaran menjalankan perkhidmatan bas sekolah melalui lesen perangkumannya.
- (ii) Syarikat-syarikat bas ini telah tidak dibenarkan menggunakan bas-bas yang lebih umurnya daripada 12 tahun mulai daripada 1-1-1979 sebagai bas berhentihenti (stage bus). Oleh kerana mereka ini masih lagi mempunyai bas-bas yang umurnya lebih daripada 12 tahun yang

masih dianggap boleh dipakai, Kementerian saya telah membenarkan penggunaan bas-bas ini sebagai bas-bas untuk perkhidmatan sekolah kerana adalah didapati bahawa bas-bas yang digunakan oleh perkhidmatan sekolah ini perjalanannya tidaklah begitu teruk dan jauh sebagaimana bas berhentihenti (stage bus).

- (iii) Kebenaran itu diluluskan juga atas syarat bahawa kenderaan itu hendaklah diperiksa dahulu dengan mempunyai pelan dan rangka bentuk yang diluluskan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan sebelum dapat dilesenkan sebagai bas sekolah.
- (iv) Bas-bas ini adalah juga dikehendaki diperiksa tiap-tiap 6 bulan sekali tentang kesesuaiannya (road worthiness). Jika tidak sesuai, bas-bas ini tidak akan dilesenkan.

Buat pada masa ini Kementerian saya tidak bercadang untuk menghadkan umur bas-bas yang digunakan sebagai bas perkhidmatan sekolah.

NAMA DI KAWASAN-KAWASAN PERUMAHAN

12. **Tuan Husseln bin Mahmood** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa berbagai-bagai nama telah diberikan kepada kawasan-kawasan perumahan dan jika ya sama ada beliau bercadang hendak membuat suatu peraturan untuk mengawal pemberian nama kepada kawasan-kawasan perumahan yang akan didirikan supaya berteraskan kebudayaan nasional negara ini, dan sama ada beliau bercadang hendak menukarkan semua nama-nama kawasan perumahan yang sedia ada yang tidak menunjukkan ciri-ciri tempatan dan aspirasi kebudayaan nasional.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat saya sedar bahawa berbagai-bagai nama telah diberikan kepada kawasan-kawasan perumahan dan saya sedang mengambil tindakan untuk mengawal perkara ini dengan meminta pemaju-pemaju

yang akan memajukan kawasan-kawasan perumahan untuk menggunakan nama-nama yang bercorak kebudayaan nasional. Bagi kawasan-kawasan perumahan yang sudah menggunakan nama-nama yang tidak bercorak kebudayaan nasional ini, Kerajaan Negeri dan Penguasa-penguasa Tempatan telah diminta mengambil apa-apa tindakan yang dianggap menasabah kerana penamaan dan penukaran nama di tiap-tiap rancangan perumahan adalah terjatuh di bawah bidang kuasa Penguasa-penguasa.

DATUK HAJI MOHD. ASRI KE MOSCOW

13. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah benar Yang di-Pertua Agong PAS Datuk Haji Mohd. Asri telah pergi ke Moscow, USSR dan beberapa buah negara Sosialis yang lain dalam bulan Februari, 1978 iaitu sebelum berlakunya pilihan-raya Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 11hb Mac, 1978. Jika benar, apakah tujuan dan motif pemergiannya ke negara-negara tersebut, sepanjang yang diketahui oleh pihak Kerajaan sekiranya tidak menjadi rahsia. Dan apakah tindakan Kerajaan selanjutnya dalam soal ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tahu tentang lawatan Datuk Asri Haji Muda iaitu Yang di-Pertua Agung PAS ke Moscow selama dua hari dalam bulan Januari, bukan Februari. Bulan Januari 15 dan 16 haribulan dan beliau tidak pergi ke negara Sosialis yang lain hanya beliau membuat lawatan tersebut selama dua hari ini di dalam, perjalanannya dengan pesawat Aeroflot untuk pergi ke Khahirah dan ke London. Tujuannya, wallahualam (*Ketawa*).

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Singgah untuk transit ini, Tuan Yang di-Pertua, bermakna Datuk Asri singgah di Moscow kerana kapalterbang kebiasaannya kalau Aeroflot daripada Subang ke Karachi, ke Moscow untuk mendapat pesawat yang lain jenis Aeroflot juga ke London itu terpaksa tidur semalam ataupun dua. Tidur semalam ataupun dua di satu-satu tempat itu dinamakan melawatkah atau transit kepalterbang nama-nama?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi saya tidak menyebutkan transit, saya sebut singgah bukan bermakna transit. Maknanya dalam persinggahan itu adalah membuat lawatan. Jadi kalau transit dia duduk di airport sahaja.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pemergian Yang di-Pertua Agung PAS selama dua hari itu, saya rasa jalan yang paling dekat bukan mengikut Moscow, tetapi ada jalan lain yang lebih dekat. Adakah pemergian beliau ini bertujuan untuk mencari bantuan wang ataupun sokongan moral atau melihat perkembangan Islam di Russia ataupun mengadu sesuatu setelah Partinya keluar daripada Barisan Nasional.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Wallahualam (*Ketawa*).

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Yang Berhormat dari Kota Setar begitu tahu berkenaan perjalanan Datuk Asri, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat dari Kota Setar juga ikut bersama-sama dengan Datuk Asri (*Ketawa*) dalam lawatan ke Moscow ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain (*Ketawa*).

KEMUNDURAN MEMBACA MURID- MURID SEKOLAH

14. **Tuan Lim Kiam Hoon** (*di bawah S. O. 24(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa murid-murid sekolah rendah disogokkan terlalu banyak matapelajaran menyebabkan kemunduran membaca dan menulis;
- (b) apakah rancangan Bahagian Perancangan Kementerian Pelajaran untuk mengubahsuaikan dengan kemampuan murid-murid dari segi kematangan fikiran serta psikologi kanak-kanak agar asas pelajaran rendah cukup disediakan sebelum ke sekolah menengah.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):
Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada

- (a) Kementerian saya sedar bahawa terdapat ramai murid-murid sekolah rendah yang mundur dalam membaca dan menulis. Sebenarnya semenjak Akta Pelajaran 1961 dilaksanakan tidak ada berlaku tambahan bilangan matapelajaran di sekolah-sekolah rendah, tetapi apa yang berlaku ialah isi kurikulum telah bertambah padat. Kurikulum yang padat ini (overloaded) adalah disebabkan oleh:
- (i) Banyak topik-topik pelajaran diulang-ulang di dalam beberapa matapelajaran yang diajar dengan cara berasingan tetapi tujuan pengalaman yang hendak dicapai adalah sama.
 - (ii) Terlalu banyak tajuk-tajuk yang dimasukkan dalam satu-satu sukatan pelajaran (misalnya Sains). Setengah tajuk-tajuk ini tidak sesuai dengan kebolehan murid-murid.
 - (iii) Semua matapelajaran diajar berasingan dan tiap-tiap satu memerlukan buku teks berasingan yang dibawa oleh murid-murid ke sekolah tiap-tiap hari. Ini memberi gambaran kepada ibubapa bahawa terlalu banyak yang dipelajari oleh murid-murid.

Pada ketika ini Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah ke arah memperbaiki dan mengimbuhkan murid-murid yang mundur dalam membaca dan menulis. Walau bagaimanapun untuk menjalankan pengimbuhan secara besar-besaran, Kementerian saya masih menunggu hasil dapatan beberapa kajian dan projek yang sedang dijalankan berkenaan kurikulum sekolah rendah terutama sekali dalam bidang membaca dan menulis.

- (b) Semenjak awal tahun 1970an rancangan kurikulum, Kementerian Pelajaran untuk sekolah rendah adalah bertujuan memenuhi keperluan-keperluan individu kanak-kanak sesuai

dengan kemampuan kanak-kanak tersebut dalam segi peringkat kematangan fikiran serta juga psikologi. Matapelajaran yang dipelajari oleh kanak-kanak darjah 1, 2 dan 3 telah dirangka dengan cara berperingkat untuk memberi kanak-kanak tersebut pendidikan yang seimbang supaya mereka kuat dalam pelajaran asas (mengira, membaca, menulis) serta mempelajari nilai-nilai dan sikap hidup bermasyarakat, pengetahuan agama serta amalan-amalan kesihatan.

Sambil itu kurikulum pendidikan sekolah rendah ini sentiasa dikaji oleh Kementerian saya dalam beberapa segi untuk menjadikan sesuai sebagai teras pendidikan kepada murid-murid sekolah rendah agar mereka mendapat persediaan sebelum masuk ke sekolah menengah. Adalah diharapkan bahawa segala gerakkerja tersebut dapat memajukan lagi perkembangan sepenuhnya kanak-kanak supaya mereka bersedia untuk menerima pendidikan sekolah menengah kelak.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, soal "overloadedness" sebenarnya telah lama dibincangkan dan dikemukakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan pihak Jabatan Pelajaran dan semenjak tahun 1971 kalau saya tidak silap semasa saya masih mengajar, perkara ini telah dibincangkan dan dikemukakan dan sehingga kini nampaknya penyelesaian terhadap perkara ini belum lagi tercapai. Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah mengapakah proses pengkajian ke arah penyelesaian masalah ini begitu lambat dan adakah sebabnya yang lain daripada apa yang telah dikemukakan oleh pihak Menteri?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menggunakan pengetahuannya bertanya dan memberi pendapat. Saya suka menyatakan bahawa sungguhpun kedudukan "overloadedness" yang disebutkannya tadi itu ialah satu masalah yang telah dibincangkan begitu lama. tetapi sesuatu pertukaran sekiranya difikir perlu haruslah dibuat berasas kepada apa

juga kajian supaya sebenar-benar kita memahami kedudukan sebelum dibuat penukaran. Proses ini insya Allah dapat dipastikan dengan muktamadnya, makna dengan jangka masa yang difikir sesuai di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet nanti.

PENEROKA FELDA

15. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rals** (*di bawah S. O. 24(2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tunjuk-tunjuk perasaan oleh sebahagian dari peneroka FELDA terhadap Kerajaan yang berlaku baru-baru ini seolah-olah mereka tidak mahu lagi menjadi peserta-peserta di dalam rancangan FELDA, jika sedar,

- (a) adakah beliau bercadang menggantikan peserta-peserta yang seperti itu dengan yang baru pula;
- (b) berapakah pendapatan purata seorang peserta rancangan kelapa sawit dan getah; dan
- (c) daripada seramai peserta yang ada, berapa ramai yang telah membuat kesalahan dan pernah diambil tindakan oleh Kerajaan.

<i>Getah</i>	<i>Pendapatan kasar</i>	<i>Pendapatan bersih</i>
6 ekar	\$420.51	\$361.44
7 "	503.24	401.21
8 "	554.94	453.28
10 "	367.48	264.13
12 "	392.94	285.93
<i>Kelapa Sawit</i>		
10 ekar	773.62	595.81
12 "	921.00	856.10
14 "	1,199.24	954.59

Pendapatan bersih bererti pendapatan setelah ditolak pembayaran hutang ansuran dan cukai tanah. Pendapatan peneroka-peneroka getah yang mempunyai lot 10 ekar dan 12 ekar

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah tertinggal sedikit kerana ada tiga bab—(a), (b) dan (c) yang telah tidak dicetak di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Saya akan menjawab soalan yang asal.

- (a) Saya sedar peneroka-peneroka di rancangan sekali sekala menunjukkan perasaan dengan tujuan mendapatkan sesuatu yang mereka kehendaki. Apa yang kita lihat selama ini semua peneroka-peneroka suka bermastautin di rancangan dan susah sekali bagi seseorang peneroka itu hendak dikeluarkan daripada rancangan jika didapati tindakan penyingkiran perlu diambil terhadapnya. Biasanya seseorang peneroka yang melanggar peraturan dan undang-undang diberi beberapa amaran terlebih dahulu dan jika ia masih juga menjalankan kegiatan yang akan merosakkan kemajuan dan ketenteraman rancangan, barulah pihak FELDA mengambil tindakan menyingkirkannya dan tempatnya akan digantikan oleh calon peneroka baru.
- (b) Pendapatan purata bulanan seseorang peneroka FELDA yang telah mendapat hasil bagi tahun 1978 ialah seperti berikut:

adalah kurang daripada mereka yang mempunyai lot 6, 7 dan 8 ekar oleh sebab pokok mereka masih muda lagi dan belum sampai ke peringkat pengeluaran maksima.

(c) Dianggarkan di antara 4% hingga 5% sahaja daripada peneroka-peneroka yang didapati melanggar peraturan-peraturan yang disediakan. Mereka yang berkenaan dikenakan tindakan tatatertib mengikut kesalahan masing-masing.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah diketahui bahawa peneroka FELDA itu asalnya datang daripada kampung yang mereka itu tidak bertanah, dan kehidupan mereka bertambah baik dengan pendapatan yang begitu lumayan dan mereka ini akan lebih terjamin apabila menjadi peneroka FELDA. Jadi apakah tunjuk perasaan itu timbul disebabkan mereka itu tidak berterima kasih kepada Kerajaan ataupun mereka itu tidak diberi fahaman atau penerangan yang sepatutnya tentang peraturan FELDA itu ataupun tidak mempunyai didikan moral ataupun tidak diberitahu tentang matlamat Kerajaan mengadakan projek itu?

Tuan Sanusi bin Junid: Mengikut kajian yang telah dibuat oleh Kementerian didapati latihan-latihan yang diberi kepada peneroka FELDA sebelum mereka mendapat tanah rancangan adalah cukup, dan pendidikan ugama juga telah disediakan di dalam rancangan untuk kepentingan peneroka FELDA.

Pada umumnya masalah peneroka FELDA adalah masalah orang yang hampir senang dan masalah ini timbul daripada dua punca. Pertama masalah tidak begitu mahir dengan cara bertindak dan kedua masalah terlalu cepat terlupa.

Mengikut cara bertindak, kita dapati saluran melalui JKRR adalah tidak mencukupi kerana Pengerusi JKRR adalah Pengurus FELDA sendiri. Apabila ada masalah yang ditimbulkan kerana Pengurus itu sendiri maka masalah itu tidak sampai ke peringkat atasan. Oleh itu pihak Kementerian telah memustuskan supaya masalah-masalah UMNO ditubuhkan di dalam rancangan-rancangan FELDA supaya masalah-masalah dapat dikemukakan melalui ibupejabat UMNO sampai kepada Menteri. Dan masalah terlupa, memang

kalau kita kaji fail-fail peneroka kita dapati banyak betul surat-surat yang kalau kita baca waktu dikirim berbeza sekali dengan cara tindakan yang dibuat sekarang. Oleh itu kempen-kempen sedang dibuat kerana biasanya orang yang terlupa ini kalau orang itu duduk di atas ranting terlalu lama, apabila terlupa dia ketak dahannya; dan kalau orang senang kerana makan buah dari satu pohon apabila lupa dia ketak perdunya dan kalau orang yang gemuk kerana minum susu lembu apabila terlupa dia sembelih lembunya (*Ketawa*). Oleh itu pihak FELDA akan mengadakan kursus yang berterusan dan kempen yang berterusan supaya peneroka mengenang semula masa dahulu mereka dan mereka dapat bersyukur kepada Allah atas nikmat yang mereka rasa yang disalurkan melalui rancangan FELDA yang diaturkan oleh Kerajaan. Besok saya akan melancarkan kempen menghidupkan semula semangat gotong-royong di Sendayan.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Timbalan Menteri berkenaan menuduh peneroka dengan berbagai-bagai tuduhan, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan adakah Timbalan Menteri menyiasat dan mengetahui apakah sebabnya tunjuk perasaan di Jengka 2 beberapa tahun yang sudah. Apakah sebab adanya tunjuk perasaan di Jengka 5 dan di Jengka 10. Saya hendak dengar satu persatu.

Perkara yang keduanya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perjalanan pentadbiran di tiap-tiap rancangan yang dijalankan oleh JKRR ini sendiri, segala keputusan, minit mesyuarat JKRR yang di pengerusikan mengikut Peraturan oleh Pengurus sendiri tidak pernah sampai ke Ibu Pejabat. Dan adakan Timbalan Menteri juga sedar bahawa pembajaan dengan kapal terbang yang lebih mahal jikalau hendak dibuat dengan cara manual tidak mendapat persetujuan daripada peneroka-peneroka dan adakah Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam satu rancangan di Jengka Tiga Segi juga, pihak FELDA telah membatalkan kontrak bumi-putra dan memberikan kepada bukan bumi-putra yang menyebabkan peneroka-peneroka ini terpaksa bekerja pada hari Jumaat, dan

kontrektor bukan bumiputra ini juga menggunakan lori-lori yang tidak road worthy, yang tidak ada road tax, yang tidak ada insurans dan sebagainya. Adakah Timbalan Menteri sudah menyasiat perkara ini semua?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada tiga saluran bukan dua untuk menemukakan masalah peneroka. Saya minta maaf kerana saya tersilap, kerana tertinggal satu lagi saluran. Pertama, melalui JKKR; kedua, melalui UMNO; ketiga melalui Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dan saya telahpun dihubungi oleh peneroka melalui JKKR dan saya sedar bahawa sebahagian daripada masalah ini tidak diselesaikan kerana setengah daripada masalah bersabit dengan pentadbiran di peringkat rancangan yang JKKRnya dipimpin oleh Pengurus FELDA sendiri. Itulah sebabnya maka perlu ada UMNO sebagai saluran kedua di dalam rancangan tersebut. Dan sejak adanya hubungan rapat di antara Wakil-wakil Rakyat khususnya Yang Berhormat sendiri dari Maran dan Cawangan-cawangan UMNO serta dengan adanya JKKR yang menjadi lebih cergas sekarang ini masalah-masalah di FELDA boleh dikatakan sebahagian besar daripadanya sudah mempunyai cara penyelesaian yang boleh diterima dan mengamankan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Timbalan Menteri kata untuk menyelesaikan masalah yang timbul, Kementerian Tanah telah memutuskan bahawa Cawangan-cawangan UMNO ditubuhkan. Soalan saya ialah yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini, bila UMNO menjadi Jabatan Kementerian Tanah dan kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bila satu arahan dikeluarkan oleh Kementerian kepada Ibu Pejabat UMNO mengarah ditubuhkan Cawangan-cawangan UMNO dalam kawasan-kawasan FELDA dan ketiga, apabila ada berlaku pertikaian, siapa yang lebih berkuasa, UMNO atau Kementerian Tanah?

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya ialah Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah termasuk saya sendiri adalah dari parti

UMNO. (*Ketawa*) Jika ada ahli-ahli peneroka daripada kalangan DAP, mereka juga boleh mengemukakan masalah kepada Yang Berhormat Menteri melalui UMNO. Dan sebaliknya jika mereka mahu mengemukakan melalui saluran biasa, mereka dapatlah mengemukakan melalui JKKR.

Yang penting diingat ialah Kementerian Tanah tidak mengarahkan FELDA untuk menubuhkan Cawangan-cawangan UMNO. Cawangan-cawangan UMNO ditubuhkan dengan kehendak peneroka-peneroka FELDA yang memang mengakui jasa-jasa UMNO kepada mereka. (*Tepuk*) Peneroka peneroka FELDA ini mempunyai Cawangan UMNO. Kerja Menteri mengiktirafkan Cawangan UMNO sebagai satu saluran penyelesaian masalah. Tidak timbul soal perancangan di antara UMNO ataupun Kementerian, kerana Kementerian Tanah bertindak mengikut dasar-dasar yang diputuskan oleh Kabinet; Kabinet yang anggotanya antara lain ialah orang-orang UMNO.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(*Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi No. 16 hingga 55 adalah diberi di bawah ini*).

HUKUMAN KEPADA PENJENAYAH/ PENAGIH DADAH

16. **Puan Shariffah Dorah binti Mohamed** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada hukuman sebat atau rotan yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah hendaklah ditambah daripada satu atau dua rotan kepada sepuluh hingga dua belas rotan. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar oleh sebab hukuman yang tidak setimpal yang dijalankan di atas penjenayah-penjenayah, penagih-penagih dadah, menyebabkan bertambah menularnya segala maksiat dan kemungkaran.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah): Seksyen 288 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan bahawa apabila seseorang dituduh dihukum sebat, jumlah maksimum ia disebat tidak boleh lebih daripada dua puluh empat kali

dalam kes seseorang pesalah dewasa atau sepuluh kali dalam kes seseorang pesalah muda (iaitu seseorang yang berumur lebih daripada sepuluh tahun dan di bawah enam belas tahun). Seksyen 87(1) Akta Mahkamah Rendah 1948 memberikuasa kepada Majistret Kelas Satu untuk mengenakan hukuman sebat sehingga dua belas kali. Di bawah seksyen 64 Akta itu Mahkamah Seksyen boleh mengenakan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang selain daripada hukuman mati dan ini bererti hukuman yang boleh dikenakan itu termasuklah hukuman sebat yang dalam apa jua kes pun tidak boleh melebihi dua puluh empat kali. Dengan ini berertilah memang sudah terdapat peruntukan dalam undang-undang bagi memberatkan lagi hukuman seperti dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Jumlah sebatan yang dikenakan dalam tiap-tiap kes adalah pada amnya menurut budi-bicara mahkamah kecuali jika undang-undang menetapkan jumlah minimum, misalnya seksyen 39A Ordinan Dadah Berbahaya 1952 di mana jumlah minimum ialah enam kali.

Kementerian saya juga sedar bahawa hukuman-hukuman yang ringan boleh mengakibatkan bertambahnya jenayah oleh kerana adalah diakui pada umumnya bahawa sesuatu hukuman yang berat akan mendatangkan kesan yang menakutkan. Bagaimanapun, jika hukuman yang dikenakan oleh mahkamah-mahkamah dianggap tidak mencukupi, Pendakwa Raya boleh merayu (appeal) dalam kes-kes yang bersesuaian.

PENGAMBILAN ANAK ANGKAT

17. **Dr Wong Soon Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa beberapa orang kanak-kanak yang genap umur untuk bersekolah yang dilahirkan dan dipelihara dalam negeri Sarawak tapi disebabkan kesukaran hendak mencari ibubapa mereka yang sebenarnya dalam kes-kes pengambilan anak angkat yang tertentu dan lain-lain sebab, maka mereka itu pula gagal mendapat sijil-sijil beranak dan dengan demikian mereka tidak dapat dimasukkan ke dalam

sekolah-sekolah Kerajaan atau sekolah-sekolah rendah bantuan Kerajaan; dan

- (b) kalau sedar, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk membenarkan kanak-kanak ini memasuki sekolah-sekolah tersebut, memandangkan semua anak-anak penduduk yang bukan warganegara talahpun diberi peluang itu.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):

- (a) Di Sarawak, pendaftaran kanak-kanak yang genap umur untuk memasuki Darjah satu dijalankan enam bulan lebih awal, iaitu, dalam bulan April/Mei tiap-tiap tahun. Ibubapa boleh mendaftarkan anak-anak mereka untuk memasuki sekolah pilihan masing-masing, akan tetapi mereka adalah dinasihatkan supaya mendaftarkan anak-anak mereka untuk bersekolah di sekolah yang berhampiran sekali dengan rumah mereka. Kanak-kanak yang cukup umur untuk bersekolah tetapi tidak mempunyai sijil beranak boleh juga mendaftar dan diterima masuk. Setakat ini, tidak terdapat kes "Kanak-kanak seperti itu yang tidak boleh diterima masuk" yang dirujuk kepada Pengarah Pelajaran Sarawak. Adalah menjadi kewajipan "ibubapa" supaya memohon pendaftaran beranak yang lewat kepada Pejabat Pendaftaran Negara. Ahli Yang Berhormat tentu menyedari akan Ordinan Pendaftaran Beranak dan Kematian Negeri Sarawak 1951, khususnya berhubung dengan tatacara pengambilan anak angkat.

- (b) Anak-anak penduduk bukan warganegara hanya diterima masuk di sekolah-sekolah kita sekiranya ibubapa mereka berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia atau Agensi-agensi Kerajaan dan mereka telah diberi pas-pas pelajar oleh Jabatan Imigresen.

MONOPOLI MINYAK/SIMEN BESI WAJA

18. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah tindakan tegas yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentang syarikat-syarikat yang memonopoli bahan-bahan

utama kegunaan hari-hari seperti minyak, simen, besi waja dan lain lagi dengan sengajanya mengakibatkan keadaan kekurangan bekalnya sebagai cara yang biasanya diamalkan untuk menuntut dan menekan kenaikan harganya, dan adakah Kerajaan akan melonggarkan pengimpotan bahan-bahan keperluan hari-hari sebagai langkah yang berkesan untuk memerangi dan memecah monopoli oleh syarikat-syarikat tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menentang syarikat-syarikat yang menguasai pengeluaran bahan-bahan utama kegunaan hari-hari seperti minyak, simen, besi waja dan lain-lain lagi supaya mereka tidak dapat dengan sengaja mengakibatkan keadaan kekurangan bekalan sebagai cara untuk menuntut dan menekan kenaikan harganya.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

(a) Mengenai Bekalan

- (i) Kerajaan telah mengisytiharkan sembilan belas jenis barang-barang keperluan, termasuk batang-batang besi, minyak petrol dan simen, sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dengan tujuan untuk menentukan bekalan mencukupi;
- (ii) Pelesenan diwajibkan ke atas pekilang-kilang, pemborong-pemborong dan peruncit-peruncit bagi sembilan jenis barang-barang kawalan. Dengan penguatkuasaan peraturan ini, pengeluaran, pengedaran dan penyimpanan barang-barang kawalan ini dapat diawasi dan dikawal dengan lebih rapi lagi.
- (iii) Pengeluar-pengeluar minyak disel, minyak tanah, gula, susu tepung gandum, batang-batang besi dan simen adalah dikehendakki menghantar penyata-penyata setok ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian tiap-tiap dua minggu. Penyata-penyata setok ini dikaji oleh

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menentukan pengeluaran dan setok-setok adalah mencukupi bagi keperluan negara;

- (iv) Kempen Anti-Sorok masih dikuatkuasakan untuk mengawasi penyorokan dan "profiteering" barang-barang kawalan;
- (v) Mengadakan perundingan dengan pengeluar-pengeluar barang-barang perlu dari masa ke semasa untuk mengkaji kedudukan bekalan dalam negeri; dan
- (vi) Mengenakan sekatan eksport atau mengharamkan eksport bagi menjamin bekalan di dalam negeri mencukupi.

(b) Mengenai Harga

- (i) Pekilang-pekilang barang-barang yang dianggap perlu diberi perlindungan tarif dan/atau impot, pengecualian cukai, atau galakan-galakan cukai tidak dibenarkan menaikkan harga barang-barang keluarannya tanpa kelulusan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.
- (ii) Permohonan-permohonan kenaikan harga adalah dikaji oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Jawatankuasa Ulangkaji Harga yang dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Kebenaran kenaikan harga hanya akan diberi kepada pekilang-pekilang sekiranya terdapat sebab-sebab yang berpatutan seperti kenaikan kos pengeluaran atau bahan-bahan mentah. Juga, kenaikan harga akan diberi setelah mendapat persetujuan daripada Y.A.B. Menteri Perdagangan dan Perindustrian sendiri ataupun Jumaah Menteri; dan
- (iii) Telah membentuk satu Jawatankuasa Bersama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian/Kementerian Kewangan Mengenai Barang-Barang Terpilih untuk mengkaji cara-cara bagi memastikan bahawa barang-barang perlu adalah di paras yang menasabah. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Y.B. Timbalan Menteri Kewangan dan

Y.B. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

(c) *Mengenai Kelonggaran Impot*

Tidak semua barang-barang keperluan tertakluk kepada pelesenan impot. Pengimpot-pengimpot adalah bebas untuk mengimpot barang-barang ini. Bagaimanapun, terdapat beberapa barang perlu seperti batang-batang besi yang dikawal impotnya. Langkah ini telah diambil bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pengeluar-pengeluar tempatan daripada persaingan barang-barang impot. Perlindungan yang telah diberikan adalah dikaji dari masa ke semasa oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Untuk menjamin bekalan yang mencukupi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pernah melonggarkan sekatan impot ke atas barang-barang perlu ini. Sebagai contoh, pengimpotan batang-batang besi adalah dilarang, tetapi mulai bulan November, 1978 lalu, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah melonggarkan pengimpotan batang-batang besi bagi mengatasi masalah kekurangan batang-batang besi pada masa ini.

**PERUNTUKAN TAMBAHAN \$500
JUTA KEPADA KELANTAN**

19. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berkenaan dengan pengumuman beliau bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$500 juta akan diberikan kepada Negeri Kelantan untuk melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, nyatakan peratus peruntukan yang telah dibelanjakan setakat ini dan sama ada bakinya bersama dengan peruntukan tambahan sebanyak \$500 juta itu sempat dibelanjakan sebelum akhir tahun 1980 iaitu tamatnya tempuh Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Adalah dianggarkan lebih kurang 48% iaitu sebanyak 427.8 juta daripada jumlah \$897.7 juta daripada peruntukan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk negeri Kelantan telah

dibelanjakan sehingga 30hb September, 1978. Memandangkan pencapaian yang besar ini, saya tidak nampak sebarang masalah untuk melaksanakan baki projek-projek yang telah dirancangkan itu dan juga projek-projek tambahan di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Negeri Kelantan telah diperintah oleh Parti PAS selama lebih 15 tahun dan selama itu jugalah Parti PAS tidak langsung menyediakan segala kemudahan asas bagi melancarkan projek-projek jangka panjang—sedangkan kemudahan-kemudahan asas itu adalah kunci bagi melaksanakan segala pembangunan yang sangat-sangat didahagai oleh rakyat Kelantan. Atas kesedaran ini Kerajaan Barisan Nasional telah membuat satu jumlah peruntukan kewangan yang besar untuk menampung ketinggalan masa yang begitu lama oleh bekas pemerintah Kerajaan PAS. Oleh kerana seperti yang telah saya sebutkan tadi bahawa tidak ada kemudahan asas yang disediakan oleh Kerajaan PAS itu maka apabila Kerajaan PAS yang khayal itu ditumbangkan oleh rakyat Kelantan, Kerajaan Barisan Nasional telah memberi sepenuh tumpuan dan tenaganya untuk memenuhi hasrat rakyat Kelantan yang begitu dahagakan pembangunan dan kemajuan. Namun demikian usaha ini tidak dapat berjalan dengan cepat dan laju oleh kerana di tahun pertama projek-projek dilaksanakan Kerajaan Barisan Nasional terpaksa menghadapi masalah menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang telah diabaikan oleh Kerajaan PAS.

Walaupun demikian, dari segi pelaksanaan rancangan pembangunan di Kelantan semua projek-projek pembangunan telah berjalan dengan lancarnya dan dari jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan nyatalah bahawa matlamat Rancangan Malaysia Ketiga akan dapat dirasai oleh rakyat dalam jangka masa yang pendek. Kita tetap berikhtiar dan berusaha sedaya upaya bagi mencapai matlamat untuk membangunkan lagi negeri Kelantan bukan sahaja setakat membelanjakan peruntukan yang telah diberikan tetapi kalau perlu kita akan menambahkan lagi peruntukan asalkan pembangunan itu untuk kepentingan rakyat. Rakyat Kelantan khususnya sudah jemu dan bosan dengan janji-janji kosong yang telah dibuat oleh Kerajaan PAS

di Kelantan yang telah dihapuskan itu dan suka saya membuat pengakuan di Dewan yang mulia ini bahawa kesemua wang yang telah diperuntukkan, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga termasuk juga peruntukan tambahan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga akan dibelanjakan di Negeri Kelantan demi untuk faedah rakyat seluruhnya. Kita percaya hasrat kita yang suci ini akan diberkati Allah. Allah menyuruh kita berikhtiar dan berusaha untuk membuat kebajikan dan mencari kemakmuran untuk dunia dan akhirat, bukan semata-mata dengan doa sahaja dan itulah yang diikhtiarikan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk rakyat.

KEMUSNAHAN TANAH PERTANIAN

20. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan;

- (a) Keluasan tanah-tanah pertanian yang musnah akibat kekeringan punca-punca air, pencemaran alam, pembangunan-pembangunan yang tidak teratur dan lain-lain faktor yang mengakibatkan kemusnahan tanah-tanah pertanian terutama sawah-sawah padi;
- (b) Adakah dasar Kerajaan mengenai kemusnahan tanah-tanah pertanian ini dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkannya; dan
- (c) Adakah beliau sedar bahawa tanah-tanah sawah di Kampong Landak dan Tanjong Pari dalam Kawasan Parlimen Baling telah kering disebabkan salah perancangan dalam pembinaan taliair. Akibatnya sudah empat tahun pesawah-pesawah telah tidak dapat mengerjakan sawah-sawah mereka dan menyebabkan kesusahan yang memberatkan kehidupan mereka. Oleh kerana kekeringan itu disebabkan kecuaiian dan kelemahan jentera Kerajaan adakah Kerajaan akan memberi bantuan kepada mereka di bawah rancangan bantuan seperti yang diberikan kepada petani-petani di kawasan pertanian MADA.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

- (a) Luas tanah pertanian yang musnah akibat kemarau, air bah dan lain-lain,

tidaklah sama jumlahnya kerana malapetaka itu juga mempunyai suasana yang berlainan iaitu satu kemarau dan satu lagi banjir. Oleh yang demikian sukar untuk memberi angka-angka yang tepat.

- (b) Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada kawasan-kawasan yang terlibat terutamanya dengan mengadakan infrastruktur bagi bekalan air dan juga mengering dan menyalurkan air yang berlebihan. Kementerian Pertanian juga telah dan kerap kali memberi bantuan seperti benih-benih tanaman, baja dan lain-lain.
- (c) Mengenai tanah-tanah sawah di Kampong Landak dan Tanjong Pari, satu rancangan telah mula dibina bagi menampung keperluan pengairan di kedua-dua kawasan tersebut dalam tahun 1978 dan dijangka siap pada awal tahun 1980. Dengan adanya rancangan-rancangan tersebut maka petani-petani di kedua-dua kawasan itu akan menikmati kemudahan-kemudahan pengairan.

Sayugia dinyatakan bahawa masalah air kedua-dua kawasan disebabkan kekurangan punca air dan bukan kerana kecuaiian dan kelemahan jentera Kerajaan.

KES-KES JENAYAH

21. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) kadar jenayah yang berlaku di Sabah berbanding dengan Kuala Lumpur semenjak tahun 1975;
- (b) bilangan kes-kes jenayah yang telah diselesaikan dalam jangka masa yang sama dan bilangan kes-kes jenayah yang masih belum diselesaikan lagi dan sebab-sebab tentang kelewatan ini; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa perasaan mengenai kadar jenayah yang kian meningkat di Sabah adalah sangat merisaukan oleh kerana rakyat berasa bahawa ianya disebabkan oleh pelarian Filipina.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

(a) Bilangan kejadian-kejadian kes jenayah yang berlaku dari tahun 1975 sehingga bulan Disember, 1978 di negeri Sabah dan Kuala Lumpur ialah seperti berikut:

(i) Sabah 7,843 kes

(ii) Kuala Lumpur . . . 41,318 kes

(b) Dalam tempoh masa yang sama, daripada 7,843 kes jenayah yang telah dilaporkan berlaku di negeri Sabah, 4,681 kes telah dapat diselesaikan. Bakinya, sebanyak 3,162 kes masih belum lagi dapat diselesaikan dan ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:

(i) Laporan lewat dibuat;

(ii) Tidak terdapat saksi-saksi yang boleh mengesahkan penjenayah-penjenayah;

(iii) Kadang-kadang harta yang dicuri tidak mempunyai tanda pengenal.

(c) Kadar jenayah di Sabah adalah terkawal dan adalah tidak benar yang orang-orang pelarian Filipina telah menyebabkan bertambahnya angka kejadian jenayah di negeri tersebut.

BEKALAN LETRIK DI BELAGA

22. **Tuan Sibot Miut anak Tagong** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau akan membuat peruntukan bagi memperbaiki kawat talipon dan melaksanakan sekim bekalan letrik di luar bandar di Belaga kerana bandar ini adalah pusat pentadbiran dan perdagangan di daerah ini.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie Anak Irok): Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa peruntukan telah diberi untuk membekalkan 60 talian Ibusawat telefon luar bandar di Belaga dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun perlaksanaannya terpaksa ditangguhkan dahulu atas arahan

Kerajaan Negeri bahawa sekim "hydro electricity" dalam kawasan berkenaan mungkin mengakibatkan banjir di Belaga. Sekarang perhubungan dari Belaga diadakan memakai radio call service. Bagi bekalan letrik luar bandar di Belaga pula saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat peruntukan telahpun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tetapi di sebabkan ada rancangan untuk mengubah kedudukan pekan Belaga maka perlaksanaannya terpaksa ditangguhkan dan peruntukannya dibawa ke Rancangan Malaysia Ketiga. Sekali lagi projek ini terpaksa di tangguhkan kerana SESCO terpaksa akan dinaiki air dari projek Haidro Letrik di Pelagus. Oleh yang demikian maka projek di Belaga terpaksa ditangguhkan dahulu.

TABUNG BERSAMA BAGI BARANG-BARANG

23. **Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kedudukan yang terbaharu mengenai Tabung Bersama bagi barang-barang (Common Fund for Commodities) sejak ianya diluluskan pada dasarnya oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu tiga tahun dahulu.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Ahli-ahli Yang Berhormat akan mengingati bahawa penubuhan Tabung Bersama ini telah mula dikemukakan untuk rundingan di sesi Ke empat Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD IV) yang diadakan di Nairobi, Kenya dalam bulan Mei, 1976. Tabung ini dicadangkan sebagai alat utama dalam Rancangan Paduan untuk Barangan (Integrated Programme for Commodities) yang bertujuan untuk menyusun semula sistem perdagangan antara-bangsa bahan-bahan utama dan menstabilkan harga-harga barangan supaya suatu sistem yang lebih saksama untuk negara-negara membangun dapat diwujudkan. Tabung Bersama ini dicadangkan untuk membiayai sekim-sekim stok penimbal dan juga "lain-lain langkah" memajukan bahan-bahan utama, seperti penyelidikan, pemasaran dan pemerosesan.

Persidangan UNCTAD IV di Nairobi itu telah mengambil keputusan supaya suatu Persidangan Perundingan diadakan untuk merundingkan penubuhan Tabung ini.

Mesyuarat terakhir Persidangan Perundingan mengenai Tabung Bersama diadakan di Geneva dari 12hb hingga 19hb Mac, 1979. Mesyuarat ini adalah sesi ketiga Persidangan Perundingan ini.

Walaupun Sessi-sessi pertama dan kedua Persidangan ini gagal membawa kepada pencapaian kata sepakat di antara negara-negara peserta mengenai berbagai unsur Tabung ini, di Persidangan kali ini, persetujuan telah dicapai mengenai unsur-unsur utama Tabung ini, berkenaan dengan struktural modal dan sumbangan yang akan dibuat oleh Kumpulan-kumpulan negara yang berkenaan.

Mengikut persetujuan yang dicapai, Tabung ini akan mendapat kewangan dari dua punca, iaitu melalui sumbangan secara langsung oleh Kerajaan-kerajaan kepada Tabung ini dan dari wang simpanan dari peraturan-peraturan barangan antarabangsa dalam Tabung ini.

Sumbangan secara langsung oleh negara-negara anggota dianggarkan akan berjumlah US\$750 juta, daripada mana \$400 juta akan digunakan untuk sekim-sekim stok penimbal dan \$350 juta untuk lain-lain langkah. Harus diperhatikan bahawa sejumlah \$280 juta dari \$350 juta untuk lain-lain langkah ini dijangka diperolehi melalui sumbangan-sumbangan sukarela.

Peraturan-peraturan barangan antarabangsa dijangka menyimpan 33 1/3 peratus daripada keperluan kewangan maksima mereka dalam Tabung ini. Sebagai balasan peraturan-peraturan barangan antarabangsa ini akan dapat meminjam 66 2/3 peratus daripada keperluan kewangan maksima mereka dari Tabung ini.

Persetujuan mengenai unsur-unsur asas Tabung ini akan membolehkan tindakan lanjutan diambil untuk menggubal Perjanjian menubuhkan Tabung ini. Untuk maksud ini, adalah dipersetujui bahawa Setiausaha Agung UNCTAD mengadakan Mesyuarat suatu Jawatankuasa Interim Persidangan Perundingan mengenai Tabung Bersama ini untuk

menyediakan draf Perjanjian menubuhkan Tabung ini sebelum akhir 1979.

Persidangan di Geneva itu juga bersetuju bahawa di Persidangan UNCTAD V yang akan diadakan di Manila dalam bulan Mei—Jun, 1979 ini, negara-negara peserta diharapkan membuat janji untuk memberi sumbangan kepada kewangan yang dikehendaki untuk "lain-lain langkah" yang telah saya sebutkan di atas.

Persetujuan yang dicapai dalam rundingan mengenai Tabung Bersama ini merupakan suatu kejayaan dalam usaha untuk mengujudkan suatu Susunan Ekonomi Antarabangsa yang Baru yang dikehendaki oleh negara-negara membangun. Malaysia mengalukan pencapaian kata sepakat di Persidangan baru-baru ini.

PERHUBUNGAN TALIPON DI LUAR BANDAR

24. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Ghazali minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kementerian ini ada rancangan tertentu untuk mengatasi kesukaran talipon yang sedang dihadapi oleh penduduk luar bandar yang bersempadan dengan Thailand Selatan memandangkan yang perhubungan talipon di kawasan ini perlu dibaiki segera, kerana ia merupakan kawasan keselamatan yang memerlukan tindakan wajar dari Kerajaan dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Ahli Yang Yang Berhormat sedia maklum kawasan-kawasan dekat sempadan Thai telahpun dibekalkan dengan perkhidmatan talipon. Saya sedar sekarang ini memang terdapat sedikit kesukaran bagi pelanggan-pelanggan talipon di kawasan seperti Baling dan Kroh untuk membuat panggilan-panggilan jauh atau keluar kawasan. Ini disebabkan litar-litar (circuits) yang menghubungi Ibusawat tersebut melalui talian atas (physical overhead route) seringkali menghadapi kerosakan akibat ditimpa dahan-dahan kayu dan sebagainya. Bagi membaiki keadaan ini Jabatan Telekom akan menggunakan sistem hubungan radio bagi menampung keperluan litar-litar ke Ibusawat tersebut. Bagi melaksanakan projek ini sebuah stesyen pemancar radio

sedang dibina di Bukit Palong dan dijangka siap dalam masa 3 tahun.

LAMPU ISYARAT DI RAILWAY CROSSINGS

25. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan memasang lampu isyarat yang berkelip-kelip di "railway-crossings" di Bukit Mertajam dan Nibong Tebal sebagaimana yang didapati di tempat berbahaya untuk menggantikan lampu isyarat yang tidak berkelip. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Lampu isyarat yang dipasang di pintu-pintu lintasanrata (level crossing) adalah tertakluk di bawah syarat-syarat yang dipersetujui oleh pihak K.T.M. dan pihak berkuasa jalanraya. Syarat-syarat yang berkuatkuasa sekarang memerlukan supaya Lampu Isyarat merah yang tidak berkelip digunakan di pintu-pintu lintasanrata semasa pintu-pintu tersebut melintasi jalanraya.

Walau bagaimanapun, di lintasan rata tertentu di mana kedudukannya tidak begitu baik (poorly located) isyarat amaran tambahan (lampu isyarat berkelip) telah dipasangkan oleh pihak berkuasa jalanraya untuk memberitahu pengguna jalanraya akan adanya pintu-pintu lintasan rata di tempat berkenaan.

PEKEBUN-PEKEBUN KECIL KELAPA

26. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pertanian menyatakan pekebun-pekebun kecil menghadapi kesukaran yang amat sangat oleh sebab mereka sangat-sangat berkehendak kepada penyatuan di dalam lapangan pengeluaran dan pemasaran, adakah apa-apa keazaman bersama telah diambil untuk menghadapi masalah-masalah seumpama itu bagi meringankan kesukaran-kesukaran yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil kelapa.

Dato' Shariff Ahmad: Kerajaan telah mula mengorak langkah mengatasi masalah perindustrian kelapa ini sejak tahun 1963 iaitu dengan memberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula dan memulihkan kebun-kebun tersebut melalui Rancangan Pembangunan Pekebun-pekebun Kecil Kelapa. Di bawah rancangan ini

pekebun-pekebun kecil kelapa diberi bantuan yang serupa bahan-bahan dan wang tunai yang berjumlah tidak lebih dari \$900 seekar untuk tanaman semula dan \$600 untuk pemulihan dari setahun ke setahun. Rancangan ini diperbesar dan diperkuatkan hingga akhir tahun 1978. Rancangan pembangunan ini telah berjaya menanam semula seluas 26,499 ekar dan rancangan pemulihan (rehabilitation) seluas 104,587 ekar kebun-kebun kecil kelapa.

Rancangan ini akan terus diperbesarkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga di bawah satu rancangan yang bercorak "integrated" di antara Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Bagi menambahkan lagi pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil kelapa, pihak rancangan membekalkan benih kelapa kacukan MAWA dan juga benih tanaman selingana seperti koko dan kopi yang terpilih mutunya.

Dari segi pemasaran pula FAMA telah menolong pekebun kecil kelapa memasarkan dengan mengadakan ruang pasaran tambahan dan mengadakan kawalan di atas amalan-amalan orang tengah. Satu daripada langkah yang telah diambil oleh FAMA ialah dengan melibatkan secara langsung di dalam pembelian dan penjualan kelapa dan kelapa kering. Selain dari itu FAMA juga sedang menyiapkan dan menjalankan beberapa buah pusat memproses kelapa kering yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan memproses yang didirikan di kawasan-kawasan pengeluaran utama. Langkah-langkah ini adalah bertujuan meluaskan ruang-ruang pasaran dan juga meningkatkan kualiti kelapa kering yang dikeluarkan supaya mendapat harga pasaran yang tinggi. Ketika ini lima buah pusat memproses kelapa kering sedang dijalankan iaitu di Sabak Bernam, Bagan Datuk, Rengit, Bacok dan Sebangon (Sarawak). Beberapa buah pusat memproses kelapa kering akan ditubuhkan lagi di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

FAMA juga sedang di dalam proses menubuhkan 3 buah kilang minyak kelapa supaya faedah-faedah kenaikan nilai dari pemerosesan akan dapat dipulangkan kepada pekebun-pekebun kecil melalui harga yang lebih baik untuk kelapa/kelapa kering mereka. Kilang-kilang minyak ini akan didirikan di Bacok, Hilir Perak dan Kudat (Sabah).

FAKULTI PERUBATAN YANG KETIGA

27. Tuan Lim Kit Slang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan fakulti perubatan yang ketiga di Malaysia untuk menampung masalah kekurangan doktor-doktor di negara ini, jika ya, beri butir-butir lanjut.

Dato' Musa bin Hitam: Setelah mengkaji dengan teliti masalah kekurangan tenaga doktor yang dialami oleh negara ini bukan saja pada masa sekarang, tetapi juga untuk beberapa tahun yang akan datang maka Kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah lagi Fakulti Perubatan atau Pusat Pengajian Perubatan.

Sebagai lanjutan kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai penubuhan Pusat Pengajian Perubatan di Universiti Sains Malaysia maka satu Jawatankuasa Petugas telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian dan perancangan projek tersebut secara perinci. Jawatankuasa Petugas ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian saya dan juga lain-lain pihak yang berkenaan akan mengkaji dan membuat syor mengenai perkara seperti berikut:

- (i) Perancangan kursus-kursus akademik (Kurikulum)
- (ii) Latihan untuk tenaga pengajar
- (iii) Pembinaan bangunan dan lain-lain kemudahan

Juga bagi membantu Jawatankuasa tersebut menjalankan tugas-tugasnya yang rumit itu seorang bakal Dekan akan dilantik.

Projek ini sudahpun dimasukkan ke dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga. Namun begitu memandangkan masalah-masalah yang akan dihadapi berhubung dengan Kurikulum dan rancangan-rancangan pengajaran, pengambilan kakitangan dan latihan, pembinaan fizikal iaitu termasuk pembinaan Hospital Mengajar dan lain-lain kemudahan, maka sudah tentu pengambilan pelajar-pelajar bagi mengikuti kursus pra perubatan hanya akan dapat dimulakan dalam awal tahun lapan puluhan atau dalam jangka masa Rancangan Malaysia Keempat sahaja.

HOSPITAL PEREMPUAN DAERAH KUALA KANGSAR

28. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kesihatan menjelaskan, adakah pihak Kementerian sedar bahawa bangunan dan peralatan Hospital Perempuan Daerah Kuala Kangsar terlalu uzur dan tidak sesuai lagi dengan pertambahan penduduk di sekitarnya dan juga pembangunan yang berlaku di bandar tersebut, jika sedar adakah rancangan untuk mendirikan bangunan baru bagi menggantikan bangunan tersebut dan bilakah rancangan itu akan dimulakan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Pihak Kementerian Kesihatan menyedari bahawa Hospital Wanita Kuala Kangsar adalah tua sedikit umurnya tetapi tidaklah begitu uzur, bahkan ianya masih lagi berupaya memberi perkhidmatan yang memuaskan bagi mengatasi keperluan yang dihadapi. Dasar Kementerian ialah untuk mengadakan sebuah Hospital Daerah Kuala Kangsar yang disatukan yang akan memberikan perkhidmatan kepada pesakit-pesakit lelaki dan perempuan di satu tempat. Ini akan menentukan bahawa hospital itu akan memberi perkhidmatannya dengan lebih cekap lagi dan juga akan dapat menggunakan tenaga pekerja dan kelengkapan serta kemudahan dengan sepenuhnya. Kementerian Kesihatan bercadang membina sebuah wad 4 - tingkat di Hospital Lelaki Kuala Kangsar dan adalah diharapkan ianya akan dapat dilaksanakan lewat dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Adalah dicadangkan bahawa wad 4 - tingkat ini yang mempunyai 136 katil akan juga digunakan untuk menempatkan pesakit-pesakit perempuan apabila siap kelak.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat, sebuah wad bersalin dicadangkan untuk didirikan di Hospital Lelaki Kuala Kangsar dan dengan siapnya projek ini, kesemua pesakit-pesakit perempuan akan ditempatkan di satu tempat. Dengan siapnya projek-projek tersebut tadi adalah diharapkan keperluan penduduk-penduduk yang bertambah itu akan dapat dipenuhi.

KEJADIAN KEBAKARAN

29. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) Bilangan kejadian kebakaran yang berlaku di negara ini dalam masa 3 bulan yang lalu serta memberi angka pecahan bagi tiap-tiap negeri;
- (ii) Oleh kerana kita sekarang sedang mengalami musim kemarau, apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk membaiki perkhidmatan mencegah kebakaran pada amnya bagi mengendalikn sebarang kebakaran kecemasan; dan
- (iii) Garisan kasar mengenai langkah-langkah perincian yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan balai-balai bomba di semua kampung-kampung baru yang besar di negara ini, oleh kerana kebanyakan balai-balai bomba di tempatkan di pekan-pekan yang besar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum):

- (i) Jumlah kebakaran yang telah berlaku di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dalam masa 3 bulan yang lalu iaitu pada bulan-bulan November, Disember, 1978 dan Januari, 1979 adalah seperti di bawah ini:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Panggilan</i>	<i>Kerugian</i>
1. Kedah/Perlis	231	\$ 581,710
2. Pulau Pinang	426	2,148,722
3. Perak	341	3,004,103
4. Selangor	239	4,348,255
5. W. Persekutuan	199	804,420
6. N. Sembilan	127	790,720
7. Melaka	138	143,700
8. Johor	290	3,817,409
9. Pahang	93	322,050
10. Trengganu	31	56,800
11. Kelantan	23	152,300
Jumlah:	2,148	\$16,170,189

- (ii) Jabatan Perkhidmatan Bomba adalah berdamping rapat dengan Jabatan Kerja Air untuk menentukan yang bekalan air mencukupi untuk operasi pamedaman kebakaran. Penyusunan yang khas dan rapi telahpun dibuat untuk

membolehkan Jabatan Kerja Air membekalkan air ke kawasan-kawasan tertentu dalam masa kebakaran besar (major fire) dan juga semasa musim kemarau. Buat masa ini Jabatan Perkhidmatan Bomba sedang melengkapkan semua jentera-jentera Bomba dengan Pam Angkut (Portable Pump) dengan tujuan untuk mengepam air daripada sungai, kolah dan lain-lain air terbuka dan membekalkannya terus ke pam di jentera bomba.

- (iii) Kebanyakan kampung-kampung baru telahpun mendapat perlindungan daripada Balai-balai Bomba yang telah dibina di dalam beberapa kawasan di tiap-tiap negeri. Oleh kerana jarak dan keadaan lalu lintas yang sebok (traffic jam) maka jentera-jentera bomba ini tidaklah boleh sampai ke tempat-tempat yang dituju dengan pantas dan dalam jangka masa yang tertentu. Buat masa ini langkah-langkah telahpun diambil untuk mengadakan Sekim Bomba Sukarela (Voluntary Fire Scheme) yang terdiri daripada penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Mereka-mereka ini akan dilatih berhubung dengan teknik melawan kebakaran dan cara-cara menyelamatkan. Apabila sekim ini telah ditubuhkan maka alat-alat memadam kebakaran yang sesuai mengikut daerah-daerah tertentu akan disediakan. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati mustahak untuk diadakan sebuah balai bomba di kawasan perkampungan baru yang besar di dalam tiap-tiap negeri, maka langkah-langkah tertentu akan diambil untuk membinanya di kawasan-kawasan tersebut.

SEKIM KESTABILAN GETAH

30. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan mengapa tidak ada apa-apa persetujuan dicapai di antara pengeluar-pengeluar dan pengguna-pengguna mengenai sekim kestabilan getah, dan nyatakan sama ada persetujuan seperti itu akan dapat dicapai dalam masa akan datang.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Bagi makluman Ahli Yang Berhormat satu Sidang

Rundingan United Nations Conference on Natural Rubber, 1978 telah diadakan di Geneva dalam bulan November-Disember tahun tersebut dan dihadiri oleh tidak kurang daripada 47 buah negara anggota Bangsa-Bangsa Bersatu dan pemerhati-pemerhati. Tujuan Sidang Rundingan ini adalah untuk mengujdukan satu Perjanjian yang sungguh-sungguh berkesan untuk menstabilkan harga getah yang akan berfaedah bagi pengeluaran-pengeluar serta juga pengguna-pengguna getah asli dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Di Sidang tersebut beberapa kemajuan telah dicapai oleh peserta-peserta tetapi beberapa yang penting belum dibesarkan dan perkara-perkara ini termasuk konsep harga lantai yang belum mendapat persetujuan oleh Sidang Rundingan. Masalah-masalah lain yang dihadapi ialah pengurusan operasi stok penimbal, saiz stok penimbal dan stok dharurat serta dasar fiskal (cukai) di negeri-negeri ahli.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahawa konsep harga lantai sangatlah penting bagi Perjanjian Getah ini untuk menjamin pengeluaran pada kadar yang ekonomik, terutama pengeluaran getah oleh pekebun-pekebun kecil kita. Sidang Rundingan Kedua akan diadakan mulai daripada 27hb Mac, 1979 dan saya berharap Sidang tersebut akan memberi kejayaan lagi untuk mengujdukan Perjanjian Getah itu.

PERKHIDMATAN UDARA DI SARAWAK/SABAH

31. Tuan Chheng Tjong Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan berhubung dengan kes mogok MAS baru-baru ini sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah lagi syarikat penerbangan di Sarawak dan Sabah untuk memperbaiki perkhidmatan udara di kawasan ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pertanyaan mulut yang mempunyai maksud yang sama dengan soalan ini telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kapit pada 22-3-79. Soalan ini telahpun saya jawab pada tarikh tersebut di Dewan yang mulia ini dan saya tidak hendak menambah apa-apa lagi kepadanya.

MENYATUPADUKAN RAKYAT MALAYSIA

32. Tuan Chan Teck Chan minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan jangka panjang dan positif yang telah diambil untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini sebagai suatu bangsa Malaysia tanpa mempersoalkan ketaat-setiaan dan keturunan bangsanya, dan adakah Kerajaan akan melancarkan satu pergerakan pelajaran politik untuk mendidik rakyat Malaysia supaya lebih mengutamakan kepentingan nasional daripada kepentingan kaumnya serta fahaman Malaysia untuk rakyat Malaysia.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Kerajaan telah secara terang-terang menjelaskan bahawa matlamat menyeluruh Dasar Ekonomi Baru, ialah bagi mengujdukan perpaduan negara. Dasar Ekonomi Baru ini ialah satu dasar sosio-ekonomi yang telah dirangka bagi mencapai perpaduan negara melalui kedua-dua matlamatnya, iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat.

Selain daripada Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan juga telah dan sedang melancarkan Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rukuntetangga dan lain-lain rancangan Lembaga Perpaduan Negara yang kesemuanya adalah rancangan-rancangan positif bagi menyatupadukan rakyat Malaysia. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan Rukunegara.

PERKHIDMATAN BAS MINI

33. Tuan V. David minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau akan mempertimbangkan memberi perkhidmatan-perkhidmatan bas yang secukupnya termasuk perkhidmatan Bas Mini bagi tempat-tempat yang berikut:

- (a) Taman Seputih;
- (b) Bangsar Baru dan Bangsar Park.

Tan Sri V. Manickavasagam:

- (a) Taman Seputih

Buat masa sekarang tiada Perkhidmatan bas berhenti-henti (stage bus) yang menjalankan perkhidmatan di

kawasan ini. Walau bagaimanapun, Syarikat Kuala Lumpur, Klang dan Port Swettenham dalam perjalanannya di antara Kuala Lumpur ke United Garden (Laluan 52A) berhenti di persimpangan jalan untuk ke Taman Seputih sahaja, dan meneruskan perjalanan ke United Garden.

Saya faham bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perusahaan Awam, sedia menimbangkan permohonan daripada Syarikat tersebut untuk meluaskan perjalanannya hingga masuk ke Taman Seputih.

(b) **Bangsar Baru dan Bangsar Park**

Bas Sri Jaya ada mengadakan perkhidmatan bas berhenti-henti dari Jalan Sultan Mohd ke Bangsar Park (Laluan 5B). Perjalanan ini melalui Jalan Ma'arof dan terus ke Bangsar Park.

Bagi Kawasan Bangsar Baru pula tiada perkhidmatan bas yang melalui kawasan ini kerana kawasan perumahan di tempat ini baru dibuka. Saya faham bahawa Lembaga Pelesenan sedia menimbangkan permohonan daripada Syarikat Sri Jaya atau syarikat-syarikat lain untuk menjalankan perkhidmatan bas ke Bangsar Baru.

GAJI KAKITANGAN MAS

34. Tuan V. David: minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada benar bahawa gaji yang dibayar kepada kakitangan MAS adalah jauh kurang jika dibandingkan dengan lain-lain Syarikat Penerbangan. Jika benar apakah tindakan yang telah beliau ambil untuk memastikan agar kakitangan MAS juga diberi layanan sama seperti kakitangan lain-lain Penerbangan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Adalah tidak wajar untuk membandingkan tanggagaji Syarikat Penerbangan kebangsaan dengan Syarikat-syarikat penerbangan yang lain yang ada pejabatnya di Malaysia oleh kerana beberapa faktor dan asas bagi sesuatu Syarikat itu adalah berbeza. Syarikat penerbangan yang lain yang ada dalam Negara ini mempunyai pejabat yang kecil dan jumlah kakitangannya adalah sedikit dan jenis-jenis

jawatan yang ada pun adalah sedikit sahaja. Pada dasarnya, Syarikat-syarikat asing membayar gaji lebih tinggi daripada Syarikat Penerbangan kebangsaan supaya mereka dapat kakitangan-kakitangan yang berpengalaman dan sebagainya. Dasar ini juga dipakai oleh MAS di luar negeri umpamanya di Singapura, kakitangan MAS dibayar tangga gaji lebih tinggi daripada kakitangan SIA dan begitu juga di Hong Kong, Tokyo, London dan sebagainya. Di Malaysia SIA membayar gaji yang lebih tinggi daripada gaji yang dibayar kepada pekerjaannya di Singapura sendiri. Jika MAS dikehendaki membayar gaji yang lebih dari atau sama dengan gaji yang dibayar oleh SIA kepada kakitangannya di Malaysia, ini bermakna MAS akan terpaksa membayar gaji yang lebih tinggi daripada apa yang dibayar oleh SIA di Singapura. Keadaan ini tidak dapat diterima oleh sebab beberapa faktor tertentu, termasuklah kos kehidupan (cost of living) yang berbeza di antara kedua-dua negara ini.

Pada masa yang lepas, MAS tidak pernah membayar tangga gaji kepada kakitangannya lebih tinggi daripada tangga gaji diberi oleh Syarikat-syarikat penerbangan yang lain dan pihak MAS tidak bercadang untuk menyamakan tangga gajinya dengan tangga gaji Syarikat-syarikat penerbangan yang lain sebab perkara itu tidak dibuat di mana-mana pun. Walau bagaimanapun, pihak MAS dalam rundingan dengan pihak Kesatuan telah dan akan memperbaiki tangga gaji mengikut asas-asas yang tertentu sesuai dengan keadaan Negara ini dan tangga-tangga gaji yang seimbang dengan tangga-tangga gaji pekerja-pekerja di lain pertubuhan di Negara ini. Perjanjian kolektif yang telah ditandatangani oleh pihak MAS dan Persatuan AEU dalam tahun 1975 telah tamat tempohnya pada bulan Mei, 1978, dan perundingan untuk kebuntuan dan seterusnya pekerja-pekerja mengambil tindakan perusahaan yang haram.

CUKAI JALAN DI SABAH

35. Tuan Mark Koding minta Menteri Pengangkutan menyatakan kenapa kadar cukai jalan di Sabah sama dengan di Semenanjung Malaysia sedangkan jalan-jalanraya di Semenanjung Malaysia adalah jauh lebih baik daripada yang ada di Sabah.

Tan Sri V. Manickavasagam: Mengikut Perlembagaan Persekutuan perkara Pengangkutan jalan sungguhpun perkara Persekutuan akan tetapi di bawah perjanjian Jawatankuasa Antara Kerajaan, Kuasa Perundangan mengenai perkara tersebut telah diperwakilkan kepada Kerajaan Negeri. Kadar cukai jalan di Sabah sekarang ini telah diputuskan oleh Kerajaan Sabah. Oleh itu tidaklah dapat saya menjelaskan tentang perbezaan kadar cukai jalan di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia.

HOSPITAL BESAR SEBERANG JAYA

36. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sebuah Hospital Besar akan dibina di Seberang Jaya sebagaimana yang dikatakan oleh bekas Menteri Kesihatan. Jika ada, bila; jika tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Kesihatan telah membeli satu tapak tanah di Seberang Prai untuk pembinaan sebuah Hospital Besar di masa hadapan. Tanah tapak ini ialah 3 batu jauhnya dari Hospital Daerah Butterworth, 8 batu dari Hospital Daerah Bukit Mertajam dan 18 batu dari Hospital Daerah Kulim di Negeri Kedah. Seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kesihatan sedang giat melaksanakan berbagai projek untuk membesarkan dan membaiki Hospital Daerah Bukit Mertajam, seperti sambungan kepada wad nombor 7, wad kanak-kanak, wad bersalin dan pembinaan sebuah wad baru 4 tingkat yang boleh memuatkan 136 buah katil. Tambahan pula Kementerian Kesihatan akan membina sebuah Hospital Daerah yang baru bagi menggantikan Hospital Kulim.

Disebabkan faktor-faktor yang saya nyatakan, Kementerian Kesihatan berpendapat bahawa keutamaan harus diberikan kepada daerah-daerah yang belum lagi mempunyai sebuah hospital dan bukan kepada Hospital Besar di Seberang Jaya setakat ini. Walau bagaimanapun, semua projek termasuk projek Hospital Besar di Seberang Jaya akan dikaji dari masa ke semasa dan apabila diperlukan, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan projek ini.

BEKALAN LETRIK DI PEKAN GURNEY NEW VILLAGE

37. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar walaupun berulang-kali permintaan dari pengguna-pengguna dan penduduk dari Pekan Gurney New Village, Sitiawan, Perak kepada L.L.N., Simpang Ampat, Sitiawan, Perak bahawa saluran bekalan elektrik kepada bahagian New Village yang tersebut itu adalah dan sekarang juga dalam kerosakan lebih daripada satu tahun dan baru-baru ini tiap-tiap hari tidak ada saluran bekalan elektrik kepada yang tersebut di atas sejak bulan Januari, 1979;
- (b) jika ya, apakah tindakan beliau untuk membetulkan supaya arus elektrik tidak berhenti dengan tiba-tibanya setiap hari; dan
- (c) bilakan cabang station L.L.N. Simpang Ampat, Sitiawan diuruskan oleh seorang jurutera.

Tuan Leo Moggie anak Irok:

- (a) Saya sedar kejadian gangguan bekalan elektrik di Pekan Gurney New Village dan L.L.N. telah pun menjalankan siasatan. Hasil dari siasatan didapati gangguan-gangguan bekalan elektrik itu adalah disebabkan oleh sambungan-sambungan haram yang dijalankan oleh sebilangan besar penduduk-penduduk di kawasan itu. Sambungan haram ini menyebabkan beban melebihi keupayaan sesalur yang ada menyebabkan fuis perlindungan terbakar (blow). Penduduk-penduduk yang membuat sambungan haram ini telahpun diberi amaran keras.
- (b) Tindakan berikut telah diambil bagi mengatasi gangguan bekalan elektrik:
 - (i) menasihatkan pengguna-pengguna supaya mengurangkan kegunaan elektrik di waktu peak period.
 - (ii) memastikan tidak ada sambungan-sambungan haram.
 - (iii) memotong dahan-dahan pokok yang mengganggu sesalur atas.

- (iv) membaiki sistem voltan rendah di seluruh pekan Gurney sebagai lanjutan kepada pembesaran salur di beberapa bahagian yang telah pun dijalankan pada bulan Februari, 1979.

Buat masa ini belum ada rancangan untuk menempatkan seorang jurutera di Station L.L.N. Simpang Ampat, Sitiawan kerana penempatan seseorang jurutera adalah bergantung kepada faktor-faktor seperti beban maksima, bilangan pengguna dan lain-lain lagi.

ROMPAKAN DI KAMPUNG GUSUNG MELANTA/KAMPUNG BANGINGUT TONGKO

38. Datuk Haji Sakaran bin Dandal minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar rompakan yang berlaku baru-baru ini di kampung-kampung terpencil iaitu Kampong Gusung Melanta di daerah Semporna pada malam 5-12-1978 dan Kampong Bangingut Tongko dalam daerah Lahad Datu pada 5-11-1978 dan jika ya, adakah Kerajaan bercadang menempatkan seorang pegawai polis di setiap kampung tersebut dengan segera memandangkan bahawa rakyat-rakyat yang tinggal di kampung-kampung yang jauh terpencil ini sentiasa dalam ketakutan.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Saya sedar kejadian rompakan telah berlaku di kedua-dua buah kampung yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Memandangkan kejadian ini, maka rondaan oleh Polis Merin di kedua-dua kawasan tersebut telah dipergiatkan lagi dan rondaan ini adalah berkesan, kerana selepas dua kejadian tersebut tidak ada lagi kejadian-kejadian lain berlaku di kedua-dua kampung tersebut. Buat masa ini pihak polis belum bercadang hendak menempatkan anggota-anggota polis di kedua-dua kampung tersebut. Walau bagaimanapun keadaan ini akan diteliti dan dikaji dari masa ke semasa.

PENERBANGAN MAS DI SABAH/SARAWAK

39. Tuan A. K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir bertanya kepada Menteri Pengangkutan memandangkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) sering menghadapi krisis demi krisis di antara pihak

pekerja dengan majikan sehingga menyebabkan perkhidmatannya digantung pada 13-14 Februari, 1979, adakah Kerajaan bercadang menubuhkan lain-lain syarikat Penerbangan secara usahasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, sebagai suatu langkah untuk mengatasi masalah yang sering dihadapi oleh MAS dan bagi menampung keperluan orang ramai yang sukar hendak mendapatkan tempat dalam satu-satu penerbangan MAS terutama antara Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur.

Tan Sri V. Manickavasagam: Soalan Yang Berhormat itu telahpun dijelaskan ketika saya menjawab pertanyaan mulut yang seakan-akan sama maksudnya dari Yang Berhormat dari Kapit pada 22-3-1979 di Dewan yang mulia ini.

BAJA PERCUMA KEPADA PETANI

40. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan akan membuat kajian bagi memberi baja percuma kepada Petani-petani melalui Lembaga Persatuan Peladang sebagai satu cara yang berkesan bagi meninggikan taraf hidup mereka dan bukan secara menaikkan harga padi.

Dato' Shariff Ahmad: Kerajaan akan melaksanakan satu Sekim Subsidi Padi petani-petani di seluruh Semenanjung Malaysia dengan bertujuan untuk menambahkan pendapatan petani-petani ke peringkat yang lebih tinggi selaras dengan Dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di dalam sektor pertanian. Subsidi ini dilaksanakan melalui kenaikan harga belian padi dan pemberian bantuan dalam bentuk bahan-bahan pengeluaran, seperti baja, racun serangga dll. Oleh yang demikian, Harga Tawaran Padi telah dinaikkan sebanyak \$2 sepikul untuk semua jenis padi dan berkuatkuasa sejak 5hb Januari, 1979 yang lalu.

Di bawah Sekim subsidi bahan pengeluaran ini petani-petani akan diberi baja dan racun serangga yang bernilai \$3 bagi setiap pikul padi yang dihasilkan. Jumlah pemberian adalah diberikan dengan percuma kepada petani-petani berdasarkan kepada jumlah keluasan bendang yang diusahakan oleh petani-petani dan berasaskan kepada purata daya pengeluaran 480 gantang atau lebih

kurang 20 pikul padi seekar. Tiap-tiap petani yang mengerjakan tanah akan menerima bahan pengeluaran yang bernilai sebanyak \$60 seekar. Pemberian subsidi ini adalah dihadkan kepada keluasan tanah sebanyak 6 ekar tiap-tiap seorang petani.

Bagi petani-petani yang mempunyai tanah yang kurang daripada seekar, akan diberi kadar subsidi mengikut keluasan tanah mereka (proportionately).

KEKOTORAN BIJIH TEMBAGA

41. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kekotoran bijih tembaga telah mendatangkan kesan kepada penduduk di Ranau di Sabah dan bilangan keluarga serta berapa ekar tanah yang terlibat;
- (b) jumlah kerosakan yang berlaku serta ganti rugi yang dibayar kepada setiap keluarga; dan
- (c) langkah-langkah berjaga-jaga yang diambil untuk menghindar kekotoran ini dari terus berlaku.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minat dan perhatian beliau terhadap masalah-masalah alam sekitar berbangkit dari kerja-kerja melombong di Lombong Tembaga Mamut dalam Negeri Sabah yang dijalankan oleh Overseas Mineral Resource Development Sabah Berhad (OMRD) dan jawapan saya adalah seperti berikut:

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lombong Tembaga Mamut terletak di bahagian tenggara Gunung Kinabalu, lebih kurang 15 kilometer ke utara Ranau. Di atas permintaan Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Tenaga Rakyat dan Alam Sekitar, Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya dengan kerjasama Agensi-agensi Kerajaan Negeri Sabah yang berkaitan telah menjalankan satu

kajian awal pada bulan Mei, 1977 untuk menentukan keluasan masalah-masalah pencemaran dan memperakukan langkah-langkah kawalan yang dapat dilaksanakan. Kesan pencemaran yang disebabkan terutamanya oleh pengaliran kelodakan tanah dari kawasan perlombongan dan pembuangan air lelasan dari lombong yang mengandungi bahan-bahan galian, telah melibatkan sebahagian dari dua batang sungai utama, Sungai Sugut/Sungai Labuk yang meliputi satu kawasan seluas lebih kurang 1,944 ekar. Jumlah keluarga yang terlibat ialah 455 yang mengandungi 2,056 orang kesemuanya.

- (b) Kerosakan pada kawasan-kawasan yang berdekatan adalah melalui kemerosotan hasil padi serta kotoran pada bekalan air. Kemerosotan hasil padi pada tahun 1977 berjumlah lebih kurang 383,032 gantang beras yang berharga kira-kira \$681,798. Kerosakan pada Sekim Perairan Loban yang disebabkan oleh kelodak tanah yang banyak telah dilaporkan mengakibatkan kos pemulihan berjumlah sehingga \$59,145 bagi jangkamasa 1975-1977.

Pada bulan Mei, 1978, berdasarkan di atas satu formula yang ditetapkan bersama di antara Jabatan Pertanian Sabah dan Syarikat berkenaan bayaran pampasan telah dibuat oleh Syarikat itu berkaitan dengan kawasan yang terlibat seluas 1,233 ekar yang mana merupakan lebih kurang 63.4% dari kawasan yang terlibat. Sehingga kini, keadaan tersebut telah dikaji semula dan sebagai sebahagian dari penyelesaian keseluruhan kepada masalah tersebut, Kerajaan Negeri telah merasa perlu untuk menempatkan semula serta memindah keluarga-keluarga dari kawasan-kawasan yang terlibat dengan teruk. Bagi tujuan yang tersebut di atas dan kos-kos berkaitan dengan peruntukan bekalan air yang lain dan lain-lain kemudahan, satu persetujuan pampasan yang akhir telah dicapai.

- (c) Bagi menjawab soalan ketiga pula, Syarikat tersebut telah mengadakan teknologi kawalan yang paling praktikal

bagi mengawal pencemaran yang mana melibatkan kawalan pembuangan kelodakan dari punca serta pengolahan baja cair dari proses lombong dan menyimpan kelodak-kelodak dalam kolam-kolam besar. Langkah-langkah ini telah dikaji dari masa ke semasa oleh Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya dan Kerajaan Negeri Sabah.

Kawalan pembuangan kelodak tanah menghendaki kawasan yang luas bagi pembinaan sekatan-sekatan kelodak tanah yang mana melibatkan pemindahan dan penempatan semula keluarga-keluarga di kawasan-kawasan ini dan ini akan diuruskan dengan wang gantirugi yang dibuat oleh Syarikat ini sepertimana yang dinyatakan oleh saya tadi.

PELARIAN FILIPINO DI SABAH

42. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramaikah pelarian Filipino yang telah datang ke Sabah dalam dua bulan yang pertama tahun ini;
- (b) jumlah bilangan pelarian Filipino di Sabah sekarang;
- (c) berapa ramaikah daripada mereka yang telah memohon untuk mendapat taraf penduduk tetap dengan menyatakan bilangan mereka yang berjaya; dan
- (d) berapa ramaikah dari pelarian ini yang telah memohon kewarganegaraan Malaysia dengan menyatakan bilangan mereka yang berjaya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Tidak ada.
- (b) Jumlah orang-orang pelarian Filipino yang berada di negeri Sabah sekarang dianggarkan 92,000 orang.
- (c) dan (d) Tidak ada seorang pun pelarian Filipino yang memohon untuk mendapat taraf penduduk tetap ataupun kewarganegaraan Malaysia.

FELDA—KOMPOSISI KELUARGA

43. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bilangan keluarga yang diam di rancangan FELDA pada masa ini dan pecahan bangsa-bangsa mereka; dan
- (b) sama ada mereka menunjukkan komposisi perkauman.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusof):

- (a) Bilangan keluarga peneroka yang bermastautin di rancangan-rancangan pada 19-3-1979 ialah 51,978 semuanya mengandungi;

Melayu	50,159
China	916
India	870
Lain-lain	33

Jumlah .. 51,978

- (b) Komposisi di atas terjadi oleh sebab semenjak Felda ditubuhkan sehingga baru-baru ini, sambutan daripada kaum bukan Bumiputra untuk memasuki rancangan Felda didapati sangat dingin dan ramai pula di antara mereka yang telah diberi tempat, meninggalkan rancangan. Hanya dalam masa beberapa tahun yang lepas sahaja sambutan daripada kaum bukan bumiputra telah meningkat dan diramalkan pada masa hadapan tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Negeri yang berkenaan, ramai lagi bukan Bumiputra akan mendapat tempat di rancangan-rancangan.

PENUNTUT-PENUNTUT DI UNIVERSITI TEMPATAN

44. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah penuntut-penuntut di lima Universiti tempatan dan pecahan bangsa-bangsa mereka; dan

(b) sama ada bilangan penuntut-penuntut mengikut komposisi perkauman di Malaysia.

Dato' Musa bin Hitam: Soalan ini telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 19-3-1979. Sehingga ini belum ada perkembangan-perkembangan baru mengenai proses pemilihan sebenar.

SURAT KUASA

45. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Undang-Undang menyatakan sama ada beliau akan mengemaskinikan Jabatannya kerana melambat-lambat dan melengah-lengahkan keluarnya "Surat kuasa" adalah memandul segala rancangan. Adakah Kementerian sedar bahawa kelengahan bererti membunuh dan memeranakan segala rancangan pembangunan untuk memenuhi Dasar Ekonomi Baru.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Tiada suatupun jabatan dalam Kementerian Undang-undang mempunyai tanggungjawab mengeluarkan Surat Kuasa Tadbir. Seperti dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini dalam menjawab soalan pada 21hb Mac, 1979, cara-cara mentadbir harta pesaka yang mengandungi tanah bagi seseorang yang mati tanpa wasiat adalah dibahagikan kepada dua jenis seperti berikut:

- (a) secara harta pesaka kecil jika jumlah nilai harta simati termasuk tanah tidak melebihi \$50,000. Ini adalah di bawah kuasa Pemungut Hasil Tanah dan Pegawai Penyelesai Harta Pesaka Kecil; dan
- (b) secara harta pesaka di bawah seksyen 81 Akta Probet dan Pentadbir Pesaka 1959 jika jumlah nilai harta pesaka simati melebihi \$50,000. Ini adalah di bawah kuasa Mahkamah Tinggi.

Kedua-dua jenis harta pesaka ini melibatkan pengeluaran kad biru (borang C) oleh Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur untuk menentukan sama ada seseorang telah membuat permohonan terlebih dahulu untuk mentadbir harta pesaka yang sama. Penentuan ini adalah memakan masa. Walau bagaimanapun tindakan sedang diambil bagi mengambil lebih ramai lagi kakitangan untuk

ditugaskan dalam bahagian yang memproses perkara ini.

Suatu Unit Khas Pesaka Kecil telah juga ditubuhkan pada 1 haribulan Mac, 1974 untuk mempercepatkan dan menyelesaikan perkara-perkara berhubung dengan harta pesaka kecil. Kakitangan Unit Khas Pesaka Kecil ini telah ditambah dari semasa ke-semasa sejak ianya ditubuhkan dan langkah-langkah sedang diambil untuk mengisi semua kekosongan. Di antara sebab-sebab kelewatan mengeluarkan surat kuasa tadbir pada amnya ialah hakikat bahawa permohonan-permohonan itu ada kalanya tidak difailkan selama bertahun-tahun.

Berhubung dengan surat kuasa tadbir yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, kelewatan kadangkala adalah disebabkan oleh pemohon yang tidak membayar duti harta pesaka yang kena dibayar atau tidak mengadakan penjamin-penjamin yang diperlukan. Permohonan juga mungkin lambat menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh Pemungut Duti Harta Pesaka. Kesemua faktor ini adalah di dalam kawalan pemohon dan bukan dalam kawalan Kerajaan. Dan juga, jika semua orang yang berhak menerima harta bersetuju dengan cara pembahagian yang dicadangkan oleh pentadbir-pentadbir itu, maka masalah-masalah tidak akan timbul. Tetapi jika orang-orang yang berhak menerima harta itu bertelingkah, maka ini boleh mengakibatkan guaman yang berpanjangan oleh kerana semua pihak perlu didengar.

Dari segi pembangunan tanah-tanah, pemegang Surat Kuasa Tadbir adalah terhad langkahnya untuk membangunkan tanah berkenaan. Daripada pengalaman, pemegang Surat Kuasa Tadbir enggan dan tidak memohon ulang bicara untuk membahagikan harta-harta itu kepada waris-waris, setelah Surat Kuasa dikeluarkan. Apabila berlaku kematian waris-waris, masalah pembahagian pesaka akan menjadi berlapis-lapis dan ini adalah masalah yang rumit dan memerlukan masa untuk diatasi.

TEMPAT TINGGAL PEGAWAI KESELAMATAN BUJANG

46. Puan Shariffah Dorah Binti Mohammed minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan dan memberi gambaran tentang tempat tinggal Pegawai-pegawai Keselamatan yang bujang di mana mereka ini tinggal dalam keadaan yang terlalu sempit dan bersesak-sesak hingga menggunakan bekas tandas seperti yang terdapat di Berek Bujang Polis di Johor Bahru. Adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa keadaan seumpama ini boleh menumpulkan semangat dan menawarkan hati anggota-anggota keselamatan untuk menyumbangkan khidmat cemerlang.

Tuan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis sememangnya mempunyai rancangan untuk menyediakan tempat kediaman kepada semua anggota Polis Bilangan anggota-anggota Polis yang masih bujang di Semenanjung Malaysia adalah seramai 10,619 orang. Dari jumlah ini seramai 6,753 orang tinggal di bangunan-bangunan dan tempat-tempat yang disediakan lengkap dengan segala kemudahan. Bakinya seramai 3,866 anggota akan berpindah ke bangunan yang sama apabila sahaja bangunan-bangunan baru siap. Mengenai berek bujang di Ibu Pejabat Polis Johor Bahru, sekarang terdapat 2 bangunan yang boleh menempatkan seramai 80 orang anggota Polis yang bujang. Pada masa sekarang hanya terdapat 57 orang anggota yang bujang di Daerah tersebut. Mereka ini tidaklah tinggal di dalam keadaan yang terlalu sempit dan sesak.

KAHAR BADOR—PERLUCUTAN JAWATAN DI UNIVERSITI

47. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab Encik Kahar dilucutkan dari jawatan sebagai Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaysia, sama ada benar beliau dilucutkan dari jawatan tersebut kerana beliau telah menyuarakan penentangannya terhadap peraturan-peraturan tata tertib yang dikenakan ke atas kakitangan-kakitangan akademik atas sifatnya sebagai Presiden Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya.

Dato' Musa bin Hitam: Adalah tidak benar bahawa Professor Kahar Bador telah diberhentikan dari perlantikannya sebagai Ketua, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya kerana beliau, sebagai

Presiden, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya, telah menyuarakan bantahannya terhadap peraturan-peraturan tata tertib yang dikenakan kepada kakitangan akademik.

Professor Kahar Bador telah dilantik oleh Naib Canselor sebagai Ketua, Jabatan Antropologi dan Sosiologi untuk tempoh selama dua tahun mulai 1-4-78, Perlantikannya sebagai Ketua Jabatan telah ditarik balik kerana beliau telah melanggar keputusan Senat Universiti Malaya mengenai seorang pelajar yang mengambil ijazah tinggi di jabatannya.

Senat Universiti Malaya telah memutuskan bahawa pelajar itu hendaklah mengikuti beberapa kursus ijazah pertama dan mengambil peperiksaan sebelum ia dianggap memenuhi kelayakan untuk meneruskan kursus ijazah tinggi. Tetapi Professor Kahar selaku Ketua Jabatan tersebut telah mengecualikan pelajar berkenaan dari mengambil peperiksaan dan melanggar keputusan Senat Universiti Malaya.

Memandangkan kepada kejadian ini Naib Canselor telah menarik balik perlantikan Professor Kahar sebagai Ketua Jabatan. Bagaimanapun, beliau terus memegang jawatan Professor dan menjalankan tugas-tugas akademik di Jabatan.

PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH CHUNG SUN (C)

48. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Mengapa Kementerian Pelajaran selepas meluluskan rancangan untuk pembinaan Sekolah Rendah Chung Sun (C) di Kampung Perlis; Pulau Pinang, menarik balik kebenarannya untuk sekolah tersebut dibina di Kampung Perlis; dan
- (b) sama ada beliau sedar akibat ini sekolah tersebut dijangka akan rugi sebanyak \$300,000.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian berbuat demikian kerana memandangkan dari segi kesesuaian sosial dan pendidikan.

Kementerian sedar bahawa Sekolah tersebut telah memulakan kerja-kerja tetapi belum memastikan jumlah perbelanjaan yang dibuat oleh pihak sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sekolah tersebut sekarang dibenar tinggal di tempat asal berhampiran dengan lapangan terbang Bayan Lepas. Kerajaan akan memberi gantirugi kepada sekolah tersebut tetapi jumlahnya tertakluk kepada pemeriksaan rapi Kerajaan.

RANCANGAN PENERBITAN

49. Tuan Lee Kaw minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan TV supaya mencerminkan corak masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini, juga bilakah rancangan-rancangan dalam Bahasa-bahasa China, Kadazan dan Iban akan disiarkan di TV Sarawak dan Sabah; jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Keseluruhan rancangan-rancangan penerbitan RTM sekarang ini memang sudah mencerminkan corak masyarakat Malaysia berbilang kaum dan langkah-langkah untuk meningkatkan mutu penerbitan ke arah ini berjalan dari masa ke semasa. Penuntun-penuntun di Sabah dan Sarawak akan lebih didedahkan kepada perancangan berbilang kaum apabila siaran Rangkaian Kedua dimulakan di negeri-negeri tersebut.

ANTI-MALARIA

50. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar langkah-langkah berjaga anti-Malaria yang diambil di Negeri Sabah adalah tidak mencukupi dan akibat itu tanah-tanah, lembah-lembah dan kawasan-kawasan yang rendah yang tidak mempunyai sistem parit yang baik telah menjadi tempat untuk pembiakan nyamuk.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Pasukan Kawalan Malaria di Sabah menyemburkan ubat DDT di rumah-rumah dalam kawasan-kawasan yang diserangi oleh penyakit Malaria (endemic with Malaria). Operasi semburan juga dijalankan di kawasan-kawasan bandar di mana terdapat

merebaknya penyakit Malaria. Tujuan menyemburkan ubat DDT di rumah-rumah ialah untuk menghapuskan nyamuk-nyamuk yang membawa parasit-parasit Malaria itu. Selain daripada semburan ubat DDT, penduduk-penduduk di kawasan yang diserangi oleh penyakit Malaria adalah diberi rawatan "prophylactic". Rawatan "presumptive" juga diberi kepada orang-orang yang disyaki mengidap penyakit Malaria oleh kerana mereka mengidapi demam. Sebagai langkah tambahan, "Mass Drug Administration" juga dijalankan di kawasan-kawasan yang teruk menghadapi penyakit Malaria. Semburan ubat DDT juga dijalankan di khemah-khemah kayu balak, kebun-kebun getah dan kelapa sawit dan lain-lain di kawasan-kawasan terpencil yang mempunyai sebilangan besar penduduk. Aktiviti-aktiviti tersebut di atas telah meliputi 85% daripada kawasan-kawasan di Negeri Sabah dan 95% penduduk-penduduknya. Hanya 5% daripada penduduk-penduduknya yang tidak dapat diberi perkhidmatan oleh kerana penduduk-penduduk tersebut duduk terpencil dan bertaburan.

Jabatan Sabah membelanjakan sebanyak \$3.9 juta bagi aktiviti-aktiviti kawalan dan mencegah Malaria di Sabah dan mempunyai kakitangan seramai lebih 500 orang. Selain dari itu Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negeri Sabah mempunyai satu "Vector Control Team" diketuai oleh seorang Entomologist dengan dibantu oleh sembilan pegawai-pegawai lain bagi mengawal Aedes aegypti dan vector-vector yang lain di seluruh negeri Sabah.

Kakitangan-kakitangan Program Kesihatan Alam Sekitar di Sabah juga mengambil langkah-langkah seperti menyemburkan longkang-longkang dan kawasan-kawasan di mana air bertakung di Kota Kinabalu dengan tujuan memusnah dan mengurangkan tempat-tempat nyamuk membiak. Ini dibuat dengan kerjasama pihak Kerajaan Tempatan.

Oleh kerana Negeri Sabah adalah begitu besar, sudah semestinya ada beberapa kawasan yang tertinggal daripada usaha-usaha pemusnahan jentik-jentik dan nyamuk-nyamuk yang membawa penyakit. Walau bagaimanapun saya rasa langkah-langkah yang telah diambil adalah memadai.

Dengan penerangan yang telah diberi di atas, adalah jelas bahawa langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah penyakit Malaria di Sabah adalah mencukupi.

KASSIM AHMAD—TAHANAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI

51. **Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bapa Kassim Ahmad telah menulis kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong meminta agar anak beliau Kassim Ahmad, Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dibebaskan, dan jika ya, apakah pendirian Kerajaan di atas perkara ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian adalah sedar mengenai surat rayuan yang dikemukakan oleh bapa Kassim bin Ahmad kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebagaimana orang-orang tahanan yang lain, kesnya adalah diulangkaji oleh Lembaga Penasihat dan membuat pengesyoran sewajarnya kepada Kerajaan. Penahan Kassim Ahmad adalah masih perlu.

PEMBUNUHAN WONG AH SENG/ WONG YOKE LIN

52. **Tuan P. Patto** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sejauh mana penyiasatan telah dijalankan ke atas pembunuhan adik-beradik yang bernama Wong Ah Seng @ Ah Sai (Lelaki) berumur 22 tahun dan adiknya Wong Yoke Lin (perempuan) berumur 20 tahun yang dahulunya tinggal di 215, Kampong Baru Ayer Kala, Grik, Perak yang mayat mereka telah dijumpai di dalam Sungai Perak pada 28hb dan 29hb Ogos, 1978;
- (b) Sebab-sebab kematian mereka;
- (c) bilangan orang yang ditangkap bersabit dengan penculikan dan pembunuhan mereka;
- (d) sama ada penculik serta pembunuh mereka ini akan didakwa di Mahkamah; dan

- (e) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan supaya orangramai tidak hilang kepercayaan kepada pasukan keselamatan terutama di tempat-tempat di mana kawalan rapi 24 jam dikuatkuasakan seperti di pinggir Ayer Kala di Grik.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Penyiasatan ke atas pembunuhan Wong Ah Seng @ Ah Soi (L) dan Wong Yoke Lin (P) masih dijalankan dan akan terus dijalankan. Kerajaan juga telah menawarkan hadiah \$5,000 kepada sesiapa yang membantu sehingga berhasil tertangkapnya penjenayah di dalam perkara ini.
- (b) Laporan pembedahan menunjukkan bahawa kedua-duanya telah mati akibat kena cekik (asphyxia due to strangulation).
- (c) Sehingga ini belum ada sebarang tangkapan dibuat.
- (d) Ini tergantung kepada penyiasatan sekiranya selesai.
- (e) Kerajaan akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menjaga keselamatan orangramai di mana saja mereka berada termasuk kawasan-kawasan yang dikenakan perintah berkurung selama 24 jam. Kerajaan juga akan mengambil tindakan terhadap mereka-mereka yang melanggar perintah berkurung 24 jam itu. Oleh itu orangramai dinasihatkan supaya bekerjasama dengan pihak Pasukan Keselamatan dan jangan melanggar perintah berkurung merayau-rayau tanpa tujuan khususnya di kawasan keselamatan.

TEH CHENG POH—KEPUTUSAN MAJLIS PRIVY

53. **Tuan Karpal Singh** minta Menteri Undang-undang menyatakan bahawa selepas keputusan Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh, baru-baru ini beliau telah memohon untuk mengkaji semula 11 kes yang dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri yang telahpun ditolak oleh Mahkamah Persekutuan, apakah beliau ingin membuat

berkait dengan 31 kes yang dibicarakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di Mahkamah-mahkamah Tinggi dan kini menunggu diulang bicara di Mahkamah Persekutuan.

Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah: Mengikut peruntukan-peruntukan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979, permohonan-permohonan untuk mengulangkaji 11 kes tersebut telah difailkan untuk diulangkaji oleh Mahkamah Persekutuan pada 16hb Februari 1979. Tarikh pembicaraan permohonan-permohonan itu belum lagi ditetapkan oleh Mahkamah.

Sebenarnya 38 kes, dan bukan 31 kes seperti disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dibicarakan dalam Mahkamah Tinggi di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Rayuan-rayuan berkenaan dengan kes-kes itu masih belum selesai dalam Mahkamah Persekutuan. Rayuan-rayuan dalam kes-kes ini akan dijalankan mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang berhubung dengan rayuan.

FILEM "JESUS OF NAZARETH"— TAYANGAN

54. Tuan Karpal Singh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa filem "Jesus of Nazareth" tiba-tiba ditarik balik daripada ditayang dipanggung-panggung wayang tahun lalu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Filem "Jesus of Nazareth" tidak pernah ditarik balik oleh pihak Lembaga Penapis Filem sejak ianya diluluskan pada 14hb Julai, 1978.

CUKAI PENDAPATAN ATAS SEWA BANGUNAN/RUMAH

55. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pendapatan sewa bangunan/rumah yang dimiliki oleh kompeni atau syarikat-syarikat telah dibenarkan menolak kos susutan (depreciation cost) dan kos tambang untuk datang memungut sewa bangunan/rumah itu dalam satu-satu tahun bagi taksiran Cukai Pendapatan, tetapi telah tidak dibenarkan kepada individu yang membeli rumah atau mempunyai dua tiga

buah rumah, yang terpaksa disewakan buat sementara waktu bagi menampung bayaran balik pinjaman bank atau pinjaman perumahan Kerajaan. Oleh itu adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan penolakan kos tersebut bagi taksiran cukai pendapatan kepada individu, demi untuk menggalakkan orang-orang perseorangan membeli dan memiliki rumah sendiri. Walaupun terpaksa di-sewa kerana kurang kemampuan mereka.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya ingin menerangkan iaitu sangkaan Ahli Yang Berhormat mengenai pendapatan sewa sebagaimana dinyatakan di dalam soalnya adalah tidak benar. Sebenarnya sesuatu syarikat atau firma yang menerima sewa daripada bangunan-bangunan atau rumah boleh menuntut potongan atas perbelanjaan yang dibuat sepenuhnya untuk mendapat sewa itu. Potongan-potongan ini termasuklah perbelanjaan bagi pengangkutan yang dikeluarkan untuk mengutip sewa itu. Akan tetapi potongan tidak diberi atas susutan bangunan-bangunan atau rumah-rumah itu kecuali sekiranya bangunan-bangunan atau rumah-rumah itu adalah bangunan-bangunan atau rumah-rumah untuk perindustrian.

Seseorang individu yang mendapat sewa daripada bangunan-bangunan atau rumah-rumah adalah juga dibenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dibuat untuk mengutip sewa itu serta perbelanjaan pengangkutan, dan seperti juga dengan sesuatu syarikat atau firma, tidak juga diberi kos susutan atas bangunan-bangunan atau rumah-rumah. Akta Cukai Pendapatan memperuntukkan elaun susutan hanya bagi bangunan-bangunan perindustrian dan tidak bagi sesuatu bangunan atau rumah yang digunakan sebagai kediaman atau untuk tujuan-tujuan perniagaan (iaitu bukan untuk tujuan perindustrian).

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Aturan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia

Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangkakan untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti saya dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13, tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (22hb Mac, 1979).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menyampaikan ucapannya selama 13 minit dan meminta menyambung semula. Sekarang saya jemput.

3.36 ptg.

Tuan Lim Klt Slang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran pada hari Isnin mengenai usaha Kerajaan untuk memperluaskan tempat-tempat untuk anak-anak bukan Melayu menunaikan janji-janji beliau pada 11hb November, tidak menyenangkan sesiapa pun.

Biarlah saya memberitahu Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa harapan rakyat mempunyai terhadap janji-janji yang diberikan oleh beliau adalah sangat tinggi. Malahan, bagi orang-orang bukan Melayu, keputusan Kerajaan untuk menambahkan pengambilan pelajar-pelajar dalam tahun akademik yang baru merupakan satu ujian tentang komitmen Kerajaan ke arah pembinaan sebuah negara yang berbilang bangsa. Dengan penuh kejujuran dan merendahkan diri, saya menggesa Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya menunaikan janji yang diberikannya dan bukan sebaliknya mungkir janji tersebut.

Tidak ada seorang pun yang mahu atau menduga Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengurangkan satu tempat pun bagi pelajar-pelajar Melayu dalam pengambilan baru yang dicadangkan itu. Rakyat Malaysia termasuk orang-orang bukan Melayu tidak mendendami bantuan khas yang diberikan kepada pelajar-pelajar Melayu untuk menerima pelajaran peringkat universiti. Tetapi apa yang mereka meminta ialah Kerajaan tanpa menafikan mana-mana pelajar Melayu tempat di universiti-universiti tempatan hendaklah memberikan peluang-peluang pelajaran tinggi kepada pelajar-pelajar bukan Melayu. Adalah tidak berguna dan "short-sighted" bahawa dalam usaha untuk mencuba menyelesaikan ketidakadilan dan ketidaksaksamaan lama, Kerajaan harus mencipta ketidakadilan dan kesaksamaan yang baru.

Betapa buruknya masalah pengurangan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk pelajar-pelajar bukan Melayu dalam negaranya sendiri boleh didapati dari angka-angka yang diberikan yang menunjukkan semasa Rancangan Malaysia Kedua berjalan dari 1971-1975 pembahagian orang-orang Melayu dan kaum bumiputra yang lain dalam jumlah pengambilan telah bertambah dari 50% ke 65% atau dari 6,622 kepada 20,547—tambahan sebanyak 13,925. Dalam masa yang sama, pembahagian pelajar-pelajar kaum-kaum lain dalam pengambilan tersebut telah merosot dari 50% kepada 35% ataupun dalam ertikata sebenarnya telah bertambah dari 6,702 ke 10,982.

Bagi tahun akademik 1977/1978, kelima-lima universiti telah mengambil sejumlah 5,953 pelajar-pelajar di mana 4,457 daripadanya adalah orang-orang Melayu, 1,187 daripadanya adalah orang-orang Cina, 226 daripadanya adalah orang-orang India dan 43 orang lain dan ertikata ialah 75% untuk pelajar-pelajar orang Melayu dan 25% untuk pelajar-pelajar bukan Melayu.

Kebimbangan yang dirasakan oleh ibubapa-ibubapa bukan Melayu tentang masa depan anak-anak mereka adalah di "justified" apabila kita mengkaji angka-angka mengenai pengambilan pelajar-pelajar ke dalam universiti-universiti tempatan untuk kursus-kursus ijazah. Dari Jadual 14-3 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga kita akan mendapati bahawa angka-angka pengambilan pelajar-pelajar untuk kursus ijazah dari tahun 1975 hingga 1978 menunjukkan pengambilan pelajar-pelajar Melayu

telah bertambah dari 8,600 kepada 11,540 — tambahan sebanyak 2,940; sebaliknya pengambilan pelajar-pelajar Cina telah merosot dari 5,373 dalam tahun 1975 kepada 5,292 dalam tahun 1978—pengurangan sebanyak 81.

Jika kita memerhatikan angka-angka ini dari sudut yang lain, pengambilan pelajar-pelajar Melayu telah bertambah dari 40%

Universiti Malaya	Melayu 48%, Bukan Melayu 52%
Universiti Sains	Melayu 53%, Bukan Melayu 47%
Universiti Kebangsaan	Melayu 92%, Bukan Melayu 8%
Universiti Pertanian	Melayu 83%, Bukan Melayu 17%
Universiti Teknologi	Melayu 86%, Bukan Melayu 14%

Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga sebidinya mengakui dalam perenggan 563 bahawa "Mulai tahun 1977, Kementerian Pelajaran telah mengumpul maklumat berkenaan dengan pelajar-pelajar di dalam institusi-institusi persendirian tempatan dan seberang laut bagi menyediakan gambaran menyeluruh berkenaan dengan taburan pelajar mengikut kaum di peringkat tinggi." Ini adalah berkontradik secara langsung dengan tuntutan Kementerian Pelajaran yang ia mahu mengumpul maklumat-maklumat mengenai pelajar-pelajar yang sedang menuntut di seberang laut untuk mendapat tahu sama ada mereka itu sedang mengambil kursus pengajian yang bersesuaian atau tidak.

Menurut laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga terdapat seramai 17,513 pelajar-pelajar Malaysia yang sedang mengambil kursus-kursus berijazah di seberang laut pada tahun 1978 di mana seramai 3,937 daripada orang-orang Melayu, 11,293 orang-orang Cina dan 2,096 orang-orang India serta 197 orang dari kaum lain.

Bilangan besar pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di seberang laut merupakan alasan kuat bagi memperluaskan tempat-tempat di universiti-universiti tempatan kerana dengan membuat demikian, kita bukan sahaja akan dapat menjimatkan wang dari segi pertukaran asing dan menentukan pelajar-pelajar kita mengambil kursus-kursus yang berguna untuk keperluan kebangsaan kita bahkan akan membantu anak-anak miskin kita yang tidak berpeluang pergi ke

dalam tahun 1970 kepada 57.2% dalam tahun 1975 dan kepada 63.9% dalam tahun 1978; sedangkan pengambilan pelajar-pelajar bukan Melayu telah merosot dari 80% dalam tahun 1970 kepada 42.8% dalam tahun 1975 dan kepada 36.1% dalam tahun 1978.

Bagi tahun 1978, peratus mengikut kaum bagi setiap universiti adalah seperti berikut:

..	Melayu 48%, Bukan Melayu 52%
..	Melayu 53%, Bukan Melayu 47%
..	Melayu 92%, Bukan Melayu 8%
..	Melayu 83%, Bukan Melayu 17%
..	Melayu 86%, Bukan Melayu 14%

luar negeri untuk melanjutkan pelajaran tinggi.

Jadual 3-4 menunjukkan pembahagian kategori berbagai kerja di antara kaum di sektor awam dan di sektor swasta di Semenanjung Malaysia untuk tahun 1975 dan 1978 yang memberikan gambaran lebih tepat ke atas masalah ini. Jadual tersebut menunjukkan sungguhpun pembahagian pekerjaan pada keseluruhannya telah tidak berubah apabila dibanding dengan komposisi penduduk, beberapa perubahan telah berlaku di dalam kategori-kategori yang tertentu. Satu perbaikan yang significant yang berlaku ialah perbaikan dalam kategori ikhtisas dan teknikal di mana pembahagian orang-orang Melayu dan kaum bumiputra yang lain telah bertambah dari 48.9% dalam tahun 1975 kepada 53.1% dalam tahun 1978. Rakyat tentulah akan memuji perbaikan ini tentang penyertaan orang-orang Melayu di dalam bidang ikhtisas dan teknikal tetapi mereka juga harus akan memandang berat tentang angka-angka yang sebenar yang diberikan.

Pekerjaan untuk kategori ikhtisas dan Teknikal angka-angkanya menunjukkan bahawa dari 1975 hingga 1978 bilangan orang-orang Melayu dalam pekerjaan ikhtisas dan teknikal bertambah dari 87,900 ke 116,300—satu pertambahan sebanyak 28,400; bilamana dalam tempoh tiga tahun ini bilangan orang-orang Cina telah tertambah dengan angka nominal sebanyak 600, ialah daripada 75,300-75,900 sementara bilangan orang-orang India bertambah sebanyak 2,800.

Apabila saya nyata angka-angka tersebut, saya ingin menekankan sekali lagi bahawa tiada sesiapa pun yang mencadangkan pengurangan walaupun dengan satu angka statistik bagi orang-orang Melayu, tetapi untuk cuba membuka mata Kerajaan supaya ia memahami mengapa ketidak berubahnya kedudukan atau berkurangnya peluang-peluang bagi orang-orang bukan Melayu dalam bidang-bidang ini telah menimbulkan perasaan berat terasing dan antagonisma (alienation) yang sangat bertentangan dengan tujuan perpaduan negara.

Sementara usaha-usaha Kerajaan untuk memberi bantuan khas kepada orang-orang Melayu dan lain-lain bumiputra mendapat peluang untuk mengambil bahagian dalam pengajian tinggi dan lain-lain bidang mendapat sokongan semula rakyat Malaysia, kita janganlah tergoda peratus-peratus sehingga membenarkan kemajuan dan perpaduan negara kita menjadi mangsa peratus-peratus ini.

Objektif menyusun semula masyarakat Malaysia sehingga pengenalan fungsi ekonomi dengan satu-satu bangsa dikurangkan dan akhirnya dihapuskan adalah satu objektif yang boleh dipuji. Tetapi matlamat Dasar Ekonomi Baru ini akan menghalang dari memupuk perpaduan negara jika penyusunan semula ini dianggap sebagai satu proses Malayisation dan bukan Malaysianisation.

Saya telah berkata semasa perbahasan atas Rancangan Malaysia Ketiga bahawa kesalahan besar Rancangan Malaysia Kedua ialah yang matlamat penyusunan semula itu telah dianggap dan dipandang oleh rakyat sebagai satu program perkauman dan bukan sebagai program Malaysian. Rasa keciwa yang amat sangat terhadap Kajian Separuh Penggal ialah tentang tidak adanya usaha-usaha jujur dibuat untuk membetulkan kelemahan-kelemahan ini. Walaupun Rancangan Malaysia Ketiga mengakui bahawa orang-orang bukan Melayu, khususnya orang-orang Cina, dalam pekerjaan pertanian hendaklah ditambah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, tidak banyak yang dilakukan dalam bidang ini.

Dalam tempoh yang sedang dalam kajian, lebihkurang 647,500 ekar tanah telah dibuka untuk penerokaan oleh keluarga-keluarga yang tidak bertanah serta juga untuk meresap pekerja-pekerja luar bandar yang underemployed ke dalam pekerjaan sepenuh

masa. FELDA dan FELCRA telah memajukan lebihkurang 342,300 ekar tanah dan mewujudkan penerokaan bagi lebihkurang 19,800 keluarga luar bandar dalam tempoh antara tahun 1976 dan 1978.

Kajian Separuh Penggal memberi banyak statistik dan jadual, tetapi tidak ada sebarang statistik atau jadual tentang angka-angka pecahan kaum penerokaan orang-orang Melayu dan bukan Melayu atas rancangan-rancangan tanah Kerajaan, sama ada rancangan FELDA ataupun FELCRA. Dari semua maklumat yang sedia ada, rancangan-rancangan penerokaan FELDA hampir-hampir diterokai kesemuanya oleh orang-orang Melayu, yang bertentangan dengan dasar dan falsafah penyusunan semula. Apakah telah dibuat selama tiga tahun ini untuk memperbilang-bangsakan rancangan-rancangan penerokaan FELDA?

Daripada 647,500 ekar tanah yang telah dibuka untuk penerokaan dalam tempoh masa yang sedang dalam kajian, berapa peratuskah telah diberi kepada orang-orang Melayu dan berapakah kepada orang-orang bukan Melayu?

Dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga saya telah menyeru Kerajaan untuk merancang satu rancangan tepat yang mempunyai "time-target" untuk membilang-bangsakan rancangan-rancangan FELDA supaya peneroka-peneroka baru yang membayangkan kalau bukan nisbah penduduk negara, sekurang-kurangnya penduduk luar bandar di mana terdapat 65% Melayu dan 35% orang bukan Melayu. Bolehkah saya mendapat satu keterangan mengenai perkara ini?

Saya juga ingin bertanya lagi apakah langkah-langkah Kerajaan telah ambil untuk mengambil kira objektif penyusunan semula dalam pelaksanaan rancangan-rancangan kemajuan wilayah seperti Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Trengganu Tengah dan Kelantan Selatan. Dari Jadual 5-7 kita dapati bahawa menjelang tahun 1980 rancangan Pahang Tenggara akan mempunyai 145,000 penduduk dengan 415,000 ekar tanah dimajukan. Johor Tenggara akan mempunyai 181,900 penduduk dengan 200,000 ekar dimajukan dan di Trengganu Tengah pula 61,200 penduduk dengan 144,000 ekar tanah dimajukan. Apakah angka-angka pecahan kaum dalam rancangan-rancangan kemajuan wilayah.

Dalam perenggan 108 dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ada disebut bahawa memodenkan dan kemajuan kampung-kampung baru yang sedia ada atas asas multi-racial akan berturut lagi. Sebarang usaha Kerajaan untuk membilang-bangsakan (multi-racialisation) akan dapat sokongan DAP tetapi multi-racialisation ini hendaklah bercorak nasional dan tidak terbatas dan bukan selective kerana ini tentu tidak lagi jadi Malaysianisation.

Kami dalam DAP mengutarakan kelemahan-kelemahan fundamental pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, bukan kami dengan sengaja mahu mencari kesalahan atau sabotaj Dasar Ekonomi Baru sepertimana dituntut dengan tidak bertanggungjawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dua hari dahulu tetapi kerana kami mempunyai kepentingan negara dan rakyat kita dalam hati dan sanubari kami. Kita mahu kelemahan-kelemahan dibetulkan kerana kelemahan-kelemahan ini yang menghalang dan impete perpaduan negara. Kita tahu teguran-teguran kita selalu dikecam sebagai anti nasional, sebagai tak membina tetapi kita rela berdiri tegas atas rekod kita. Umpamanya dalam beberapa tahun yang lalu Ahli-ahli Dewan DAP dalam Dewan undang Negeri telah berkali-kali mengkritik dalam Dewan Undangan Negeri mengenai prestasi SEDC mengenai tidak cekap, tidak competent, membazirkan wang rakyat. Segala kenyataan dan ucapan kami masa itu dinafi dan dikecam oleh Ahli-ahli Barisan Nasional termasuk masa itu Ketua Menteri dalam Dewan Undangan Negeri Melaka tetapi hari ini Ketua Menteri yang baru, Yang Amat Berhormat Adib Adam telah mengakui bahawa kecaman-kecaman, teguran-teguran kita benar dan beliau berikrar untuk membersihkan dan mengadakan satu reformasi dalam SEDC.

Tuan Yang di-Pertua, jika perpaduan negara hendaklah terus menjadi tujuan utama DEB, maka saya menyeru Kerajaan untuk membuktikan melalui tindakan-tindakan dengan tujuan menetapkan tanpa apa-apa keraguan di mana-mana bahawa perkara penyusunan semula masyarakat ialah satu proses Malaysianisation dan untuk menjayakan ini usaha-usaha berbilang bangsa yang lebih hendaklah ditumpukan untuk menyusun semula pemikiran sikap dan kesedaran supaya sikap Malaysianisation ini

ada dalam fikiran semua rakyat, semua Ahli Dewan Rakyat.

Baru-baru ini pihak Lembaga Perbandaran Petaling Jaya telah mengeluarkan satu arahan supaya nama lebuhraya di Damansara Utama, iaitu Lebuhraya Dato' Teo Hun San hendaklah ditukar kerana nama tersebut adalah bertentangan dengan national characteristic. Ini telah menyedihkan ramai orang kerana apakah perkara menamakan satu jalan dengan menggunakan nama seorang rakyat Malaysia keturunan Cina atau nama keturunan Cina tidak selaras dengan national characteristic. Kalau mengikut logic argument ini maka terpaksa nama jalan-jalan seperti Jalan Tun Tan Cheng Lok di Melaka, Jalan Seenivasagam di Ipoh, Jalan Lim Lian Seng di Pulau Pinang, Jalan Loke Yew dan Jalan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur diganti dan diubah atas alasan-alasan yang ianya tidak mengikut national characteristic bagi mana-mana pihak Kerajaan untuk mengatakan bahawa nama seorang bukan Melayu adalah bertentangan dengan national characteristic, akan menjejaskan asas berbilang bangsa negara ini dan akan pula menimbulkan semula soal sama ada Kerajaan Barisan Nasional jujur untuk menubuhkan sebuah negara Malaysia yang benar-benar berbilang bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga telah melaporkan bahawa insiden kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah kurang dari 44% dalam tahun 1975 kepada lebih kurang 37% dalam tahun 1978. Angka-angka ini nampaknya angka-angka "magic figures" oleh kerana kita tidak diberitahu bagaimana garis kemiskinan itu digariskan dan angka-angka terbaru itu berpunca dari mana. Ketiga-tiga tahun yang lepas merupakan tahun-tahun yang bagus jika dipandang dari erti kata harga-harga commodity. Negara kita dirahmati dengan sumber-sumber alam semula jadi. Minyak mentah sedang pesat menjadi foreign exchange earner yang utama di mana nilai eksportnya telah bertambah dari \$727 juta dalam tahun 1975 kepada \$2,413 juta dalam tahun 1978 dengan memperolehi tempat kedua dari segi export earning sedangkan ia hanya menunggu tempat dari segi export earning dalam tahun 1975. Pada tahun 1980 pengeluaran minyak mentah dijangka naik dari 229,000 tong sehari sepertimana berlaku sekarang kepada 300,000 tong sehari dan ini akan membawa keuntungan eksport sebanyak \$3,962. Ini dijangka

akan menggantikan getah sebagai sumber utama yang mendapat keuntungan eksport (export earning). Keuntungan eksport yang akan dianggarkan (estimated) akan diperolehi oleh getah bagi tahun 1980 ialah \$3,870 juta.

Apa yang diperhatikan ialah pengeluaran minyak 300,000 tong sehari sepertimana yang dijadualkan akan dicapai pada tahun 1980 ini adalah sangat-sangat jauh berbeza dengan pengiraan estimate Kerajaan pada lima tahun yang lalu, iaitu pengeluaran minyak akan dicapai sebanyak 500,000 tong sehari pada tahun 1980. Dari projection harga sekarang, pengeluaran 500,000 tong sehari pada tahun 1980 ini akan terlibat nilai eksport yang berjumlah sebanyak \$6,600 juta. Ini adalah bermakna bahawa minyak akan hampir setanding dengan semuanya, getah, timah dan minyak kelapa sawit. Projection Kerajaan terhadap minyak yang berjumlah sebanyak 500,000 tong pada tahun 1980 ini adalah dibuat sebelum pelabur-pelabur asing meninggalkan dirinya dari Malaysia kerana Akta Penyelarasan Perusahaan dan Akta Pembangunan Petroleum. Sebenarnya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ianya sekarang telah mengakui bahawa pelaburan telah menurun sebanyak 25% pada tahun 1975 diakibatkan kedua-dua Akta tersebut. Walau bagaimanapun, negara dan Kerajaan Malaysia telah mempunyai satu sumber pendapatan yang baru yang mana akan menjadi pertukaran asing (foreign exchange earner) nombor satu pada tahun 1980. Mungkin ianya akan setanding dengan semua pertukaran asing yang terdiri daripada lain-lain eksport pada tahun 1990. Maka negara kita adalah bertanggungjawab dan berkeyakinan sepenuhnya untuk menggunakan wang minyak ini dalam usaha pembasmian kemiskinan untuk menutup lompang di antara yang berada dengan yang tidak berada. Kita seharusnya mempelajari pengalaman-pengalaman daripada negara-negara pengeluar minyak yang hanya memperkayakan kelas privileged tetapi majority yang miskin ini masih miskin, papa, akhirnya keadaan ini telah membawakan kekacauan sosial dan revolusi.

Dalam hubungan ini PETRONAS akan memainkan satu peranan yang vital dalam ekonomi Malaysia. Tetapi didapati adanya ketidak tetapan (uncertainty) sama ada PETRONAS adalah merupakan sebuah badan yang ditubuh oleh Kerajaan hanya semata-mata untuk menolong kaum bumiputra dalam

bidang perusahaan dan perdagangan atau sama ada ianya adalah merupakan sebuah institusi yang ditujukan untuk berkhidmat dengan semua rakyat Malaysia. Saya minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu kenyataan yang jelas atas perkara yang mustahak ini. Ini adalah disebabkan bahawa PETRONAS telahpun diberikan tugas dan tanggungjawab untuk menjaga sumber (resource) yang termahal di negara kita. Sebab itu Kerajaan perlu mempunyai satu kenyataan dasar tentang bagaimana Kerajaan bercadang untuk menggunakan sumber minyak ini untuk membawakan faedah kepada golongan yang miskin dan perlu ditolong dalam negara kita.

Memandangkan kian besar jumlah wang yang akan diberikan kepada PETRONAS dan akan diletakkan di bawah jagaannya maka PETRONAS perlulah diletakkan di bawah penyeliaan yang ketat oleh Parlimen. Saya pun terperanjat bahawa PETRONAS adalah tidak dikehendaki untuk mengemukakan laporan tahunan kepada Parlimen. Saya adalah menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat bertindak segera untuk membawakan PETRONAS terletak di bawah kawalan Parlimen. Negara kita adalah tidak sanggup lagi untuk menanggung skandal sepertimana yang telah tertimpa kepada Bank Rakyat ini.

Sebenarnya penyiasatan yang menyeluruh dan mendalam perlulah diadakan terhadap agensi-agensi Kerajaan seperti PKEN-PKEN, MARA dan UDA. Mungkin siasatan ini akan membongkarkan skandal-skandal yang pernah berlaku pada Bank Rakyat ini kerana kekurangan public accountability badan-badan tersebut. Di sebabkan berbilion-bilion ringgit telah ditanam dalam agensi-agensi ini maka saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengadakan sebuah suruhanjaya siasatan terhadap UDA, MARA, PKEN-PKEN, PERNAS, PETRONAS, dan semua public enterprises supaya kerja-kerja agensi tersebut dapat dikesani supaya segala kepincangan dapat diperbaiki dan skandal-skandal seperti di Bank Rakyat boleh dielakkan. Saya perlu menegaskan bahawa perbelanjaan yang banyak dan besar bukanlah merupakan satu jaminan untuk mencapai matlamat DEB dalam usaha pembahagian pendapatan dan kekayaan di negara kita supaya segala inequality dan ketidak seimbang ekonomi dapat dikurangkan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Adalah jelas dari pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bahawa pembahagian (re-distribution) yang dimaksudkan itu adalah satu jenis redistribution yang khas. Apabila Dasar Ekonomi Baru dilancarkan Menteri-menteri, pihak Kerajaan telah menolak kenyataan yang pertumbuhan (growth) adalah merupakan tujuan ekonomi tunggal, tetapi hairannya Kerajaan tidak pada masa yang sama menolak teori bahawa keuntungan atau "trickle down effect" pun tidak boleh diterima. Teori "trickle down effect" ialah bahawa mewujudkan bersama kekayaan dan kemiskinan merupakan satu peringkat yang perlu dalam proses pembangunan, malahan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merupakan satu exponent utama tentang "trickle down effect". Pada Mac tahun lalu apabila Yang Amat Berhormat itu membukakan Konvensyen Ekonomi Bumiputra di Universiti Kebangsaan beliau berkata bahawa orang-orang Melayu tidak harus merasa iri hati, orang-orang Melayu yang miskin tidak seharusnya merasa iri hati dengan kekayaan orang-orang kaya kerana orang-orang kaya ini terpaksa memikul beban yang sukar untuk difahami oleh orang-orang miskin dan sebagai keterangan bagaimana orang-orang miskin faham tentang beban orang-orang kaya itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menggunakan agrument yang tidak boleh diterima akal yang bahawa orang-orang miskin hendaklah memahami atau imagine bahawa orang-orang kaya itu sungguhpun menerima sebanyak \$100 mereka terpaksa membayar kerajaan \$55 dengan tinggal hanya \$45 sahaja. Beliau juga berkata banyak tentang spin-off effect terhadap kegiatan-kegiatan termasuk tabiat makan orang-orang kaya dan keuntungan kepada orang miskin.

Objektif pembahagian semula Dasar Ekonomi Baru merupakan satu myth sahaja kerana ianya tidak bermakna pembahagian semula pendapatan dan kekayaan untuk mengurangkan kemiskinan kepada ketidak-saksamaan. Apa yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru ialah pembahagian semula teknik kekayaan dan pendapatan dengan tidak mempedulikan masalah pembahagian

kekayaan dan pendapatan dalam satu kaum ethnic sendiri (distribution of wealth within any Communities) dan dasar itu jua tidak mempedulikan sama ada nett ialah bertambahnya ketidak-saksamaan pendapatan dan kekayaan di dalam masyarakat Melayu sendiri. Ini sendirinya dijelaskan dengan nyata oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam interviewnya dengan majalah *Business Times* baru-baru ini di mana beliau berkata bahawa tujuan Kerajaan ialah untuk memperseimbangkan, mewujudkan jutawan bumiputra setanding dengan jutawan bukan bumiputra.

Pembahagian semula kekayaan dan pendapatan kepada satu kelas baru orang-orang Melayu yang mempunyai pertalian politik yang baik dan saya mensifatkan mereka UMNO putra adalah diberitahu kepada orang-orang bukan Melayu bahawa itulah merupakan prerequisite ke arah keharmonian di antara kaum dan perpaduan negara dan orang-orang Melayu yang miskin diberi tahu pula bahawa ini adalah precondition untuk "trickle down effect" kepada keuntungan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga adalah menitikberatkan bahawa adalah penting semua rancangan bukan dianggap atau dilihat dalam ertikata kepentingan-kepentingan ethnological. Adalah sama penting apabila rancangan-rancangan dianggap dan dilihat dalam ertikata kepentingan-kepentingan ethnic oleh orang-orang Melayu baikpun orang-orang bukan Melayu. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah segera untuk menghapuskan misconception ini. Kerajaan harus patut tidak membenarkan misconception itu diteruskan. Umpamanya ia tidak akan terlepas daripada pengetahuan bahawa Kerajaan menaja mengadakan Konvensyen-konvensyen Ekonomi Bumiputra dan Jawatankuasa-jawatankuasa Kabinet ditubuh untuk melaksanakan ketetapan resolusi-resolusi konvensyen ini tetapi apabila ada satu Konvensyen Ekonomi Cina yang dianjurkan oleh Dewan Perdagangan Persekutuan Cina pada tahun lalu Kerajaan tidak menunjukkan atau memberi perhatian atau minat baikpun terhadap perjalanan konvensi tersebut ataupun terhadap resolusi-resolusi yang dilulus di dalam konvensyen tersebut. Preception ethnic seperti itu mempunyai satu reality dalam masyarakat

berbilang bangsa seperti Malaysia dan hendaklah diuruskan oleh Kerajaan sebagai satu hakikat dan reality orang-orang bukan Melayu menganggap diri mereka sebagai outsiders dalam DEB dan merasa terpisah. Orang-orang Melayu menganggap DEB itu sebagai Blueprint untuk meningkatkan ekonomi mereka dan apabila mereka mendapati yang dasar tersebut hanya menguntungkan satu golongan kecil orang-orang Melayu maka mereka akan merasa pahit DEB dalam bentuknya yang sedia akan mempunyai potensi merbahaya yang akan mempolarisasi lebih rakyat Malaysia baikpun menerusi lunas-lunas kelas dan kaum, golongan-golongan yang miskin.

Kajian Separuh Penggal menyatakan tanda-tanda kemiskinan di kalangan penanaman padi telah berkurangan daripada 77% dalam tahun 1975 kepada 74% dalam tahun 1978. Pihak Kerajaan telah membelanjakan berbilion ringgit di dalam rancangan perairan raksasa dan menyediakan bantuan pertanian dan juga dengan program-program membantu kenaikan harga padi bagi petani-petani yang merupakan sebahagian besar dari orang Melayu miskin di luar bandar. Mengapa belanja yang begitu besar dari wang rakyat telah gagal mengatasi masalah kemiskinan orang Melayu di dalam sektor penanam padi? Jawabnya ialah milik tanah yang tidak ekonomik dan kedudukan tenancy sewa petani-petani. Barulah perubahan yang radical boleh mengatasi masalah kemiskinan, menjamin bahawa berbilion-bilion juta ringgit yang dilaburkan oleh Kerajaan tidak untung absentee landlords sahaja. Walaupun Rancangan Malaysia Ketiga mengakui yang penduduk kampung baru sebagai golongan miskin tetapi sangat sedikit telah dilakukan di bawah tempoh kajian ini untuk mengatasi kemiskinan di kampung-kampung baru.

Kajian Separuh Penggal telah gagal seluruhnya untuk membuat kemajuan dengan masalah kekurangan tanah di kalangan penduduk di kampung-kampung baru di mana penduduk-penduduk telah melebihi had kampung-kampung baru yang disediakan 30 tahun yang lalu. Saya menyeru supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kebangsaan mengenai tanah bagi penduduk-penduduk kampung baru mengandungi Menteri Kampung-kampung Baru, Menteri-menteri Besar serta Ketua Menteri setiap Negeri untuk mengusahakan satu program

yang konkrit bagi mengatasi masalah kelaparan tanah penduduk-penduduk kampung baru. Walaupun tanah adalah urusan Negeri, namun sekiranya Kerajaan Pusat mahu ianya boleh membuat kemajuan sebagaimana yang telah terbukti dengan rancangan-rancangan FELDA.

Penduduk Portuguese Settlement di Melaka adalah merupakan golongan yang termiskin di Malaysia. Mereka hanya mempunyai kerja yang rendah bayarannya dan peluang kemajuan sosio-ekonomi yang terhad oleh kerana bilangan mereka yang kecil, mereka tidak mempunyai atau kurang mempunyai pengaruh politik untuk membela penderitaan suara mereka diterima dan dapat perhatian rasmi oleh Kerajaan. Saya mendesak Kerajaan untuk classifykan penduduk Portuguese Settlement di Melaka sebagai satu golongan miskin dan menyediakan satu rancangan untuk menyediakan kemajuan sosio-ekonomi untuk rakyat Malaysia keturunan Portuguese di Melaka.

Di dalam setiap perjuangan kemiskinan perumahan adalah merupakan satu strategi kerana kepentingan utama perumahan di dalam hidup setiap hari. Mengikut angka Kajian Separuh Penggal terdapat 262,000 households yang miskin dalam tahun 1978 yang akan bertambah kepada 296,000 households yang miskin dalam tahun 1980 untuk sektor non-pertanian yang berpunca daripada bandar. Ini bermakna jika pihak Kerajaan hendak melawan kemiskinan maka adalah perlu disediakan rumah kos murah kepada mereka. Apakah program Kerajaan bagi rumah kos murah dari sekarang sehingga tahun 1980? Mengikut Bab XV mengenai perumahan terdapat 28,065 rumah kos murah di dalam berbagai peringkat pelaksanaan di Semenanjung Malaysia yang akan menjadi kurang dari 10% dari anggaran households yang miskin di bandar. Ini adalah hanya melepaskan batuk di tangga sahaja dan pihak Kerajaan hendaklah menambahkan projek perumahan kos murah ini dengan lebih besar lagi kalau ia betul-betul hendak memenuhi permintaan rakyat. Masanya telah tiba untuk dipusatkan perumahan murah awam kepada satu badan (National Housing Authority) dengan tugas membina rumah murah untuk golongan miskin dan saya mendesak Kerajaan untuk memberi keutamaan kepada perkara ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam

ucapannya sewaktu kemukakan usulnya merujuk kepada Pilihanraya Umum beliau menyatakan yang Kerajaan telah mendapat dan diberikan satu majoriti yang besar dan mandate yang penuh dan ia akan memenuhi janji-janjinya. Biarlah saya ingatkan bahawa majoriti itu bukanlah majoriti yang overwhelming, yang merupakan pemberian satu blank cheque kepada Kerajaan. Sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional hanya mendapat 55% dari seluruh undi. Kerajaan tidak boleh mengeneppikan harapan, permintaan dan aspirasi dari 45% pengundi yang tidak mengundi Barisan Nasional, sekiranya demokrasi berparlimen hendak diteruskan dan Malaysia ingin terus bersatu-padu sebagai satu bangsa. Terdapat kecenderongan dari pihak parti memerintah menganggap 55% pengundi sebagai penyokong keamanan, harmoni dan kemajuan sedangkan 45% undi Pembangkang lagi sebagai musuh keamanan, keharmonian dan kemajuan. Saya harap fikiran yang sangat salah, dan sangat berbahaya ini tidak sampai kemuncak pimpinan negara kerana ia akan melahirkan dasar-dasar yang akan mengaturkan rakyat Malaysia menentang rakyat Malaysia sendiri. Dalam satu-satu sistem demokrasi berparlimen Kerajaan hendaklah menghormati kehormatan mereka yang telah mengundi menentang parti-parti yang memerintah kerana mereka juga adalah rakyat di negara itu. Dalam cara yang sama juga pandangan-pandangan DAP adalah berhak untuk diberi kehormatan kerana pandangan-pandangan ini adalah pandangan-pandangan sebahagian penting rakyat negara ini. Kalau kita berpegang kepada legitimacy dalam Parlimen untuk suaranya pandangan-pandangan rakyat maka mungkin hanya tertinggal 3 buah parti sahaja di dalam Dewan ini yang ada berhak iaitu parti UMNO, DAP dan Parti PAS. Parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional sama ada MCA, Gerakan atau MIC adalah tidak mempunyai legitimacy oleh kerana mereka tidak mewakili sesiapa dan baru-baru ini yang boleh nampak ialah satu percubaan, satu ikhtiar MCA untuk ambil pucuk pimpinan dalam Selangor Chinese Chambers of Commerce telah ditolak.

Akhirnya, dalam satu sistem demokrasi berparlimen pandangan wakil-wakil rakyat yang mewakili rakyat dengan sah hendaklah diberi kehormatan dan pertimbangan penuh. Pandangan-pandangan seumpama ini hanya boleh diketepikan jika kita tidak mahu mepedulikan pembangunan dan perpaduan

negara. Saya berharap bahawa pandangan-pandangan DAP hendaklah diterima dengan semangat ini.

4.16 ptg.

Datuk James Peter Ongkili (Tuaran):
Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia pada hari Isnin yang lalu.

Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga memanglah telah dan sedang memberi nafas baru kepada negara kita, terutama sekali kerana Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini telahpun memberi peruntukan-peruntukan tambahan untuk Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri; dan syukurlah kerana Negeri Sabahpun telah juga diberi peruntukan tambahan lebih kurang \$1.35 billion. Dan dengan ini maka inginlah saya menyampaikan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah bermurah hati mengingati negeri Sabah dan memberi peruntukan tambahan yang mana kami akan gunakan untuk segala lapangan pembangunan sosio-ekonomi dan lain-lain di negeri Sabah di dalam masa lebih kurang 1 tahun 10 bulan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kajian Separuh Penggal ini saya inginlah mempersoalkan dan membincangkan satu dua perkara yang telah menarik perhatian. Satu ialah mengenai kadar Keluaran Dalam Negeri (Gross Domestic Product) dan di dalam bab yang tersebut kita dapati bahawa Pertumbuhan Ekonomi (Economic Growth) adalah agak memuaskan dan khususnya pertumbuhan di dalam bidang pembuatan (manufacturing) telah menjadi pertumbuhan yang tertinggi sekali iaitu 14.3% melebihi anggaran atau taksiran Rancangan Malaysia Ketiga yang asal iaitu 12% sahaja. Walau bagaimanapun, harus juga diingati bahawa pertumbuhan seperti ini bukanlah oleh semua rakyat negara kita. Kalau difikir dengan teliti maka kita dapati bahawa Economic Growth atau Pertumbuhan Ekonomi ini lebih tertumpu di negeri-negeri yang sudah bercorak perusahaan atau perindustrian. Dan manakala kita memikirkan soal Pertumbuhan Ekonomi misalnya, di dalam bidang pembuatan yang saya telah sebutkan tadi manufacturing tentulah perlu diadakan bidang pembuatan, dipesatkan bidang manufacturing, ini di lain-lain negeri yang belum begitu dapat menikmati perkembangan perusahaan pembuatan

saperti ini. Maksud saya sepatutnya pertumbuhan ekonomi misalnya dalam pembuatan yang mempunyai pertumbuhan yang tertinggi sekali sepatutnya bukan sahaja diadakan di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Ipoh, Pulau Pinang dan Seremban tetapi pertumbuhan ekonomi seperti ini sepatutnya dikelola dan dipimpin oleh Kerajaan supaya ianya juga dapat diadakan di negeri-negeri yang belum begitu maju seperti di Perlis, Kedah, Kelantan, Trengganu, Pahang dan juga Sabah dan Sarawak, kerana hanyalah dengan begitu maka baharulah pertumbuhan ekonomi yang kita katakan memuaskan itu benar-benar dinikmati oleh negara keseluruhannya.

Dengan itu maka inginlah saya menyeru agensi-agensi Kerajaan seperti PERNAS, UDA, MARA, MIDA dan SEDC di dalam tiap-tiap negeri supaya memperluaskan lagi usaha mereka khususnya di dalam lapangan perusahaan, lebih-lebih lagi perusahaan pembuatan dan perindustrian umumnya. Ini akan memberikan peluang pekerjaan, mengurangkan keperluan impot barang-barang binaan dan memberi peluang kepada rakyat tempatan terutama sekali bumiputra mempelajari dan mendapat pengalaman dan peranan lebih luas dalam bidang perusahaan umumnya. Dengan ini apabila bidang perusahaan dan pertumbuhan ekonomi ini dapat dinikmati di negeri-negeri yang belum maju itu Dasar Ekonomi Baru dapat dilaksanakan secara tidak langsung.

Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai bilangan keluarga miskin. Sesungguhnya garis kemiskinan atau "poverty line" telah bertambah baik kerana nilai garis ini telah naik daripada \$180 sebulan kepada \$230 sebulan, tetapi asas pengiraan untuk menentukan angka baru itu adalah hanya pada umumnya atau disimpulkan daripada data yang bukan 100% lengkap. Maksud saya ialah bahawa dalam negara kita masih terdapat masyarakat-masyarakat dan golongan-golongan yang miskin. Misalnya masih terdapat beratus ribu penghuni di tempat-tempat terpencil seperti di kawasan-kawasan pedalaman, ulu-ulu sungai, di pinggir-pinggir dan di celah-celah gunung-gunung di mana penghuni-penghuni tidak mahu berpindah tetapi berdegil di situ sahaja. Masih terdapat, Tuan Yang di-Pertua, berpeuluh ribu jumlah kaum nelayan di kebanyakan negeri kita yang masih miskin dan begitu dahaga dan memerlukan bantuan. Dan masih terdapat berpuluh ribu rakyat

miskin dan masih kebelakangan seperti orang-orang Rungus dan Murut di Sabah, orang-orang Punan, Kelibat dan Kayan di Sarawak dan Orang-orang Asli di Semenanjung Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya nilai garis kemiskinan itu telah naik kepada angka \$230 sebulan itu hanya melambangkan keadaan yang umum dan masih ada sebilangan besar rakyat jelata yang belum pernah terfikir ataupun nampak, apatah lagi menikmati, pendapatan \$230 sebulan itu. Dengan itu maka adalah menjadi tanggungjawab berat Kerajaan Pusat dan tiap-tiap negeri supaya golongan-golongan yang masih miskin di luarbandar khususnya dan di negeri kita amnya diberi bantuan infrastruktur sosial dan ekonomi yang lebih berkesan, teratur dan dapat memperseimbangkan taraf hidup mereka dengan masyarakat umum dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada perkara-perkara yang telah diberi peruntukan yang agak besar di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah kesihatan. Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan kesihatan penduduk telah meningkat kepada \$529 juta. Peruntukan yang sebegitu banyak memanglah membanggakan dan sebahagian daripadanya telahpun diberi kepada negeri Sabah. Walau bagaimanapun Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Sabah sebingga kini telah mengalami beberapa masalah yang rumit, dan masalah yang paling mendesak ialah kekurangan doktor-doktor untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan di negeri Sabah. Saya mempunyai angka-angka yang baharu saya dapat dua tiga hari dahulu dari Sabah. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Hospital Besar, Kota Kinabalu sepatutnya mempunyai 14 orang pakar (specialists) tetapi pada masa ini ada 8 orang sahaja; Sandakan sepatutnya mempunyai 5 pakar tetapi pada masa ini langsung tidak ada; di Tawau sepatutnya 4 pakar tetapi pada masa ini hanya terdapat seorang sahaja, dan di Keningau sepatutnya seorang pakar tetapi tidak ada. Dari segi doktor-doktor biasa (Medical Officers) sepatutnya di Kota Kinabalu 17 doktor tetapi pada masa ini hanya 13; di Sandakan sepatutnya 10 doktor tetapi pada masa ini hanya 8; di Tawau sepatutnya 10 doktor tetapi pada masa ini 7 orang sahaja; di Keningau sepatutnya 5 doktor tetapi pada masa ini hanya 2; dan di Kudat sepatutnya 4 doktor tetapi pada masa ini hanya 2 orang.

Sabah mempunyai 23 daerah dan 7 daerah kecil, dan di seluruh negeri Sabah kekurangan pakar-pakar dan doktor-doktor ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah 42 orang daripada yang sepatutnya ada di situ. Dan pada keseluruhannya bolehlah dikatakan bahawa hospital-hospital di Sabah mempunyai hanya lebih kurang 60% daripada bilangan doktor-doktor yang benar-benar dikehendaki untuk mengendalikan dengan sempurna urusan-urusan dan kewajipan-kewajipan kesihatan di negeri tersebut. Oleh yang demikian, adalah diharapkan supaya kelemahan dan kekurangan kakitangan penting yakni kekurangan doktor-doktor ini akan dapat perhatian berat dan penyelesaian yang segera daripada Kementerian Kesihatan.

Ingin juga saya menambahkan kerana soal kesihatan memang menjadi soal yang penting di kalangan rakyat negara kita. Sebagaimana yang kita sedia maklum Sabah adalah sebuah negeri yang banyak gunung-ganang dan tempat-tempat yang terpencil. Pada masa ini boleh dikatakan tidak kurang daripada 200 kampung sangat-sangat terpencil yang hanya dapat dihubungi dengan berjalan kaki kadang-kadang memakan masa dua, tiga hari dan untuk mengatasi soal kekurangan kesihatan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Sabah telah mengadakan doktor udara dengan menggunakan dua helikopter iaitu dua doktor dan dua helikopter. Sungguhpun ada perkhidmatan doktor udara ini tetapi ianya tidak dapat melawat semua 200 kampung yang saya katakan itu kerana tiap-tiap satu helikopter itu hanya boleh melingkupi 66 kampung tiap-tiap bulan. Ini bermakna hanya 130 kampung yang dapat dilawati tiap-tiap bulan. Ada lagi lebih kurang 70 kampung yang sama sekali terbenkakai dan tidak dapat sesuatu atau sebarang bantuan kesihatan atau kesihatan rakyat atau penduduk negeri Sabah. Maka oleh itu saya menyeru kepada Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Pusat amnya supaya menambahkan perkhidmatan doktor udara ini dengan sekurang-kurangnya satu helikopter dan satu doktor lagi sehingga masa-masa yang akan datang manakala kampung-kampung yang terpencil itu telah dapat diberikan infrastruktur seperti jalanraya dan kemudahan-kemudahan yang lain kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada satu aspek pembangunan negara kita yang sangat

penting. Ini ialah keperluan menyatukan rakyat dan warganegara kita supaya lebih kukuh, erat, saling mengerti dan bersatu-padu lagi. Dalam usaha kita menguntukkan belanjawan dan anggaran-anggaran di bawah Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga dan yang akan datang lagi, satu daripada matlamat unggul Kerajaan ialah menyatupadukan rakyat di seluruh negara, iaitu perpaduan ini menjadi amat penting kerana masyarakat Malaysia adalah masyarakat berbilang keturunan atau masyarakat majmuk dan lebih-lebih lagi sebagai sebuah negara Malaysia perlu dan harus mencapai satu rupa kenegaraan (nationhood) dan ketamaddunan (civilization) yang tunggal di masa akan datang.

Masa kita membentuk Malaysia memang penyatuan rakyat ini dan pencapaian nationhood atau kenegaraan ini dan usaha-usaha mendirikan satu ketamaddunan kita sendiri, satu civilization kita sendiri, memang menjadi persoalan-persoalan dan pertimbangan-pertimbangan yang penting. Walau bagaimanapun, sesudah hampir 20 tahun kita merdeka proses penyatuan atau integrasi rakyat ini telah berjalan dengan begitu perlahan dan begitu lambat. Kekurangan dan kelambatan proses integrasi kebangsaan ini lebih ketara terutama sekali di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Memang terdapat sebab-sebab mengapa proses integrasi nasional antara Barat dan Timur negara kita ini begitu lambat muncul dan dapat dipupuk. Faktor-faktor ekonomi yang tidak seimbang dan unsur-unsur budaya yang berpuak atau tidak begitu sama adalah sebab-sebab utama. Namun demikian, pada hemat saya sebab yang penting sekali ialah pemisahan ilmu alam atau pemisahan oleh ilmu alam di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Kota Kinabalu adalah 1,018 batu dari Kuala Lumpur dan Kucing adalah 618 batu dari Kuala Lumpur. Pemisahan Wilayah oleh Laut China Selatan ini telah menyebabkan rakyat Malaysia di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak sangat susah untuk bercampur-gaul, sangat susah untuk menghubungi satu sama lain supaya dapat saling bergantung dan mengiratkan tali persaudaraan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan keperluan menyatupadukan rakyat ini inginalah saya memetik daripada ucapan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri semasa beliau berucap pada Isnin lalu di

mana Yang Amat Berhormat telah memetik dari ucapan asalnya semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga di dalam bulan Julai, 1976. Di antara lain, kata beliau: "Sudah pasti bahawa apa yang kita hajatkan ialah sebuah Masyarakat yang maju yang berorientasikan kemajuan dan kejayaan iaitu sebuah masyarakat yang teguh yang didorong dan bertanggungjawab kepada matlamat-matlamat negara. Sebuah masyarakat yang berdikari dengan penduduknya saling bergantung di antara satu sama lain dan berganding bahu dengan Kerajaan untuk kebaikan bersama".

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada keadaan di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak yang masih lagi kurang kenal satu sama lain. Kadang-kadang rakyat kita di Semenanjung bila berada di Sabah merasakan dia di negeri asing. Demikian pula rakyat kita di Semenanjung bila dia berada di Simanggang merasa diri mereka di negeri asing. Dan sebaliknya rakyat dari Sabah dan dari Sarawak manakala mereka melawat ke sini perasaan keasingan itu selalu terasa di sisi sanubari mereka. Inilah satu faktor yang sangat-sangat penting, dan perlu dikurangkan perasaan asing ini supaya rakyat di negara kita ini tidak menganggap bila bertemu seolah-olah seorang Negro bertemu dengan seorang Eskimo. Ini mestilah kita hapuskan di kalangan rakyat kita lebih-lebih lagi di kalangan rakyat di Semenanjung, Sarawak dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapatkan angka-angka pelawat-pelawat warganegara Malaysia yang telah pergi dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, dan menurut angka-angka yang saya dapati dua tiga hari dahulu ini daripada Jabatan Immigration di Kuching dan Kota Kinabalu adalah jelas bahawa rakyat kita ingin dan mahu melawat dan mengetahui satu sama lain di antara Semenanjung Sabah dan Sarawak. Misalnya, di dalam empat tahun daripada tahun 1975 pelawat-pelawat warganegara Malaysia ke Sarawak: 1975—58,208 orang warganegara Malaysia; 1976 Semenanjung ke Sarawak—64,920 orang. Tahun 1977—74,853 orang, dan tahun lalu (1978) 84,751 orang. Ini semuanya warganegara Malaysia dan yang asing telah diasingkan.

Dari Semenanjung ke Sabah pula dalam masa yang sama, dalam tahun 1975 rakyat Malaysia yang telah pergi ke Sabah 35,863 orang. Tahun 1976—34,919 orang, tahun 1977 - 30,876 orang dan pada tahun lalu 35,822 orang warganegara Malaysia yang telah mengunjungi Sabah. Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa rakyat kita di sini ingin mengunjungi rakyat di sebelah Sabah dan Sarawak, dan saya juga telah mendapati angka warganegara Malaysia yang telah melawat Semenanjung dari Sarawak. Dalam tahun 1975 dari Sarawak ke Semenanjung 51,025 orang. Tahun 1976—63,295; 1977—66,224 orang dan tahun lalu (1978) 84,965 orang.

Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa rakyat kita memang ingin melawat satu sama lain di antara Semenanjung dan sebelah Borneo, Sarawak dan Sabah. Angka-angka ini juga menunjukkan bahawa lebih banyak lagi rakyat Malaysia yang melawat Sarawak daripada yang melawat Sabah. Ini saya tidak begitu faham sebab-sebabnya, mungkin disebabkan keadaan di Sarawak lebih menarik, mungkin rumah-rumah panjang di Sarawak lebih menarik daripada rumah orang Rungus di sebelah Kudat di Sabah dan sebab-sebab perniagaan, punca-punca perniagaan dan perusahaan dan sebagainya. Tetapi saya yakin bahawa faktor atau sebab kewangan, sebab perbelanjaan, menjadi satu faktor atau sebab yang penting mengapa begitu kurang rakyat Malaysia yang pergi ke Sabah dan Sarawak dan dari Sabah dan Sarawak yang pergi ke Semenanjung. Saya telah sentuh soal pemisahan ilmu alam Laut china Selatan tadi, dan sebenarnya inilah yang menjadi penghalang yang terbesar sekali dari segi penghijrahan rakyat warganegara kita di sebelah sini ke sana dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, tambang kapal-terbang MAS Kelas Ekonomi sahaja, tidak payahlah difikirkan Kelas Satu (First Class), dari Kuala Lumpur ke Kuching ialah \$191 satu hala iaitu \$382 pergi dan balik. Dari Kuala Lumpur ke Kuching ialah \$314 atau \$628 pulang balik. Harga tambang-tambang MAS ini sebenarnya adalah tinggi dan terlalu mahal.

Ya, bagi rakyat yang agak lumayan, yang berada, memanglah beratus ringgit itu perkara biasa ataupun perkara kecil sahaja. Tetapi ingin saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada garis kemiskinan negara kita yang mana telah saya sentuh awal tadi. Bahawasanya garis kemiskinan negara kita pada masa ini ialah \$230 sahaja sebulan, dan menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga kita terdapat tidak kurang daripada 36.6% rakyat Malaysia yang masih berada dalam atau di bawah garis kemiskinan ini. Apatah lagi kalau kita fikir keadaan sosial dan ekonomi di Malaysia Timur, di Sarawak dan Sabah, saya yakin bahawa bilangan yang berada di bawah garis kemiskinan itu bukanlah 36.6% sahaja tetapi lebih daripada 40%, mungkin 45%; jikalau tidak 50%, masih di bawah garis kemiskinan (poverty line) ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bererti lebih kurang 40% rakyat jelata kita di negara ini sukar mendapat peluang melawat atau berhijrah antara Semenanjung Sabah dan Sarawak iaitu daripada penduduk keseluruhannya 2 juta di Sabah dan Sarawak dan lebih kurang 9 juta di Semenanjung iaitu lebih 11 juta penduduk, lebih kurang 40% daripadanya sukar, susah, payah hendak mengunjungi Sabah dan Sarawak ataupun dari sana ke Semenanjung. Ini bermakna lebih kurang 4 juta orang, kerana kalau pendapatan bulanan pun kurang daripada \$230 sebulan, bagaimana pula hendak membayar tambang MAS \$382 ke Sarawak dan \$626 ke Sabah dan sebaliknya warganegara kita dari sebelah Sarawak dan Sabah yang ingin mengunjungi Semenanjung.

Penghalang yang terbesar tidak lain dan tidak bukan ialah soal kewangan dan keupayaan. Soal kewangan menjadi soal pokok kepada sebab-sebab mengapa kurang hubungan rakyat di antara timur dan barat negara kita. Misalnya dalam empat tahun (1975—1978) terdapat 182,732 warganegara Malaysia yang telah melawat Sarawak berbanding dengan hanya 137,480 warganegara Malaysia yang telah melawat Sabah di masa empat tahun yang sama (1975—1978). Kekurangan bilangan lawatan ke Sabah itu adalah di antara lain disebabkan oleh tambang

MAS yang lebih tinggi ke Sabah berbanding dengan yang murah sedikit ke Sarawak. Ini jelas membuktikan bahawa keupayaan kewangan menjadi satu faktor yang penting yang menghalang warganegara kita mengunjungi satu sama lain di antara dua wilayah ini iaitu di sini dan di Malaysia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, demi mempercepatkan proses penyatuan rakyat, untuk memastikan supaya integrasi kebangsaan bertambah dan akhirnya tercapai sepenuhnya di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, maka inginlah saya mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mengambil langkah-langkah yang berikut:

- (1) Tambang MAS (Malaysian Airline System) antara Semenanjung Sabah dan Sarawak dikurangkan untuk warganegara Malaysia sahaja yang menaiki pesawat-pesawat MAS. Untuk warganegara Malaysia sahaja tetapi tidak kepada penumpang-penumpang asing.
- (2) Tambang Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dikurangkan untuk warganegara Malaysia sahaja dari sini ke sana atau dari sana ke mari. Untuk warganegara Malaysia sahaja tetapi tidak kepada penumpang-penumpang kapal laut mereka yang asing (orang asing).
- (3) Pengurangan tambang MAS dan MISC itu kalau boleh sekurang-kurangnya dikurangkan 50%. Pengurangan tambang MAS dan MISC ini sepatutnya dianggap oleh Kerajaan sebagai satu subsidi, satu bantuan khas oleh Kerajaan terhadap warganegara yang ingin menyatupadukan bangsa kita di antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah.

Subsidi dalam bentuk pengurangan tambang-tambang MAS dan tambang-tambang MISC ini akan membawa makna dan kesan baik yang besar. Subsidi dari Kerajaan ini akan mempercepatkan integrasi kebangsaan dan mewujudkan satu bangsa dan rakyat Malaysia yang tulin dan bersatu padu di keseluruhan negara kita ini.

Pada masa ini MAS sungguhpun menghadapi pertikaian dengan AEU, tindakan-tindakan perusahaan dan sebagainya, pada

keseluruhannya kedudukan ekonomi MAS masih seperti dahulu kala, baik dan masa depannya cerah. Menurut Laporan MAS tahun 1977/1978 ini, MAS telah memperoleh keuntungan selepas cukai (profit after taxation) \$17,133, 358.00. Dan saya telah diberitahu secara tidak rasmi, kalau pekerja-pekerja di Sydney tidak menghalang DC-10 kita itu dan kalau tindakan perusahaan dan masalah-masalah krisis yang berlaku sekarang ini tidak berlaku, saya telah diberitahu bahawa MAS telah mengharap akan mendapat \$50 juta keuntungan dalam tahun kewangannya sekarang iaitu sehingga 31hb Mac, 1979. Jadi begitulah baiknya kedudukan MAS. Jadi tolonglah sedikit rakyat Semenanjung, rakyat Sabah dan rakyat Sarawak, janganlah berdegil sahaja untuk mengenakan tambang yang tinggi di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak, janganlah ingin mengekalkan sahaja perjalanan (route kapal-terbang yang dimonopoli itu, sebab di antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak hanya satu sahaja syarikat penerbangan yang lain yang dibenarkan masuk ke situ dan itu hanya ke Kota Kinabalu sahaja iaitu CPA (Cathay Pacific Airways). Selain daripada itu MAS sendiri kontrol dan saya sayangkan MAS. Sebab kalau bukan kerana MAS saya tidak dapat hadir di Dewan Rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tolonglah rakyat di Semenanjung, Sabah dan Sarawak supaya mereka dapat disatu padukan, kerana integrasi kebangsaan ini menjadi satu faktor yang penting yang tidak boleh dipermainkan, tidak boleh diperkecilkan, dan tidak boleh dielakkan, mesti kita laksanakan supaya kita dapat mencapai satu kenegaraan (nationhood) dan satu ketamaddunan (civilisation yang berbentuk tunggal, iaitu ketamaddunan dan kenegaraan Malaysia, pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah wujud selama hampir 10 tahun dan masa ini mempunyai perkhidmatan hampir-hampir sekeliling dunia. MISC, antara lain, mempunyai kapal-kapal container dan kapal-kapal tangki minyak selain daripada kapal-kapal kargo dan penumpang yang biasa. Walau bagaimanapun MISC hanya mengadakan 6 buah kapal sahaja, dan ini kecil-kecil,

untuk berkhidmat di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kapal-kapal ini ialah:

- (1) Kapal Bunga Emas;
- (2) Kapal Bunga Butang;
- (3) Kapal Bunga Pindang;
- (4) Kapal Bunga Setawar;
- (5) Kapal Bunga Gelang; dan
- (6) Kapal Bunga Saga.

Manakala yang ke-7, Bunga Kemuning, telah masuk dock dan tidak berjalan lagi.

Perlu diingat yang enam buah kapal ini yang belayar dari sini ke Sabah dan Sarawak dan balik bukanlah jalan sekali berturut-turut, tetapi tiga pergi dan tiga balik. Oleh itu perkhidmatan ini memang tidak mencukupi. Kapal-kapal yang enam buah ini memang tidak mencukupi untuk keperluan warga-negara Malaysia di timur dan di barat negara kita. Dan bilangan yang begini kecil haruslah ditambah dengan seberapa segeranya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangga melihat bahawa peruntukan bagi pengangkutan di bawah Kajian Separuh Rancangan Malaysia Ketiga telahpun bertambah menjadi \$2.2 ribu juta. Adalah diharapkan supaya sebahagian daripada peruntukan ini terutama yang mungkin tidak dapat dilaksanakan atau digunakan menjelang penghujung tahun ini atau awal tahun hadapan digunakan untuk memperbaiki sistem perhubungan kapal-terbang dan perhubungan kapal laut di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya cadangan saya untuk mengurangkan tambang MAS dan tambang MISC di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak itu dapat dilaksanakan dengan segera supaya negara kita benar-benar bersatu-padu, supaya integrasi kebangsaan (national integration) benar-benar wujud di antara timur dan barat negara kita dan dalam kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri- "Supaya Malaysia mempunyai sebuah masyarakat yang teguh yang didorong dan bertanggungjawab kepada matlamat-matlamat negara, sebuah masyarakat yang berdikari dengan penduduknya saling bergantung di antara satu sama lain dan berganding bahu dengan Kerajaan untuk kebaikan bersama."

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani.

4.56 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada pendapat saya setelah bersama-sama menyedari, merasai nikmat-nikmat dari projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini saya sungguh yakin akan memberi faedah yang besar kepada rakyat keseluruhannya di bandar dan di luar bandar.

Saya ucapkan taniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri kerana dapat menyediakan satu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini rakyat dapat mengikuti sejauh manakah rancangan ini berjalan, di mana tergendala, sebab-sebab tergendala, di mana patut ditambah baik pun di segi projek atau di segi pembangunan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh beberapa perkara yang saya fikir perlu dan munasabah. Di dalam masa Kerajaan menyelenggarakan Rancangan Malaysia Ketiga ini kita telah ditimpa oleh beberapa bencana alam, satu ialah kemarau panjang yang mengakibatkan kering sawah-sawah, kering sungai-sungai dan perigi-perigi sehingga paip-paip air sementara dibuka di merata-rata tempat dan pihak JKR masih menghantar air ke kawasan-kawasan yang mengalami kekeringan terutama di kawasan saya sendiri.

Keduanya penyakit mulut dan kuku kepada binatang-binatang ternakan, kerbau lembu dan selain daripada itu kedatangan pendatang haram berpuluh-puluh ribu ke tanahair kita dan ini pula pertikaian MAS/AEU dan juga ugutan ITF.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perkara ini berlaku, berkat tabah dan syukur kita kepada Allah, dan berkat kerjasama rakyat dengan Kerajaan, perkara ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga adalah berjaya. Sungguhpun terdapat

banyak lagi infrastruktur iaitu jalan-jalan, bekalan air paip dan bekalan letrik belum sampai 100% ke kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bab 2—Pembasmian Kemiskinan dan Bab 3—Menyusun Semula Masyarakat, Kerajaan menjalankan usaha-usaha bagi menghapuskan jurang perbezaan di antara yang berada dan yang tidak berada supaya mendapatkan satu masyarakat yang adil dan makmur. Tetapi bagi pihak Pembangkang masih menuduh yang Kerajaan berat sebelah dengan kata-kata yang tidak sedap didengar, walaupun mereka tahu kedudukan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya bagi keperluan seseorang, tempat tinggal iaitu sebuah rumah adalah perkara mustahak. Sungguhpun Kerajaan menyediakan rumah-rumah harga murah, tetapi sebilangan rakyat yang berpendapatan rendah masih tidak mampu membeli kerana harga rumah masa ini sangat tinggi. Saya harap Kerajaan akan bertindak dan mengadakan penyiasatan di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong pembentukan Dasar Pertanian Negara untuk memberi peluang meninggikan taraf hidup petani, saya rasa sudah semestinya diperbanyakkan parit-parit, taliair, titi-titi supaya sawah-sawah yang belum sampai air akan dapat air dengan secukupnya seperti di Serukam, di Pinang Tunggul, di Kilang Makau, Sungai Pasir, Pekula dan Pinang Tunggul.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pertanian melawat kawasan nelayan di Kuala Muda. Beliau telah bersetuju memperbaiki ban, membuat jeti di sungai Berakar dan mengadakan tempat-tempat bot-bot nelayan berlabuh. Saya ucapkan terima kasih di atas perkara ini dan berharap peruntukan ini akan diberi dengan kadar yang segera. Saya suka mencadangkan supaya subsidi baja, racun serangga, alat-alat pertanian dan alat-alat tangkapan ikan diteruskan. Dengan ini dapatlah mereka berusaha dengan lebih lagi untuk mendapatkan hasil dan pendapatan yang lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyentuh sedikit di bidang pelajaran. Kerajaan telah memberi peruntukan yang besar kepada

pembinaan sekolah-sekolah, asrama, buku teks dan alat-alat kemudahan bagi sekolah-sekolah. Yang mendukung saya ialah kepada dua buah Sekolah Jenis Kebangsaan, satunya di Ladang Lubok Segentar dan satu lagi di Sungai Division.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah bertanya kepada Kementerian yang berkenaan bilakah agaknya kedua-dua buah sekolah ini akan didirikan. Saya suka juga menarik perhatian Kementerian ini kepada bangku-bangku murid di beberapa buah sekolah rendah, misalnya di Sekolah Ladang KNS dan juga Bukit Selambau yang mana bangku-bangku dan meja murid ini telah rosak dan buruk. Saya harap perkara ini akan diambil tindakan.

Saya juga menyokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang iaitu gaji pekerja kilang amatlah rendah. Saya katakan begitu sebab Sungai Petani kawasan saya dari Bakar Arang ke Tikam Batu adalah kawasan industri. Ramai gadis-gadis bekerja di kilang-kilang ini, gadis-gadis ini kebanyakan datang dari kawasan luar Sungai Petani, ada setengah-setengah mereka menyewa bilik di rumah-rumah orang. Pihak kilang tidak pun menyediakan tempat tinggal bagi mereka ini, sudahlah gaji mereka dibayar dengan begitu murah, tempat tinggal pun tak ada. Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan bertindak dan akan menyemak semula di atas gaji pekerja-pekerja kilang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kementerian Perdagangan dan perindustrian supaya Pegawai-pegawai Penguatkuasa membuat tinjauan kepada stesyen-stesyen minyak, kerana minyak diesel selalu dikatakan habis dan tidak ada. Apabila hendak dibeli kadang-kadang serentak habis, ini kadang-kadang boleh mendatangkan syak kepada pembeli-pembeli, boleh jadi ia tidak mahu jual kepada orang-orang perseorangan, tetapi ia suka menjual minyak ini kepada lori-lori besar. Jadi saya harap Kementerian ini akan bertindak supaya Pegawai Penguatkuasa akan menjelajah ke stesyen-stesyen minyak ini.

Satu lagi perkara yang saya suka sebutkan disini ialah kedudukan harga-harga televisyen dan juga buah-buahan. Sungguhpun cukai impot televisyen dan buah-buahan sudah diturunkan di dalam Parlimen yang bersidang

tempoh hari tetapi sampai sekarang pekedai-pekedai masih menjual dengan harga-harga yang begitu tinggi baikpun peti-peti TV dan juga buah-buahan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat telah memberi tambahan peruntukan kepada negeri-negeri maju dan yang kurang maju seperti Kedah, Perlis dan Kelantan. Misalnya negeri Kedah peruntukan asal ialah \$854 juta, sekarang ialah \$1,261 juta iaitu 47.7% berlebihan. Tetapi apalah bererti jika pegawai-pegawai dan kakitangan tidak dibekalkan dengan secukupnya. Misalnya jurutera-jurutera, teknisyen-teknisyen dan juga kakitangan yang lain. Ini sudah tentu projek-projek pembangunan tidak dapat disiapkan menurut jadual dan kadangkala tidak memuaskan. Saya harap para pegawai dan kakitangan ini hendaklah dipercepatkan pengambilannya dan dihantar ke negeri-negeri yang kurang maju.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguhpun di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan diberi kepada Kementerian-kementerian dan juga diberi geran kepada Majlis-majlis Daerah Kerajaan Tempatan, tetapi parit-parit, jalan-jalan dan lampu-lampu jalan masih juga tidak ditambah dan tidak diperbaiki. Pada pendapat saya adakah peruntukan ini tidak cukup atau tidak digunakan dengan secara teratur. Jika sebabnya peruntukan ini tidak cukup, saya harap Kementerian yang berkenaan akan menambahkan kerana penduduk-penduduk di dalam kawasan bandar membayar hasil-hasil pintu dan hasil-hasil lain. Kalaulah service Majlis Daerah Kerajaan Tempatan ini tidak memuaskan mungkin penduduk-penduduk tidak mahu membayar hasil, ini mendatangkan banyak masalah-masalah. Jadi saya haraplah perkara ini dapat diatasi supaya kedua-dua bagi pihak penduduk dan juga bagi pihak Majlis sendiri akan merasa puas hati.

Saya lagi sekali menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Matang.

5.08 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya

bangun bagi menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam hal ini, saya ingin menyebut beberapa perkara.

Baru-baru ini di dalam Dewan ini apabila sahaja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kemasukan usul berkenaan dengan pengangkatan MAS—AEU dan Dewan telah mengambil persetujuan mengutuk ITF, daripada tarikh itu kita dapati berita baik mengatakan MAS dan AEU di dalam rundingan dan diharap rundingan mereka ini akan mencapai hasilnya sepertimana di dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi cadangan yang berkenaan.

Saya mengalu-alukan di atas usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan mencantumkan semula MAS dengan AEU bagi menyelesaikan masalah. Kita dapati ITF tidak mengambil sebarang langkah apabila keputusan ini diambil dan kita harap ITF juga menyedari hakikat ini. Apabila perbincangan ini dikemukakan, pihak DAP telah mengeluarkan pindaan, apabila pindaan mereka tidak berhasil maka Ketua Pembangkang mereka telah mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP bersama-sama keluar daripada Dewan. Ini biasa berlaku mengenai beberapa perkara dalam tempoh beberapa lama dahulu lagi, sebelum daripada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ada di sini. Saya lihat dari hujung sini, apabila Ahli-ahli DAP hendak keluar, saya nampak Ahli Yang Berhormat dari Menglembu tidak berapa suka keluar pada hari itu, dia lambat keluar dan seolah-olah tidak suka keluar, sehingga Ahli-ahli Barisan Nasional menyuruh keluar, baru dia keluar.

Ini menunjukkan di dalam DAP ada perpecahan, bukan sahaja di luar Dewan, dalam Dewan pun nampak seolah-olah ada perpecahan. Misalnya, Ahli Yang Berhormat dari Menglembu sendiri tidak berapa suka dan kita nampak Ahli-ahli Barisan Nasional pula suruh keluar, baru dia keluar. Jadi saya menyedari di atas hakikat Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ini bagaimana sayangnya, bagaimana ia menyedari Parlimen ataupun Dewan ini tempat yang sebaik-baiknya berbincang menyelesaikan masalah dan sebagainya dan sudah diperakui, oleh sebab itu saya nampak sudah jadi keadaan begitu. Saya menyeru pada masa hadapan jika

kejadian begini berlaku lagi Ahli Yang Berhormat dari Menglembu jangan keluar, kita sama-sama bincang pada masa hadapan.

Tuan P. Patto (Menglembu): Mimpi siang!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, minta Ahli Yang Berhormat dari Menglembu berdiri dan menerangkan, saya tak berapa faham.

Tuan P. Patto: Mimpi siang.

Tuan Hashim bin Ghazali: Barangkali Ahli Yang Berhormat dari Menglembu mimpi siang, bukan saya.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita balik semula di dalam usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan Kajian Separuh Penggal bagi pelaksanaan yang telah dilaksanakan dan kita dapati beberapa orang Ahli Dewan ini telah memperakui di dalam ucapan mereka bagaimana keadaan Parlimen ataupun Dewan Rakyat ini dapat menjadikan tempat yang sebaik-baiknya. Contohnya, sepertimana yang disebutkan di dalam usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mengatakan: "... bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara;...". Jadi ertinya Dewan ini tempat yang sebaik-baiknya digunakan untuk menjadikan tempat perpaduan dan seperti contoh, di dalam Dewan ini ada bagi pihak Kerajaan dan juga bagi pihak Pembangkang.

Dalam kumpulan yang besar ini pula ada berbagai-bagai kaum, pemimpin-pemimpin berbagai-bagai kaum pula mewakili dan tempat inilah menjadi satu contoh bagaimana perpaduan yang dikehendaki. Tetapi ada sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil peluang dalam Dewan tempat perpaduan ini menyebabkan pula boleh membangkitkan semangat, boleh membangkitkan perasaan tidak puas hati dan boleh menyebabkan perasaan ini akan terbawa-bawa dan yang paling menyedihkan pula jika perasaan ini terlibat bukan daripada Ahli Dewan ini sepertimana di dalam ucapan-ucapan yang dikatakan pelaksanaan Dasar

Ekonomi Baru masih kita menyebut siapa kaum yang mendapat faedah banyak, siapa kaum yang rugi dan sebagainya. Dan di dalam penerangan-penerangan yang kita dapati pula, penerangan-penerangan dan angka-angka yang terakhir sekali seolah-olah tidak menyedari bahawa angka-angka yang sebelum itulah yang menyebabkan angka-angka itu terjadi pada masa ini seolah-olah Kerajaan tidak adil sepanjang masa sebelum hari ini. Ini menyebabkan sudah jadi sepertimana tujuan matlamat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sebahagian daripadanya kita bimbangkan tidak tercapai.

Sepertimana kita dengar bagaimana perasaan tidak puas hati penuntut-penuntut di dalam pengajian tinggi, baik di dalam negeri dan di luar negeri. Di dalam hal ini sudahpun disebut dalam Dewan ini, saya dengar pada masa soal-jawab, penuntut ataupun institusi pengajian tinggi bagi tahun 1978, bumiputra 44.8%, bukan bumiputra 51.2%, baik di dalam negara dan di luar negara. Jadi bila disebutkan di sini maka satu pihak yang lain akan berkata tidak puas hati, kerana pihak ini

Tahun Pengajian

1959/60
1960/61
1961/62
1962/63
1963/64
1964/65
1965/66
1966/67
1967/68
1968/69

Ini satu daripada sebabnya tercetusnya 13hb Mei.

Jumlah penuntut Melayu pada masa itu bagi sepanjang sepuluh tahun ialah 6,583.

Bukan Melayu 17,268.

Jumlah 23,851.

Kalau dikira peratus, Melayu pada masa itu, jumlah sepuluh tahun 27.6%, bukan Melayu 72.4%.

Pada masa ini kita tidak begitu dengar hebat bagaimana perjuangan supaya masalah ini dapat diselesaikan seperti mana kita dengar sekarang satu pihak lain tidak puas hati berbeza dengan pada masa itu, pada hal apa yang dibuat pada masa ini, Tuan Yang

mengatakan ia mendapat 44.8%, mengapa yang bukan bumiputra 51.2%. Sebenarnya Kerajaan sudahpun memberi jawapan di dalam Dewan ini bagaimana satu rancangan disusun, 3 universiti daripada 5 universiti disusun supaya dapat menunjukkan pada masa hadapan keadaan seimbang yang lebih baik.

Oleh kerana perkara penuntut ini disebut-sebut, saya suka mengambil peluang mengajak Dewan ini menyemak balik keadaan sebelumnya. Kerana saya mengajak Dewan ini menyemak balik di atas ucapan-ucapan yang kita dengar, kemungkinan ada sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak dapat mengetahui kejadian ataupun angka-angka penuntut-penuntut, baik bumiputra atau bukan bumiputra sehingga 13 Mei, 1969.

Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk menyebutkan di sini mengenai kemasukan penuntut-penuntut di Universiti Malaya pada masa itu mulai daripada tahun pengajian 1959/1960 sehingga 13 Mei, 1969.

<i>Melayu</i>	<i>Bukan Melayu</i>	<i>Jumlah</i>
62	260	322
144	509	653
217	793	1,010
274	1,067	1,341
358	1,378	1,736
543	1,682	2,225
721	2,114	2,835
1,038	2,565	3,603
1,401	2,159	3,560
1,825	3,741	5,566

di-Pertua, untuk menyelesaikan masalah yang telah jadi, masalah satu masa dahulu bagaimana jauh perbezaan di antara orang Melayu dengan bukan Melayu di dalam menuntut pelajaran dan menyebabkan ketinggalan ter-lalu lama.

Saya percaya semua orang sudah menyedari hal ini. Kalau semua orang menyedari hal ini tidak patutlah perkara-perkara ini dibangkitkan lagi, tetapi oleh kerana saya dengar di dalam Dewan ini pada akhir-akhir ini lain pula, maka angka ini ditimbul balik semula supaya semua pihak dapat bersama-sama melihat mengkaji bagaimana keadaan yang sebenarnya. Sehingga sekarang saya ingin menyambung lagi berkenaan dengan hal ini.

Penuntut seberang laut ada seramai lebih kurang 36,000.

Melayu 21.4%.

Bukan Melayu 78.6%.

Ini menunjukkan bagaimana Kerajaan kita membenarkan orang-orang bukan Melayu dapat keluar daripada negeri ini pergi menuntut pelajaran di luar-luar negeri yang diperakui oleh Kerajaan dan kadang-kadang yang tidak diperakui oleh Kerajaan dan Kerajaan bukan menghalang. Kalau ada pihak-pihak yang mengatakan hanya mereka yang kaya sahaja dapat pergi ke sana memang munasabah, Tuan Yang di-Pertua, hanya mereka yang punya kemampuan sahaja yang dapat pergi ke sana. Dalam keadaan itupun sudah meningkat kepada 78.6%. Ini sudah menjadi satu masalah perbezaan yang besar lagi.

Maksud saya di sini supaya Kerajaan mengkaji semula hal ini supaya penuntut-penuntut yang ada di luar negeri ini hendaklah diseimbangkan seperti mana yang dikehendaki oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum daripada saya supaya diadakan perimbangan. Jadi, maksud saya penuntut-penuntut yang ada di luar negeri seperti ini sepatutnya ada seimbangan supaya tidak menimbulkan perasaan tidak puas hati, kerana kita sebagai pemimpin orang ramai hendaklah sentiasa menjaga keharmonian, persefahaman, peraturan-peraturan Dewan dan sebagainya dan sudah tidak sepatutnyalah menyebabkan kadang-kadang ditegur pada hal kita dapat mengetahui dan kadang-kadang dengan sebab kita menyebut ini perasaan pihak yang lain akan terasa, walhal baik ia dari Pembangkang ataupun Kerajaan, ini masalah parti, masalah persahabatan tidak timbul. Oleh sebab itu, saya berharap sangat-sangat jika sesiapa juga yang mengambil peluang di atas ucapan-ucapan seperti ini menyedarinya. Ini menyebabkan sudah ada perasaan lain daripada pendengarnya dan saya tidak bermaksud hendak membuat satu ucapan yang lebih besar lagi daripada ini. Saya rasa setakat ini pun sudah dapat memahami apakah sebenarnya timbul daripada ucapan-ucapan yang menimbulkan masalah perkauman di dalam Dewan ini lagi. Pada hal kita sedia maklum di dalam masalah

pendapatan keluarga kita, pekerja-pekerja bumiputra hitung panjang mendapat sebulan satu keluarga \$359 mengikut statistik dalam buku ini, bukan bumiputra \$892. Ini kalau kita hendak sebut mengapa terjadi begini dan sudah sepatutnya Kerajaan pula mengkaji mengapa bukan bumiputra sudah mendapat pendapatan yang lebih dan bumiputra mendapat pendapatan yang kurang. Ada seorang Ahli Yang Berhormat mengatakan hal ini patut dikaji semula dan dapat diawasi supaya perbezaan di atas pendapatan pun hendaklah dikaji seperti mana yang saya maksudkan tadi. Ini kerana kita bermaksud pada masa-masa hadapan tidak timbul masalah ini.

Pada masa-masa hadapan kita bermaksud bagaimana kita bermaksud membuat ucapan, pendapatan rakyat negara ataupun keadaan penuntut yang menuntut baik di luar negeri atau dalam negeri, kita tidak mahu timbulkan masalah-masalah sensitif sungguhpun di dalam Dewan ini satu tempat kebebasan tetapi kita sebaik-baiknya jagalah di atas kebebasan yang diberi kepada kita.

Saya tidak bermaksud menasihatkan sahabat-sahabat saya yang lain. Saya bermaksud supaya ucapan-ucapan yang menyebabkan terjadi salah faham di dalam Dewan ini akan menyebabkan pula dibawa ke luar Dewan dan perasaan yang seperti itu kita minta dielakkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelaksanaan pelajaran. Kita pun sudah maklum pada tahun 1978 Bahasa Malaysia sudah diiktirafkan menjadi bahasa pengantar kepada Sijil Rendah Pelajaran dan pada tahun 1980. Peperiksaan SPM pula akan diadakan dalam Bahasa Malaysia. Begitu juga di bawah Akta Pelajaran, Sarawak pun mulalah pada masa itu murid-murid belajar di atas kehendak Dasar Pelajaran kita dan pada masa hadapan daripada peringkat-peringkat yang saya sebutkan tadi Bahasa Malaysia akan mendapat taraf peringkat universiti dan Bahasa Malaysia ini sudah pun diperakui ialah Bahasa Rasmi kita. Sehingga Dewan inipun pada masa ini dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua sahaja boleh menggunakan bahasa Inggeris. Kita harap keadaan seperti ini dikekalkan. Tetapi malangnya baru-baru ini ada berita mengatakan

mereka yang keluar daripada institusi pengajian tinggi yang memohon jawatan Kerajaan yang dipilih oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah diberitahu melalui akhbar mengatakan sebahagian daripada mereka ini tidak dapat dipilih untuk memegang sebarang jawatan oleh kerana mereka tidak dapat menguasai bahasa Inggeris. Jadi di dalam hal ini sudah menjadi satu masalah. Pada masa mereka menuntut daripada peringkat ke peringkat sehingga pengajian tinggi, mereka yakin dengan kebolehan dan kelulusan mereka pada masa itu mereka akan dapat memegang sesuatu jawatan seperti mana sahabat-sahabat mereka yang lain dan pada masa itu tidak diberitahu agak sepatutnya mereka mesti mengetahui bahasa Inggeris seperti mana yang dikehendaki oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, mereka hanya mendapat tahu sesudah ataupun pada masa mereka ditemuduga. Jadi oleh sebab itu ada baiknya syarat-syarat seperti ini hendaklah diberitahu oleh Jabatan Perkhidmatan Awam terlebih dahulu supaya penuntut-penuntut itu dapat belajar seperti mana yang dikehendaki dan apabila mereka ditemuduga tidak menjadi satu masalah lagi. Dan bagi saya, saya merayu kepada Jabatan Perkhidmatan Awam mengkaji semula penuntut-penuntut yang dianggap tidak layak itu, mengkaji semula mana mereka yang telah memohon kerana bukan kesalahan mereka, mereka tidak mengetahui keadaan yang sebenarnya terjadi yang dimestikan supaya mereka memegang sebarang jawatan yang diperlukan yang dipilih oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Jadi, saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong sekali lagi usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

5.45 ptg.

Tuan Jamaluddin bin Suhaimi (Sabak Bernam): Tuan Yang di-Pertua, saya banguan adalah untuk menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tidak syak lagi bahawa Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang pesat dan membanggakan; tiap-tiap orang Malaysia telah dapat merasakan perubahan ini mengikut kadar, nasib dan keupayaan masing-masing. Ini boleh disaksikan dari isi dan jadual-jadual yang terkandung

dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, bahkan boleh disaksikan dalam berbagai bidang pembangunan yang sedang dilaksanakan dan dari kehidupan rakyat sehari-hari.

Dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, muka 1 perenggan 2, menyatakan pendapatan negara kasar per kapita telah meningkat dari \$1,304 dalam tahun 1975 kepada \$1,644 dalam tahun 1978. Itu sahaja sudah membuktikan bahawa ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat. Adalah diharapkan bila tamat Rancangan Malaysia Ketiga pendapatan negara kasar per kapita ini akan meningkat lagi. Dalam pada itu, saya dukacita mengenai kemiskinan kaum Melayu jika dibandingkan dengan kaum yang lain. Dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga muka 31 dalam Jadual 2.2. ada menerangkan bahawa pendapatan bulanan purata isi rumah bagi kaum Melayu hanya \$100.20 dengan kadar pertumbuhan 9.9% sahaja iaitu satu kadar pendapatan dan pertumbuhan yang paling terendah jika dibandingkan dengan kaum-kaum yang lain. Saya percaya bahawa keadaan ini memang telah disadari oleh semua pihak dan seperti yang semua orang sedia maklum adalah menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan bagi menghapuskan jurang ini. Cuma diharapkan Kerajaan hendaklah bertindak dengan tidak ragu-ragu sekalipun kadangkala ada komplek-komplek. Saya berharap kepada kaum yang bukan Melayu supaya dapat memberikan kerjasama dan pertolongan dengan jujur kepada Kerajaan bagi mengecilkan jurang yang lebar ini supaya rakyat Malaysia dari semua kaum dapat dicapai perpaduan, keharmonian, kebahagiaan dan sukacita dalam hidup jika kemakmuran negara tidak dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat. Kerana biasanya orang kaya angkuh, orang miskin rendah diri, malah frust. Bagaimanakah boleh dapat keharmonian dan perpaduan negara? Mudah-mudahan keadaan ini akan dapat diperbetulkan oleh Kerajaan dalam tempoh yang tidak begitu lama walaupun sebenarnya banyak rintangan dan cabaran yang akan dilalui.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan mengenai kedai-kedai di luar bandar, sebenarnya di kampung-kampung adalah juga tempat yang sesuai untuk berniaga. Sebuah kampung yang penduduknya, umpamanya,

1,000 orang memang sesuai dan lumayan jika ada satu atau dua buah kedai. Sebenarnya ada banyak kampung-kampung yang mempunyai kedai-kedai seperti yang tersebut baik secara untuk orang perseorangan ataupun secara berkoperasi.

Dalam negeri Selangor umpamanya ada projek menyewa gerai atau bangunan kedai luar bandar tetapi biasanya didirikan pada tanah milik Kerajaan. Apa yang saya harapkan ialah supaya dapat Kerajaan Pusat meluaskan projek ini ke seluruh negara di mana-mana kampung yang ada sedia orang hendak berniaga. Boleh juga dibuat gerai atau kedai dengan jalan sewa ataupun dengan cara menjual terus dan dibayar beransur-ansur dan jangan dikira di tanah siapa kedai atau gerai tersebut akan didirikan asalkan si pemohon kedai sanggup membayar harga ataupun menyewanya. Pada masa ini banyak kampung-kampung yang ada kedai kecil tersebut tetapi kebanyakannya gerainya tidak sempurna dan tidak sesuai. Ada pula setengah-setengah belia kita yang hendak berniaga di kampung masing-masing tetapi tidak upaya mendirikan kedai. Bila projek ini telah dijalankan maka khidmat-nasihat bahkan pengawalan, lawatan dan pertolongan oleh pihak-pihak yang diamanahkan patutlah dilakukan seperti yang dilakukan sekarang akan tetapi dengan cara lebih bersungguh-sungguh walaupun barangkali mereka berniaga dengan wangnya sendiri. Saya percaya dengan adanya bantuan Kerajaan seperti yang saya sebutkan bolehlah menolong bumiputra berniaga di peringkat bawah dan akan memberi kesan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bercakap mengenai hal ehwal Orang Asli. Sebagaimana yang dinyatakan dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, muka surat 254 perenggan 643 Kerajaan adalah memberi tambahan peruntukan kepada Jabatan Orang Asli ini agak besar iaitu \$24.9 juta bagi tahun 1979-1980 untuk berbagai projek bagi memperbaiki keadaan hidup orang Asli seperti perkampungan, perumahan, penyelidikan dan lain-lain. Adalah diharapkan satu langkah dan tindakan besar-besaran bagi mengubah keadaan hidup mereka dengan lebih segera hendaklah dijalankan, kenalah dihimpunkan semua kaum tersebut dengan tidak ada yang ketinggalan walau seorangpun ke beberapa perkampungan

yang moden seimbang dengan perkampungan kaum-kaum yang lain. Usaha yang besar ini mungkinlah banyak menghadapi berbagai-bagai rintangan termasuklah oleh kerana keadaan tradisi hidup mereka, dan pada awalnya tidak ada mendatangkan apa-apa faedah pun tetapi ini adalah satu usaha yang besar dan bersejarah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada diberi mereka itu kemudahan-kemudahan dan perubahan-perubahan hidup maka patutlah pula mereka itu diseru memeluk agama Islam. Inilah masanya tugas pendakwah-pendakwah kita, bukan sahaja berdakwah kepada orang Islam sendiri, tetapi yang utamanya ialah menyeru orang yang tidak beragama. Seorang manusia yang beragama akan lebih baik daripada orang yang tidak ada beragama walau apa agama sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit mengenai pelaksanaan rancangan projek-projek Kerajaan. Adalah dimaklumi bahawa walau bagaimanapun baik satu-satu dasar atau perancangan jika pelaksanaannya lemah maka dasar yang baik itu tidak akan dapat mencapai tujuan dengan sempurna. Banyak projek-projek lambat dilaksanakan atau siap dilaksanakan tetapi tidak memuaskan. Ada banyak sebab projek-projek itu lambat atau siap tidak memuaskan. Antaranya seperti selalu yang diterangkan ialah oleh kerana banyaknya projek-projek pembangunan atau oleh kerana kekurangan pegawai yang berpengalaman ataupun juga oleh kerana kekurangan bahan-bahan atau alat-alat atau kerana masalah tanah ataupun juga kerana pemorong-pemorong lemah dan lain-lain akan tetapi selain dari itu ialah kerana kurangnya pengawasan. Oleh itu, saya mengesyorkan supaya tiap-tiap jabatan atau Kementerian hendaklah mengadakan inspektoratnya masing-masing untuk menilai, menasihati, melawat dan membuat laporan atau syor-syor kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bahkan juga bagi mengawasi atau mengambil tahu kerja dan tanggungjawab pegawai-pegawai di bawah jagaan masing-masing. Dengan jalan ini adalah diharapkan pentadbiran atau projek akan dapat berjalan dengan lebih lancar dan sempurna. Maka dengan itu wang yang banyak dikeluarkan lebih memberi faedah yang lebih tinggi kepada rakyat. Pegawai-pegawai tinggi di

Kementerian-kementerian patutlah juga sekali-kala dalam setahun melawat tempat-tempat yang jauh bagi mengetahui keadaan projek-projek atau keadaan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas yang jauh terpencil di bawah jajaan masing-masing. Kerajaan patut memberi kemudahan-kemudahan yang cukup bagi kenderaan-kenderaan termasuk menggunakan kemudahan helikopter jika susah perhubungan dan jika difikirkan perlu.

Saya suka menerangkan satu keadaan yang berlaku di Sabak Bernam. Di Sabak Bernam ada satu projek loji air paip yang berharga lebih kurang \$5 juta dan baharu siap dalam tempoh setahun ini, tetapi malangnya tidak dapat memberi bekalan air seperti yang diharapkan, malah boleh dikatakan tidak ada banyak perubahan bekalan air dari sebelum loji baharu itu siap. Musim kemarau yang berlaku sekarang ini pihak J.K.R. terpaksa menghantar catuan-catuan air ke kampung-kampung dengan lori-lori. Walaupun loji air itu di tepi tebing Sungai Bernam yang airnya tidak pernah kering pun sepanjang zaman, dan kebetulan loji air itu adalah menyedut air dari Sungai Bernam itu sendiri. Saya sangat sukacita bahkan mengharap jika dapat J.K.R. pusat melawat dan mengatasi nya untuk menyelamatkan wang berjuta-juta ringgit tanpa berfaedah kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Kementerian Pertanian yang telah melancarkan projek Barat Laut Selangor yang termasuk daerah Sabak Bernam dengan memakan belanja lebih kurang \$150 juta. Jika rancangan ini siap akan dapat memberi tambahan pendapatan petani iaitu dianggarkan seorang pesawah padi akan menerima dari \$583 setahun kepada \$735 setahun dan seorang pekebun kecil kelapa akan menerima dari \$370 setahun pada \$930 setahun hingga \$1,528 setahun mengikut keadaan tanaman selingan yang mereka tanam. Ini adalah mengikut kiraan Pegawai Pengurus projek tersebut. Sabak Bernam adalah kawasan pertanian yang mengandungi sawah padi dan pekebun kecil kelapa yang kebanyakannya telah ditanam selingan dengan koko atau pisang. Apa yang diharapkan ialah supaya FAMA dapat segera mendirikan kilang proses koko di Sabak Bernam. Kilang yang boleh membuat biji koko jadi makanan dan minuman untuk

jualan dalam negeri dan juga mungkin boleh diekspot. Tapak untuk kilang ini telahpun disediakan oleh Pegawai Daerah tiga tahun yang lalu kerana pada masa itu rancangan tersebut telah dikemukakan kepada FAMA daerah tetapi nampaknya hingga hari ini belum juga dimulakan.

Selain daripada itu mengenai hal koko ini juga ialah petani-petani Sabak Bernam berharap supaya dapat Kerajaan mengeluarkan lesen kepada pembeli-pembeli koko iaitu untuk menstabilkan harganya dan mengelakkan kecurangan baik oleh pembeli ataupun oleh penjual.

Mengenai lesen koko ini telah ditimbulkan di peringkat daerah lebih kurang empat tahun dahulu. Keadaan yang paling akhir ialah bahawa Pegawai MARA Daerah telah menerangkan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah pada 19-2-79 yang lalu mengatakan semua perkara telah selesai hanya belum diwartakan kerana belum ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri. Jika perkara ini benar saya berharap segeralah hendaknya Yang Berhormat Menteri tolong menandatangani surat-surat mengenai melesen pembelian koko ini. Sebenarnya, perkara ini kecil tetapi oleh kerana telah tidak dapat diatasi oleh daerah dan negeri maka saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Oleh kerana perusahaan menanam koko ini semakin luas dan nampaknya sangat menarik minat para petani yang berkenaan, saya berpendapat patutlah Kerajaan mula menimbang untuk menubuhkan Badan Lembaga Koko Negara.

Mengenai hasil buah kelapa pula nampaknya tiada pembelaan yang sewajar mengenai harga. Harga kelapa dimainkan oleh orang-orang tengah. Malah ada pihak-pihak yang menakut-nakutkan bahawa memasak dengan menggunakan minyak kelapa itu boleh mendatangkan penyakit lemah jantung. Minyak makan jenis lain tidak. Adakah perkara ini benar ataupun satu muslihat perniagaan. Dan sebenarnya FAMA ada pusat membeli dan mengering kelapa di Sabak Bernam, tetapi setakat ini tidak ada upaya menjadi pembeli utama malah ianya sendiri menjual balik kelapa keringnya itu kepada orang tengah.

Pada akhirnya, saya menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

5.44 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Yang di-Pertua, kandungan Kajian Separuh Penggal daripada Rancangan Malaysia Ketiga yang dikeluarkan baru-baru ini merupakan berita-berita yang sangat menyenangkan hati semua rakyat Malaysia serta pelabur-pelabur asing. Adalah sangat-sangat diharapkan supaya wang perbelanjaan tambahan sebanyak \$13.5 ribu juta untuk Rancangan Malaysia Ketiga bagi sektor awam akan mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar terutama sekali rancangan pembangunan tanah, memperbaiki dan membekalkan lebih banyak kemudahan perairan dan saliran serta memperkukuhkan perkhidmatan yang dapat membantu pembangunan kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kemudahan-kemudahan perairan dan saliran tambahan pada pendapat saya, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji kemungkinan mendirikan satu jabatan Pembangunan Sumber Air bagi mengkaji contour negara ini dengan menggunakan ukuran tanah dan ukuran udara (soil survey and aerial survey) terutamanya ukuran cerun tanah (slope land survey) supaya dapat adanya pemeliharaan tanah bermaksud untuk mencegah atau mengurangkan air bah kilat disamping itu mencari cara bagi menakung air pada musim kemarau dan bagi kegunaan perairan.

Sebenarnya, di negara-negara seperti Filipina dan Taiwan di mana terdapatnya penanaman sawah padi, masalah perairan mendapat perhatian terutama disebabkan pengeluaran bahan makanan adalah dianggap penting sekali. Apalah gunanya bahan-bahan getah dan timah di masa peperangan jika sekalipun kita mempunyai bahan-bahan seperti ini atau matawang tetapi kita tiada kemudahan pengangkutan perkapalan bagi membawakan beras atau gandum ke negara kita.

Kajian Separuh Penggal telah menyempurnakan satu kerja yang dapat dikatakan terperinci sebagaimana yang telah disenaraikan di dalamnya pencapaian-pencapaian di dalam jangka masa yang dikaji. Akan tetapi saya dapati bahawa Kajian Separuh Penggal

tidak disentuh tentang pencapaian-pencapaian berhubung dengan daimensi pembangunan sociology, politik dan juga hal keselamatan seperti yang telah dibentangkan dalam Bab V Rancangan Malaysia Ketiga dari mana telah dikatakan bahawa berkenaan dengan mobiliti sosial Rancangan Malaysia Ketiga menjangkakan bahawa lebih ramai petani-petani dari orang-orang Melayu dan juga lain bumiputra akan memasuki perniagaan tetapi pada satu pihak yang lain bilangan yang sama rakyat Malaysia yang lain akan beralih ke sektor pertanian. Tambahan pula usaha-usaha akan dibuat di dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga bagi memperkukuhkan jentera terlibat bagi maksud perancangan dan bertindak dalam kampung-kampung baru dan membawa di tempat-tempat yang tidak mengadakan Jawatankuasa Pembangunan Kampung, tindakan segera akan diambil bagi menubuhkannya. Saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan akan meneliti perkara ini dengan lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kenyataannya apabila mengemukakan usul ini berkenaan dengan Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang. Saya quote:

“Dalam membuat persediaan untuk Rancangan Malaysia Keempat keutamaan akan diberi kepada kajian-kajian dasar serta sama ada rancangan yang akan dijalankan itu berkesan atau tidak. Penyesuaian juga akan dilaksanakan terhadap rancangan-rancangan itu supaya kesannya ke atas kumpulan yang dimaksudkan akan lebih terasa.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan bahawa di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang lebih banyak titikberat patut diberikan kepada soalan produktiviti tanah, berhubung dengan bahan-bahan makanan dan sama ada rundingan boleh diadakan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri terhadap penggunaan lebih banyak tanah-tanah negeri yang tidak dikerjakan bagi maksud pengeluaran bahan-bahan makanan.

Di dalam lapangan pengeluaran buah-buahan kita mempunyai buah-buahan seperti

pisang, nenas dan buah betik sebagai buah-buahan penting bagi diekspot. Saya mencadangkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri dapat dihubungi bagi mempertimbangkan meluangkan sebahagian daripada tanah negeri yang terbiar dan diberi kepada petani-petani di atas landasan pajakan bagi beberapa tahun yang dihadkan semata-mata untuk maksud mengeluarkan buah-buahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman sekarang yang bersifat modenisasi dan pembangunan perumahan belum ada pertimbangan diberikan kepada penanam-penanam sayur yang rajin mengerjakan tanah dari pagi hingga senja dan membekalkan sayur-sayuran di dapur kita. Jikalau mereka ini dihalau daripada tanah-tanah mereka yang selalunya merupakan tanah TOL dan digantikan dengan pembangunan perumahan, perusahaan dan projek-projek yang lain, dengan sebab demikian akan terwujud keadaan kekurangan sayur-sayuran di pasar-pasar dengan hasil penambahan harga barang-barang dan seterusnya kos hidup akan meningkat. Ini akan menyebabkan pekerja-pekerja bergaji untuk menuntut kenaikan gaji mereka. Akhirnya kita akan menempuh inflasi. Perkara ini patut diberi perhatian oleh pihak berkuasa.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

6.01 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Speaker, dalam mengemukakan usul bagi Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga di Dewan Rakyat pada 19hb Mac yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata mengenai kejayaan-kejayaan semasa tiga tahun yang pertama Rancangan Malaysia Ketiga yang disifatkan oleh beliau sebagai memuaskan dan tepat dengan keyakinan Kerajaan di dalam pertumbuhan dan ketahanan ekonomi.

Menurut beliau Kajian Separuh Penggal ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia

sebenarnya berkembang dengan kadar 8.7% setahun bagi tempoh 3 tahun yang lalu dan juga telah melebihi matlamat asal Rancangan Malaysia Ketiga iaitu 8.4% setahun. Perdana Menteri kita telah memberitahu Dewan ini bahawa pertumbuhan ekonomi telah meningkatkan pendapatan per kapita daripada \$1,304 dalam tahun 1975 kepada \$1,644 dalam tahun 1978.

Tuan Speaker, sejumlah 474,100 pekerjaan baru telah diwujudkan dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran daripada 7% dalam tahun 1975 kepada 6.2% dalam tahun 1978. Beliau juga menambah bahawa kemajuan yang memuaskan telah tercapai dalam usaha untuk mengurangkan kemiskinan dengan cara membuka lebih banyak ekar tanah baru, mengadakan lebih banyak kemudahan parit dan taliair, memberi lebih banyak kredit dan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil, membina lebih banyak unit rumah, membekalkan air paip kepada lebih ramai orang, menambah bilangan pusat-pusat kesihatan di kawasan desa dan luar bandar dan membina bilik-bilik darjah tambahan untuk sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Tuan Speaker, bahawa kemajuan-kemajuan tertentu yang telah dicapai dalam masa 3 tahun yang lalu Rancangan Malaysia Ketiga tidak boleh dipertikaikan. Walau bagaimanapun, lebih banyak lagi dapat dicapai sekiranya kita mempunyai keupayaan yang lebih baik dan pentadbiran yang lebih cekap dan jujur.

Semasa perbahasan Rancangan Malaysia Ketiga dalam tahun 1976, saya telah menyatakan bahawa kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan satu pentadbiran yang cekap, berkesan, dedikasi, jujur dan tidak rasuah. Telah 3 tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga berjalan, tetapi masih belum lagi merangka jalan yang wajar ataupun mencapai objektif yang dikehendaki iaitu satu pentadbiran yang benar-benar cekap, dedikasi dan tanpa rasuah dari peringkat bawahan ke peringkat atasan yang dihalia kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang berjaya.

Keperluan suatu peringkat kecekapan dan berkesan di dalam jentera Kerajaan dan suatu kehormatan dan integriti tanpa rasuah, dedikasi dan kejujuran masih belum lagi boleh

dibanggakan bukan sahaja ke atas semua kakitangan Kerajaan, tetapi juga ke atas semua pemimpin-pemimpin politik di peringkat Kebangsaan dan Negeri.

Dengan mengambil anggapan bahawa kejayaan-kejayaan seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat di dalam usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga tidak boleh dipertikaikan, saya di sini ingin menyatakan dengan ikhlas bahawa semua kejayaan-kejayaan ini akan menjadi kosong dan sia-sia sekiranya Kerajaan tidak dapat mengenggam semua masalah-masalah asas yang menghadapi Malaysia hari ini iaitu tidak ada perpaduan, polarisasi kaum dan kemerosotan hak-hak demokrasi dan kebebasan asasi.

Dahulu saya pernah menyatakan dan saya ingin menyatakan semula bahawa kejayaan atau kegagalan Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru akan bergantung kepada sama ada Kerajaan akan berjaya dalam pembinaan negara berbilang kaum kerana tanpa suatu negara yang bersatu-padu dan rakyat yang bersatu-padu kita tidak akan berjaya menjalan pembangunan yang berjaya. Usaha-usaha yang hendak diambil untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan pembasmian kemiskinan termasuk cadangan di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga iaitu suatu tambahan \$13.5 billion hendaklah disalurkan kepada pembangunan. Yang demikian akan menambahkan lagi tanggungan Rancangan Malaysia Ketiga kepada \$32.1 billion. Semua ini hanya bermakna dan berguna sekiranya usaha-usaha pembangunan Kerajaan berjaya membasmi ketakutan dan kekecewaan politik sosial dan pendidikan rakyat yang tertamat dalam.

Keputusan untuk menambah kumpulan wang bagi mempercepatkan langkah-langkah mencegah kemiskinan sebanyak 56% kepada \$11.2 billion adalah patut dipuji. Walau bagaimanapun, ini akan hanya bermakna sekiranya kekecewaan orang-orang miskin tanpa mengira kaum dibasmikan dan adakah keputusannya ialah mewujudkan satu masyarakat yang benar-benar adil dan saksama untuk semua.

Menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, rancangan membasmi

kemiskinan Kerajaan telah membantu mengadakan lebih banyak wang ke dalam poket-poket orang-orang miskin. Pendapatan bulanan purata dalam peringkat 40% di bawah telah naik dari \$76 hingga \$138.

Benarkanlah saya bertanya, apakah wang \$138 boleh buat dalam masa kos hidup yang tinggi yang ada sekarang? Orang-orang miskin di bandar adalah berada di dalam keadaan yang amat teruk. Sungguhpun Kajian Separuh Penggal menyatakan bahawa pada kadar purata pendapatan bulanan sesebuah rumah bagi kawasan-kawasan bandar telah bertambah dari \$428 dalam tahun 1970 kepada \$642 tahun 1976 pada kadar harga tahun 1970 sementara pendapatan menengah di bandar meningkat pada kadar 4.1% setahun dalam tempoh tahun 1971 hingga tahun 1976 dari \$265 sebulan pada tahun 1970 kepada \$338 sebulan pada tahun 1976. Tidakkah boleh dinafikan bahawa kedudukan ekonomi dan kewangan orang bandar khususnya golongan yang miskin adalah tidak baik dan tetap memandangkan kos hidup yang tinggi dan masalah sewa yang tinggi mereka kena bayar untuk tempat kediaman.

Mereka yang di dalam golongan pendapatan rendah menghadapi kesusahan yang lebih teruk lagi. Masalah mereka yang penting ialah masalah perumahan. Ini ialah keadaan di Kuala Lumpur Bandar—kawasan yang saya mewakili—di mana hari ini lebih daripada 20,000 permohonan masih berada di dalam senarai menunggu untuk rumah-rumah harga rendah.

Rancangan perumahan harga murah Dewan Bandaraya dari tahun 1976—1978 adalah tidak mencukupi untuk keperluan golongan berpendapatan rendah dan akibatnya ialah ramai orang-orang miskin di bandar yang berkehendakkan tempat tinggal telah membina rumah-rumah setinggan untuk mendiami.

Mereka ini bukan suka menjadi setinggan tetapi mereka tidak ada pilihan lain kerana kegagalan pentadbiran Dewan Bandaraya untuk mengatasi masalah perumahan harga rendah pada masa yang lalu.

Tidak boleh dinafikan bahawa “setinggan” ialah hasil daripada sistem sosio-ekonomi masyarakat dan ini adalah jelasnya di Kuala

Lumpur yang mungkin menghadapi masalah serius kemiskinan bandar berbanding dengan pusat-pusat bandar yang lain di dalam negara kita.

Tuan Speaker, menimbang hakikat bahawa satu perempat penduduk Kuala Lumpur terdiri daripada setinggan, saya mestilah menyatakan bahawa ini ialah suatu masalah yang besar bagi pentadbir-pentadbir bandaraya.

Kebanyakan setinggan ini adalah miskin oleh kerana biasanya mereka ini ialah buruh-buruh tidak mahir yang mendapat pendapatan yang rendah. Walau bagaimanapun, saya tidak nafikan bahawa adanya setinggan-setinggan yang mengambil kesempatan yang tinggal di kawasan-kawasan setinggan ini kerana sebab-sebab mengambil kesempatan seperti mengelak membayar cukai atau sewa, sementara mereka sendiri mempunyai rumah-rumah yang serba lengkap di tempat-tempat lain.

Tuan Speaker, jawapan terhadap masalah setinggan bergantunglah pada pembinaan lebih banyak rumah-rumah murah di sekitar Kuala Lumpur sebagai satu langkah memperbaiki kualiti kehidupan orang miskin dan kalangan penduduk yang berpendapatan kecil di kawasan bandar.

Mengikut Pengkajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga dalam perenggan 96, telah menyatakan bahawa Kerajaan memang membina flat-flat (rumah-rumah pangsa) dan rumah-rumah kos rendah di tempat-tempat yang berhampiran pusat bandar untuk memenuhi keperluan terhadap penghuni-penghuni yang berpendapatan rendah. Mengikut kenyataan bahawa kini lebih kurang sejumlah 12,900 buah rumah di merata Semenanjung Malaysia telah dibina di antara tahun 1976 hingga 1978.

Maka dengan jelasnya sebanyak 12,900 buah rumah-rumah murah masih tidak cukup untuk menampung keperluan pada para penghuni-penghuni Kuala Lumpur atau di lain-lain tempat yang berpendapatan kecil, namun demikian, kini melebihi 12,000 pemohon-pemohon rumah adalah di dalam senarai penungguan yang saya katakan tadi.

Apa yang pasti dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya ialah dengan mempercepatkan

perlaksanaan program perumahan yang murah serta merangkakan satu dasar pembahagian rumah murah ini dengan cara adil dan menasabah supaya rumah-rumah tersebut dapat diberikan kepada mereka yang betul-betul dan benar-benar memerlukan rumah ini untuk kediaman masing-masing.

Tuan Speaker, merujuk Pengkajian Penggal Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga ini, Program-program bantuan ada diberi kepada pedagang-pedagang dan penjaja-penjaja terutama mereka yang berniaga di kawasan bandar. Cadangan bantuan tersebut melengkapkan dan termasuk pembinaan gerai-gerai, kedai-kedai dan juga membekalkan mereka dengan kemudahan alat-alat perniagaan.

Rancangan tersebut adalah satu langkah yang menyusuri panduan tepat, kerana sepertimana yang kita ketahui bahawa penjajaan di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur ini merupakan satu mata pencarian oleh para penjaja khususnya, perniagaan penjajaan ini adalah satu cara perniagaan yang bercorak istimewa di bandaraya kita, apalagi bilangan besar mereka daripada penghuni bandar yang hanya berpendapatan kecil seperti ayam kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Bilangan penjaja-penjaja di Kuala Lumpur berjumlah pada anggapan kami lebih kurang 30,000 akan tetapi hingga 31hb Disember, 1978 cuma sejumlah 13,028 penjaja Kuala Lumpur yang mempunyai lesen sahaja.

Maka dengan kenyataan angka ini, pihak Dewan Bandaraya adalah diseru supaya mengambil tindakan positif dan satu pendekatan yang lebih anjal dengan mengadakan lesen-lesen kepada penjaja-penjaja bandar yang mana siapa memerlukan lesen itu untuk mencari rezeki masing-masing.

Saya ingin mencadangkan di sini kepada Dewan Bandaraya supaya pada masa ini sekira ada kemungkinan mengadakan satu mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Penjaja diadakan untuk membincang perkara ini supaya satu cara yang lebih positif dapat diambil untuk mencari jalan mengenai bagaimana banyak lesen-lesen dapat dikeluarkan kepada mereka yang hendak menjadi penjaja-penjaja.

Sungguhpun saya menyokong bahawa segala undang-undang mengenai penjajaan

patut diambil dan juga penjajaan ini patut dikawal tetapi saya berharap bahawa tindakan yang diamalkan oleh pihak yang berkuasa ini boleh dijalankan secara adil supaya tidak mengakibatkan kehindaran terhadap perniagaan penjaja-penjaja ini.

Tuan Speaker, satu daripada masalah-masalah serius yang kini dialami oleh para orang-orang miskin terutama mereka yang bermastautin di Kuala Lumpur ialah berkenaan dengan kenaikan sewa rumah yang tidak adil. Tuan punya-tuan punya rumah selalu menambah sewa dari masa ke semasa tanpa sebarang timbangan.

Saya bersetuju tidak sesiapa orang pun yang membantah kenaikan sewa rumah yang menasabah dan adil, akan tetapi ada kalanya juga tuan punya-tuan punya (pemilik) rumah menaikkan sewa itu dengan tidak berpatutan. Maka dengan tindakan ini, para penghuni yang berpendapatan kecil terpaksa mem-berhentikan sewanya kerana mereka tidak sanggup melanjutkan sewa dengan sewa yang terlampau tinggi.

Jikalau Kerajaan benar-benar jujur untuk menghapus atau mencari satu jalan bagi mengatasi masalah ini, saya mencadangkan bahawa Kerajaan patutlah mengkaji semula tentang Undang-undang Kawalan Sewa supaya satu cara atau satu jalan yang positif dapat diambil untuk menentukan bahawa sewa-sewa rumah dapat ditetapkan pada paras yang adil.

Tuan Speaker semenjak Dasar Ekonomi Baru di implementasikan satu daripada matlamat-matlamat dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah meninggikan kualiti penghidupan semua rakyat Malaysia terutama sekali kepada para orang-orang miskin melalui perkembangan pelajaran, perkhidmatan kesihatan, kemudahan-kemudahan rancangan keluarga, dan perumahan.

Dalam aspek ini, saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa masih banyak kampung-kampung, kawasan-kawasan setingan dan kampung-kampung baharu di sekitar Wilayah Persekutuan yang masih memerlukan lebih banyak lagi kemudahan asas seperti pembekalan air, elektrik, jalan-jalan serta kemudahan kesihatan dan lain-lainnya.

Dalam tinjauan berkenaan kampung-kampung baharu, usaha haruslah diteruskan oleh Kerajaan tentang penyelesaian masalah asal seperti kekurangan tanah, dan hal-hal mengenai masalah yang disifatkan insecurity of tenure.

Paragraf 88, dalam Pengkajian Penggal Pertengahan, Rancangan Malaysia Ketiga telah menyatakan dan saya quote paragraf itu di sini:

“Walaupun kemajuan telah dicapai dalam penyelesaian masalah-masalah kekurangan tanah di kalangan penduduk-penduduk di kampung-kampung baharu, namun demikian, kerunsingan utama mereka adalah disebabkan kekurangan tanah dan geran tanah yang tidak berkeselamatan, terutama tanah kecil yang diperolehi oleh tiap-tiap satu keluarga.”

Saya rasa, bahawa Kerajaan haruslah mengambil langkah positif supaya mengatasi masalah ini yang merupakan satu aspek kemiskinan di kampung-kampung baharu.

Kerajaan mesti memberi pertimbangan yang lebih berat untuk memperbaiki keadaan-keadaan sosial ekonomik dalam semua kampung-kampung baharu, di seluruh negara kita.

Tuan Speaker, di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga ada menyatakan bahawa pada akhir tahun 1978, lebih kurang 195,634 unit rumah telah dibina oleh Kerajaan sedangkan sejumlah 118,310 unit yang masih di bawah beberapa peringkat pelaksanaan. Daripada rumah-rumah yang telah siap itu, pihak swasta awam telah membina sebanyak 65,936 unit rumah.

Saya berasa kesal atas kekurangan rumah-rumah murah dan ini membayangkan masalah-masalah bersangkutan dengan proses yang panjang untuk mendapatkan tapak tanah yang sesuai serta kemudahan dalam memberikan infrastruktur.

Usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan dalam pembinaan rumah-rumah kos rendah ataupun Program perumahan murah yang dijalankan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, dan juga agensi-agensi awam, pada tiga tahun yang lampau nampaknya tidaklah begitu memuaskan.

Demikian juga, dengan jelasnya, Kerajaan mesti memulakan satu pengkajian yang mendalam mengenai pendekatan usaha-usaha yang dibuat terhadap pembinaan rumah-rumah murah atau rumah-rumah kos rendah yang patut dibuat untuk menampung keperluan rumah oleh kalangan rakyat yang berpendapatan kecil di negara ini.

Apa yang kita perlukan hari ini Tuan Speaker, ialah satu Dasar Perumahan Negara yang boleh mendefinisikan dengan jelasnya tentang keperluan-keperluan perumahan negeri kita ini terutama kepada mereka yang berpendapatan kecil. Langkah-langkah berkesan harus diambil untuk mengatasi masalah-masalah kekurangan rumah murah. Berhubung dengan perkara ini, saya bercadang bahawa masa telah tiba bagi Kerajaan menubuhkan satu Lembaga Perumahan Negara untuk merancang dan melaksanakan matlamat-matlamat di dalam satu Dasar Perumahan Kebangsaan. Di samping ini saya suka mengesyorkan bahawa satu sistem baru patut dirangka oleh Kerajaan yang menentubahawa rumah-rumah khasnya rumah-rumah murah diperuntukan kepada mereka yang benar-benar layak. Dan kita patut ada sebuah Buku Dasar untuk mengesan pembeli-pembeli rumah supaya pihak berkuasa boleh mendapat tahu sama ada mereka yang memohon rumah telah mempunyai rumah.

Mengenai masalah kemiskinan saya berpendapat bahawa salah satu cara yang boleh diambil oleh Kerajaan untuk memerangi masalah itu ialah dengan pengenalan satu dasar bahan makanan murah sebagai satu langkah untuk membantu rakyat miskin menghadapi masalah kos hidup yang tinggi. Tidak lama dahulu Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Kewangan untuk mengurangkan harga petipeti televisyen berwarna-warni. Rakyat juga diberitahu bahawa Jawatankuasa Bersama itu akan mengkaji kemungkinan mengurangkan harga commodities lain di negara kita. Sejak pengumuman ini dibuat kami belum diberitahu apakah hasil yang telah dicapai oleh pihak Kerajaan ke arah ini. Kami berpendapat adalah perlu bagi Kerajaan mengkaji semula usahanya untuk memerangi masalah harga commodity yang melambung

naik di negara ini. Kerajaan patutlah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet yang mempunyai kuasa penuh untuk merangka satu dasar bahan makanan murah sebagai satu langkah membantu orang yang miskin di negara kita. Jawatankuasa tersebut boleh membuat kajian yang mendalam terhadap kedudukan harga semua commodities khasnya bahan-bahan makanan dan mencari cara-cara untuk memastikan bahawa bahan-bahan makanan boleh didapati dengan murah oleh orang ramai.

Perenggan 183 Rancangan Malaysia Ketiga ada menyentuh tentang pengurangan kemiskinan di kalangan orang-orang miskin dalam bandar dengan penambahan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan dan pembinaan termasuk galakan industri-industri yang kecil.

Dalam hubungan ini, Tuan Speaker, suka saya menarik perhatian Dewan ini kepada kewujudan banyak industri-industri kecil dalam Kuala Lumpur yang menjalankan operasi mereka dalam keadaan ketakutan oleh kerana mereka selalu didenda kerana mereka didapati salah kerana wujud di zon larangan ataupun zon yang salah. Kebanyakan industri-industri kecil ini terlibat dalam kegiatan-kegiatan membuat pakaian-pakaian, membuat kasut dan bahan-bahan makanan dan wujud dalam zon-zon residential. Mengikut pihak berkuasa mereka tidak boleh menjalankan operasi mereka. Perkara ini amat mendukacitakan dan saya mengesyorkan di sini supaya satu pelan induk dirumuskan yang menentukan bahawa semua industri-industri kecil ditempatkan semula supaya mereka dapat mencari nafkah dalam keadaan yang lebih stabil.

Mengenai Kemajuan Wilayah Tuan Speaker, saya suka menarik perhatian kepada Pelan Induk baru untuk Kuala Lumpur. Saya memahami bahawa Dewan Bandaraya telah menubuhkan satu Unit Pelan Induk untuk tujuan merangka satu pelan induk baru untuk Kuala Lumpur. Saya berasa bahawa Dewan Bandaraya patut mengambil langkah-langkah untuk menyegerakan formulasi pelan induk baru, kerana tanpa satu pelan induk yang baru dan teratur kita tidak dapat mengatasi berbagai-bagai masalah berkaitan dengan pengangkutan awam, lalulintas,

sistem pamaritan dan lain-lain masalah di bandaraya dengan berkesan.

Akhirnya, Tuan Speaker, ada dua tahun lagi sebelum tempoh Rancangan Malaysia Ketiga tamat. Kita haruslah mengkaji dengan serius segala kelemahan yang dialami oleh kita pada setakat ini. Apa yang mustahak ialah langkah-langkah yang wajar patut diambil untuk memperbaiki lagi capacity pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ini. Memandangkan kepada ini suka saya men cadangkan bahawa satu Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan untuk memperbaiki jentera pentadbiran dan capacity pelaksanaan di semua jabatan-jabatan dalam peringkat kebangsaan ke peringkat daerah. Red tape yang masih wujud di sebahagian jabatan-jabatan patut dihapuskan, kekurangan personnel hendaklah diatasi dan kecekapan diperbaiki lagi. Dengan cara ini capacity implementasi akan dapat diperkuatkan supaya matlamat-matlamat Kebangsaan benar-benar dapat dicapai dan kehendak-kehendak dan hasrat rakyat dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Dungun.

6.30 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan akan turut menyokong di atas usul bagi meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan yang mulia ini pada hari Isnin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang telah menampakkan kejayaan cemerlang telah menaikkan kadar Keluaran Dalam Negeri Kasar kepada 8.7% dengan nisbah lebih 0.3% dari matlamat asal Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu 8.4% itu saya amatlah kagum dan berbangga sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sambung pada hari Isnin.

Tuan Awang bin Jabar: Insya Allah.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

RUMAH KEDIAMAN PEKERJA-PEKERJA KERETAPI TANAH MELAYU

6.32 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Speaker, saya berharap hari ini saya tidak akan disabotajkan seperti berlaku pada dua hari yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak menyentuh dalam Ucapan Penangguhan. Ada 7½ minit, tidak boleh lebih.

Tuan P. Patto: Ini mukadimah sahaja, Tuan Speaker.

Rumah-rumah kediaman (quarters) bagi pekerja-pekerja terendah dalam perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu yang ada sekarang kebanyakannya tidaklah sesuai untuk didiami oleh pekerja-pekerja dengan tanggungan-tanggungan mereka lagi. Rumah-rumah ini telah dibina sebelum Merdeka oleh penjajah British dan selepas Merdeka, Tuan Speaker, KTM.....

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, koram dalam Dewan ini tidak cukup.

(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, kurang daripada 26 Ahli hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Setelah dua minit loceng dibunyikan tidak juga cukup koram.

Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 26hb Mac, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.